



MALAYSIA

**PENYATA RASMI PARLIMEN
DEWAN NEGARA**

**PARLIMEN KEDUA BELAS
PENGKAL KEEMPAT
MESYUARAT KEDUA**

K A N D U N G A N

MENGANGKAT SUMPAH	(Halaman 1)
PEMASYHURAN TUAN YANG DI-PERTUA Mengalu-Alukan Ahli Baru	(Halaman 1)
JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN	(Halaman 2)
RANG UNDANG-UNDANG:	
Rang Undang-undang Institut Sukan Negara 2010	(Halaman 22)
Rang Undang-undang Saraan Hakim (Pindaan) 2011	(Halaman 50)
Rang Undang-undang Perihal Dagangan 2011	(Halaman 69)
USUL:	
Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat	(Halaman 42)
Menangguhkan Mesyuarat di Bawah Peraturan Mesyuarat 15(3)	(Halaman 88)
UCAPAN-UCAPAN PENANGGUHAN:	
Impak Kenaikan Tarif Elektrik dan Jaminan Bekalan Tenaga - <i>YB. Senator Puan Mumtaz binti Md. Nawi</i>	(Halaman 88)
Suruhanjaya Bebas Aduan dan Salahlaku Polis (IPCMC) - <i>YB. Senator Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah</i>	(Halaman 91)

AHLI-AHLI DEWAN NEGARA

1. Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang
2. Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Armani binti Haji Mahiruddin (Sabah)
3. “ Dato' Haji Abdul Rahim bin Haji Abdul Rahman (Dilantik)
4. “ Datuk Abdul Rahman bin Bakar (Dilantik)
5. “ Tuan Haji Ahamat @ Ahamad bin Yusop (Johor)
6. “ Tuan Ahmad bin Hussin (Perlis)
7. “ Datuk Akbar bin Ali (Melaka)
8. “ Tuan A. Kohilan Pillay a/l G. Appu (Dilantik) – *Senator – Timbalan Menteri Luar Negeri I*
9. “ Datuk Dr. Awang Adek Hussin (Dilantik) – *Senator – Timbalan Menteri Kewangan II*
10. “ Dato' Azian bin Osman (Perak)
11. “ Tuan Boon Som a/l Inong (Dilantik)
12. “ Datuk Chandrasekar Suppiah (Dilantik)
13. “ Puan Chew Lee Giok (Dilantik)
14. “ Datuk Chin Su Phin (Dilantik)
15. “ Dato' Daljit Singh Dalliwal (Dilantik)
16. “ Puan Hajah Dayang Madinah binti Tun Abang Haji Openg (Sarawak)
17. “ Dato' Donald Lim Siang Chai (Dilantik) – *Senator – Timbalan Menteri Kewangan II*
18. “ Puan Doris Sophia ak Brodi (Dilantik)
19. “ Datuk Hajah Fatimah binti Hamat (Terengganu)
20. “ Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah (Dilantik)
21. “ Tuan Gan Ping Sieu (Dilantik) - *Senator – Timbalan Menteri Belia dan Sukan I*
22. “ Puan Heng Seai Kie (Perak) – *Senator – Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat*
23. “ Dato' Haji Idris bin Haji Buang (Sarawak)
24. “ Dato' Sri Idris Jala (Dilantik) – *Senator - - Menteri di Jabatan Perdana Menteri*
25. “ Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharum (Dilantik) – *Senator – Menteri di Jabatan Perdana Menteri*
26. “ Dato' Dr. Johari bin Mat (Kelantan)
27. “ Tuan Khoo Soo Seang (Johor)
28. “ Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon (Dilantik) – *Senator – Menteri di Jabatan Perdana Menteri*
29. “ Tuan Lee Cheam Choon (Melaka)
30. “ Datuk Maglin a/l Dennis D'Cruz – *Timbalan Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan II*
31. “ Datuk Maijol Mahap (Sabah)
32. “ Dr. Malasingam a/l Muthukumar (Dilantik)

33. Yang Berhormat Puan Mariany binti Mohammad Yit (Dilantik)
34. “ Dato’ Dr. Mashitah binti Ibrahim (Dilantik) – *Senator – Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri*
35. “ Dato’ Maznah binti Mazlan (Dilantik) – *Senator – Timbalan Menteri Sumber Manusia*
36. “ Tuan Mohamad Ezam bin Mohd. Nor (Dilantik)
37. “ Dato’ Mohammed Najeeb bin Abdullah (Negeri Sembilan)
38. “ Dato Sri Dr. Mohd. Effendi bin Norwawi (Dilantik)
39. “ Tuan Mohd. Khalid bin Ahmad (Perlis)
40. “ Tuan Haji Muhamad Yusof bin Husin (Kedah)
41. “ Tuan Muhammad Olian bin Abdullah (Dilantik)
42. “ Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawi (Kelantan)
43. “ Dato’ Mustafa Kamal bin Mohd. Yusoff (Pulau Pinang)
44. “ Tuan Ng Fook Heng (Pahang)
45. “ Datin Paduka Datuk Nor Hayati binti Tan Sri Dato’ Seri Onn (Dilantik)
46. “ Puan Hajah Noriah binti Mahat (Dilantik)
47. “ Puan Norliza binti Abdul Rahim (Dilantik)
48. “ Dato’ G. Palanivel (Dilantik)
– *Timbalan Menteri Perusahaan, Perladangan dan Komoditi II*
49. “ Tuan Pau Chiong Ung (Dilantik)
50. “ Datuk Paul Kong Sing Chu (Dilantik)
51. “ Dato’ Raja Nong Chik bin Dato’ Raja Zainal Abidin (Dilantik) – *Senator – Menteri Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar*
52. “ Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah (Selangor)
53. “ Datuk Haji Rizuan bin Abd. Hamid (W.P. Kuala Lumpur)
54. “ Tuan Saiful Izham bin Ramli (Kedah)
55. “ Dato’ Sri Shahrizat binti Abdul Jalil (W.P. Putrajaya) – *Senator – Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat*
56. “ Datuk Subbaiyah a/l Palaniappan (Dilantik)
57. “ Dato’ Syed Ibrahim bin Kader (Dilantik)
58. “ Dr. Syed Husin Ali (Selangor)
59. “ Tan Sri Datuk Tee Hock Seng (Dilantik)
60. “ Tunku Abdul Aziz bin Tunku Ibrahim (Pulau Pinang)
61. “ Puan Usha Nandhini a/p S. Jayaram (Dilantik)
62. “ Datuk Hajah Wan Hazani binti Haji Wan Mohd. Nor (Dilantik)
63. “ Dato’ Dr. Yeow Chai Thiam (Negeri Sembilan)
64. “ Datuk Haji Yunus bin Haji Kurus (Kedah)
65. “ Puan Hajah Zainun binti A. Bakar (Terengganu)
66. “ Dato’ Zaitun binti Mat (Pahang)

DEWAN NEGARA**Ketua Pentadbir Parlimen**

Dato' Ngah Senik

Setiausaha Dewan Negara

Datuk Zamani bin Haji Sulaiman

Setiausaha Bahagian (Pengurusan Dewan)

Encik Che Seman bin Pa Chik

PETUGAS-PETUGAS PENYATA RASMI (*HANSARD*)

Azhari bin Hamzah

Monarita binti Mohd Hassan

Rosna binti Bujairomi

Hajah Supiah binti Dewak

Nurziana binti Ismail

Suriyani binti Mohd. Noh

Aisyah binti Razki

Yoogeswari a/p Muniandy

Nor Liyana binti Ahmad

Zatul Hijanah binti Yahya

Sharifah Nor Asilah binti Syed Basir

Nik Nor Ashikin binti Nik Hassan

Hafilah binti Hamid

Siti Norhazarina binti Ali

Mohd. Shahrul Hafiz bin Yahaya

Mulyati binti Kamarudin

Nor Faraliza binti Murad @ Nordin Alli

Ganesan a/l Nanthan

Nor Hamizah binti Haji Hassan

Azmir bin Mohd Salleh

Nur Nazihah binti Mohd. Nazir

Noraidah binti Manaf

Mohd. Fairus bin Mohd. Padzil

Mohd. Zaidi bin Mahmood

Mohd. Izwan bin Mohd. Esa

Hazrul bin Sharif

Nor Kamsiah binti Asmad

Siti Zubaidah binti Karim

Aifarina binti Azaman

Noorfazilah binti Talib

Farah Asyraf binti Khairul Anuar

Julia binti Mohd. Johari

Ainuddin bin Ahmad Tajuddin

MALAYSIA**DEWAN NEGARA**

Khamis, 7 Julai 2011

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA*[Tuan Yang di-Pertua mempengerusikan Mesyuarat]***MENGANGKAT SUMPAH**

Ahli Yang Berhormat yang tersebut di bawah ini telah mengangkat sumpah:

- Yang Berhormat Dato' Dr. Johari bin Mat

PEMASYHURAN TUAN YANG DI-PERTUA**MENGALU-ALUKAN AHLI BARU**

Tuan Yang di-Pertua: *Bismillaahir Rahmaanir Rahiim. Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh* dan salam sejahtera. Ahli-ahli Yang Berhormat, saya ingin mengambil kesempatan di sini untuk mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan mengalu-alukan pelantikan Yang Berhormat Dato' Dr. Johari bin Mat sebagai Ahli Dewan yang mulia kita yang baru pada pagi ini.

Ahli-ahli Yang Berhormat, setelah saya mengkaji latar belakang Yang Berhormat ini didapati Yang Berhormat adalah seorang cendekiawan yang mempunyai ilmu undang-undang syariah dan juga kepakaran khususnya di bidang akidah dan pemikiran Islam. Di atas pelantikan Yang Berhormat sebagai salah seorang Ahli Dewan Negara yang mulia ini, saya berharap akan dapat memberi sumbangan yang positif dan konstruktif untuk mentransformasikan dan memartabatkan Dewan Negara ini supaya menjadi sebagai satu Dewan yang bermaruah, berkualiti yang betul-betul komited kepada kepentingan negara dan rakyat Malaysia.

Dalam konteks ini izinkan saya menyatakan khususnya kepada Yang Berhormat bahawa kita Ahli-ahli Dewan Negara apabila sudah dilantik dan angkat ikrar sumpah amatilah apa yang telah kita lafazkan, iaitu kita selain daripada menjadi Ahli Dewan mestilah juga memahami, menghayati dan mendukung aspek segala terkandung dalam Perlembagaan negara. Ini adalah tanggungjawab kita dalam proses apabila kita berdebat di Dewan ini nanti saya berharap jangan sekali-kali kita bersikap emosi dan kadangkala terbawa-bawa lupakan kita sebagai satu Dewan Negara yang bermaruah.

Di dalam konteks ini juga saya menyarankan khususnya kepada semua Ahli Dewan dengan adanya rakan baru kita ini akan diharap boleh bersatu tolong-menolong untuk memperkasakan Dewan ini.

Saya pernah berkata apabila menjadi Ahli Dewan Negara jangan terbawa-bawa dan terlalu banyak berpolitik. Ini yang saya harapkan demi untuk kepentingan bangsa, negara kita mesti fokus kepada kebaikan rakyat Malaysia umumnya.

Ahli-ahli Yang Berhormat, kini selesailah Majlis Mengangkat Sumpah kita pada hari ini. Sekian, terima kasih.

[Timbalan Yang di-Pertua mempengerusikan Mesyuarat]

■1010

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. **Tuan Mohamad Ezam bin Mohd. Nor** minta Perdana Menteri menyatakan, kesediaan kerajaan supaya Akta Pertubuhan 1966 (Akta 335) dan berkaitan peraturan pilihan raya dipinda bagi memastikan urusan dana parti politik dijalankan dengan telus berbanding sistem sekarang yang disifatkan longgar.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Liew Vui Keong]:

Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Tuan Mohamad Ezam bin Mohd. Nor atas soalan ini.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, semenjak tahun 1957, parti-parti politik didaftarkan di bawah Peraturan-peraturan Pertubuhan yang mempunyai punca kuasa daripada Akta Pertubuhan 1966 [Akta 335]. Oleh yang demikian, parti-parti politik di samping didaftarkan, juga dipantau oleh Pejabat Pendaftar Pertubuhan ataupun *Registrar of Societies*. dengan izin. dan tertakluk kepada semua undang-undang dan peraturan di bawah Akta Pertubuhan 1966 serta peraturan-peraturan lain yang digubal di bawahnya.

Ini termasuk seksyen 14(1)(b) yang memperuntukkan apa-apa wang atau harta atau faedah termasuklah keuntungan *pecuniary* yang diterima daripada mana-mana orang yang lazimnya bermastautin di luar Malaysia atau sesuatu organisasi, pihak berkuasa kerajaan atau mana-mana agensi kerajaan di luar Malaysia perlulah diisytiharkan dalam penyata tahunan tersebut. Jelasnya, setiap dana yang diperolehi dan akaun yang diuruskan oleh setiap parti politik yang berdaftar di bawah Akta Pertubuhan 1966 diaudit sendiri oleh badan tersebut iaitu Pendaftar Pertubuhan.

Dalam konteks pilihan raya pula, undang-undang pilihan raya yang sedia ada seperti Perlembagaan Persekutuan, Akta Kesalahan Pilihan Raya 1954 [Akta 5], Peraturan-peraturan Pilihan Raya (Perjalanan Pilihan Raya) 1981 dan seumpamanya sudah mencukupi untuk memastikan pilihan raya yang telus, adil dan bersih daripada sebarang penyelewengan dan rasuah.

Umpamanya, untuk menghalang dan mencegah parti politik dan calon bebas berbelanja lebih daripada jumlah yang ditetapkan oleh undang-undang pilihan raya pula, Parlimen telah menggubal Akta Kesalahan Pilihan Raya 1954 (Akta 5) yang mana seksyen 23 telah menetapkan calon yang mewakili parti politik dan calon bebas wajib menghantar penyata perbelanjaan pilihan raya kepada SPR dalam tempoh 31 hari selepas tarikh keputusan pilihan raya diwartakan. Bagi mereka yang gagal untuk menghantar perbelanjaan tersebut, mereka tidak dibenarkan bertanding dalam pilihan raya dalam tempoh lima tahun. Kos maksimum perbelanjaan pilihan raya bagi seseorang calon kerusi Parlimen adalah sebanyak RM200,000 dan RM100,000 untuk kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN). Manakala seksyen 8, 9 dan 10, Bahagian III di dalam akta yang sama pula menyebut 'penjamu wang', 'pengaruh tidak wajar' dan 'penyogokan' adalah merupakan amalan-amalan rasuah. Penegasan terhadap kesalahan-kesalahan di atas adalah untuk memastikan akauntabiliti calon parti politik dan juga calon BEBAS.

Bagi tujuan penguatkuasaan yang berkaitan dengan pencegahan rasuah termasuk politik wang, penyelewengan kuasa dan penyalahgunaan jentera pentadbiran pula, terdapat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) yang mempunyai kuasa untuk melaksanakan undang-undang bagi apa-apa kesalahan di bawah Bahagian III akta berkenaan sekiranya terdapat laporan mengenai rasuah ataupun penyelewengan dalam pilihan raya.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini, kajian terhadap dana politik telah pun diletakkan sebagai salah satu inisiatif *big win* dengan izin, *National Key Result Area* (NKRA) dengan izin, di bawah program Pelan Transformasi Kerajaan (GTP). Sebagai sebuah negara yang mempunyai wawasan untuk menjadi negara maju menjelang tahun 2020, banyak amalan ataupun kebiasaan akan ditransformasikan bagi merealisasikan impian tersebut.

Mewujudkan kawalan ke atas dana politik merupakan salah satu daripada inisiatif NKRA memerangi rasuah di bawah Pelan Transformasi Kerajaan kerana kerajaan memandang kesalahan rasuah sebagai suatu kesalahan yang berat dan serius serta menjelaskan bahawa kerajaan adalah komited dalam mentransformasikan pentadbiran kerajaan seterusnya memulihkan persepsi rakyat Malaysia khususnya dan dunia amnya.

Satu pendekatan baru yang diambil oleh kerajaan melalui NKRA membanteras rasuah adalah bekerjasama dan mengkaji cadangan serta pandangan yang dikemukakan oleh TI-Malaysia iaitu *Transparency International Malaysia*. Di antara langkah-langkah yang telah diambil adalah mengkaji kembali Akta Pertubuhan 1966, Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009, Akta Suruhanjaya Pilihan Raya 1957 serta Akta *Anti-Money Laundering and Anti-Terrorism Financing 2011*. Ianya bertujuan Tuan Yang di-Pertua, untuk meminta peruntukan-peruntukan yang berkaitan bagi merealisasikan kawalan ke atas dana politik serta dipantau secara berkesan.

Pendaftar Pertubuhan ataupun *Registrar of Society* dengan izin, sedang menggubal garis panduan baru mengenai prosedur sumbangan politik sebagaimana yang dinyatakan dalam laporan tahunan SPRM. Adalah satu pembaharuan dengan mengambil kira syor-syor yang dikemukakan oleh pihak *Transparency International Malaysia*.

Selain daripada itu, lapan daripada 22 syor yang dikemukakan oleh *Transparency International Malaysia* yang mana ada di antaranya telah dilaksanakan atau dalam proses pelaksanaan sama ada sepenuhnya ataupun sebahagiannya. Walau bagaimanapun, syor-syor yang lain sedang dikaji kaedah pelaksanaannya dan mungkin diubahsuai berdasarkan kesesuaian budaya dan kehendak rakyat dan negara. Sekian, terima kasih.

Tuan Mohamad Ezam bin Mohd. Nor: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri di atas jawapan. Saya dan rakan-rakan ingin mengalu-alukan inisiatif kerajaan dari sudut untuk meminda, memastikan urusan dana politik ini dijalankan dengan telus.

Cuma, saya rasa ia akan mendapat rintangan dan tentangan daripada parti-parti politik segenap pihak dan tumpuan harus diberikan kepada *the source of fund*, sumber dana kepada parti tersebut, sebab akhir-akhir ini kita dengar banyak persoalan timbul dalam beberapa kumpulan yang dibentuk akhir-akhir ini, ada sumber luar yang masuk dalam akaun dan sebagainya. Jadi sebab itu harus ada tumpuan khusus kepada sumber, bukan sekadar cara digunakan, banyak mana digunakan, tetapi sumber daripada mana datang dana itu harus juga dijadikan tumpuan dalam pindaan ini.

Dalam masa yang sama Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mengambil kesempatan ini untuk mendapatkan penjelasan yang sejelas-jelasnya daripada pihak Menteri tentang perkara yang berhubung dengan SPR, tuntutan SPR sebab sekarang ini dah macam-macam yang timbul, ada kumpulan baru, kumpulan haram, kumpulan halal, ada perhimpunan haram, perhimpunan halal, jalan raya, stadium dan sebagainya. Jadi akhirnya, tuntutan asas itu jadi kabur.

Jadi saya mohon ada penjelasan yang dilakukan di Dewan yang mulia ini terhadap apa sebenarnya tuntutan kumpulan ini dan apakah respons yang telah diberikan ataupun komitmen yang telah diberikan oleh SPR kepada kumpulan ini dalam matlamat akhirnya bukan untuk menjadi hero di mana-mana perhimpunan tetapi matlamat akhirnya untuk melaksanakan *reform* dalam Suruhanjaya Pilihan Raya. Mohon penjelasan, terima kasih.

■1020

Datuk Liew Vui Keong: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Tuan Mohamad Ezam di atas soalan tambahan ini.

Mengenai isu yang dibangkitkan iaitu sumber dana yang didatangi dari luar negara, ini sememangnya menjadi isu yang telah pun didiskusikan oleh pihak yang berkenaan dalam menggubal dana politik ini.

Sememangnya sekiranya terdapat sumber-sumber yang datang daripada luar, yang tidak ada akauntabiliti, yang haram, ini akan diserahkan kepada pihak polis untuk membuat siasatan selanjutnya.

Mengenai isu yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat mengenai baru-baru ini banyak gabungan yang telah pun membuat tuduhan terhadap SPR. Di sini saya ingin menjelaskan bahawa pihak Suruhanjaya Pilihan Raya iaitu SPR telah pada bulan Oktober tahun lalu menerima satu memorandum daripada Gabungan Pilihan Raya Bersih dan dikatakan adil iaitu BERSIH 2.0. Mereka telah pun mengemukakan 17 tuntutan bagi mendesak pihak SPR bagi melaksanakan perubahan terhadap sistem dan juga perjalanan proses pilihan raya di negara ini. Pihak SPR sebenarnya telah pun pada bulan November menjawab dan memberi beberapa alasan bertulis kepada pihak BERSIH dan ada beberapa tuntutan yang tidak lagi dilanjutkan. Ini telah pun diringkaskan di mana tuntutan-tuntutan pada setakat ini adalah mengenai isu pendaftaran pemilih secara automatik iaitu isu pemansuhan undi pos, isu penggunaan dakwat kekal, isu menurunkan usia pemilih daripada 21 tahun kepada 18 tahun, isu pembersihan daftar pemilih, isu persempadanan semula bahagian pilihan raya, isu tempoh berkempen, isu rasuah pilihan raya, isu akses media yang bebas dan adil, isu hak untuk memantau pilihan raya dan juga isu pengundi hantu.

Untuk maklumat Tuan Yang di-Pertua, isu-isu yang dituntut oleh pihak BERSIH ini boleh dikatakan isu lama. Isu yang telah pun disoal dan juga dijawab di Dewan yang mulia ini oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dan ini menunjukkan sistem demokratik dan juga satu sistem yang mengikut Raja berperlembagaan di mana semua ahli-ahli politik termasuk Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini boleh melalui Dewan, menjawab dan juga bertanya soalan kepada pihak kerajaan mengenai isu-isu yang diuarikan oleh rakyat. Inilah yang telah pun diamalkan sejak kemerdekaan dan inilah satu tempat yang paling sesuai bagi pihak siapa sahaja atau rakyat untuk memaklumkan kepada wakil-wakil mereka dan juga bertanya soalan.

Jadi, untuk pengetahuan Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini, isu seperti isu pendaftaran pemilih secara automatik yang saya sebutkan tadi, isu pemansuhan undi pos, isu penggunaan dakwat kekal, ini jawapannya telah pun diberi kepada pihak Bersih. Bagi saya, untuk mereka mengadakan perhimpunan yang mereka hendak adakan, itu untuk menghantarkan memorandum kepada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Tuanku, saya rasa itu adalah satu tindakan yang tidak wajar. Ini kerana isu-isu yang dibawakan oleh pihak BERSIH boleh dan telah dijawab dan telah ditanya oleh pihak-pihak Yang Berhormat.

Antara isu yang paling hangat ditimbulkan oleh pihak pembangkang dan juga daripada pihak-pihak yang berkenaan ialah mengenai isu pengundi hantu. Apa yang sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, isu-isu ini telah pun berkali-kali dijelaskan oleh pihak SPR melalui media cetak dan juga elektronik dan juga melalui perjumpaan SPR dengan pelbagai pihak termasuk wakil-wakil parti politik.

Di sini saya ingin menegaskan bahawa sejak adanya petisyen yang difailkan oleh pihak-pihak yang kalah di dalam sesuatu pilihan raya ataupun pilihan raya kecil...

Tuan Haji Muhamad Yusof bin Husin: Tuan Yang di-Pertua, *point of order!*

Datuk Liew Vui Keong: Saya di sini menjelaskan..

Tuan Haji Muhamad Yusof bin Husin: Perkara 35(1).

Datuk Liew Vui Keong: Saya di sini menjelaskan isu kedudukan..

Tuan Haji Muhamad Yusof bin Husin: Tuan Yang di-Pertua, apabila saya bangun untuk *Point of Order 35(1)*, penjelasan saya hendaklah didengar mengikut Peraturan Mesyuarat 36(a)...

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri.

Datuk Liew Vui Keong: Tuan Yang di-Pertua, saya di sini hanya menjelaskan pertanyaan daripada Yang Berhormat Senator yang bertanya kepada pihak SPR untuk menjelaskan sejelas-jelasnya isu mengenai pertubuhan ini. Jadi, di sini adalah menjadi tugas saya untuk menjelaskan sebanyak yang saya boleh isu-isu yang telah dibangkitkan oleh pihak tersebut.

Jadi, saya rasa Yang Berhormat ini tidak memberi peluang kepada pihak kerajaan untuk menjelaskan kedudukan yang sebenarnya. Jadi, inilah tugas saya dan juga tugas semua Ahli Kabinet untuk memberikan penjelasan yang sebetul-betulnya kepada pihak rakyat melalui Dewan yang mulia ini.

Jadi, di sini saya membangkitkan isu mengenai pengundi hantu kerana ini telah pun diuar-uarkan oleh pihak berkenaan apabila menjelang pilihan raya. Jadi, inilah tugas saya untuk melakukan penjelasan Tuan Yang di-Pertua.

Saya teruskan. Saya ingin menyatakan di sini dalam setiap petisyen yang telah pun difailkan di mahkamah, saya katakan di sini tidak ada alasan atas isu ini yang digunakan oleh pempetisyen dalam perkara ini. Apa yang penting sekali ialah bahawa sistem yang negara kita ada pada setakat ini ialah di mana semua wakil rakyat dipilih melalui sistem pilihan raya yang juga telah pun dilaksanakan semenjak kemerdekaan 54 tahun yang lalu yang berasaskan kepada tiga prinsip Tuan Yang di-Pertua.

Pertamanya, ialah berasaskan kepada sistem *first-past-the-post*. Keduanya, berasaskan kepada pemilihan seorang perwakilan bagi setiap bahagian pilihan raya. Ketiganya, berasaskan kepada sistem penyertaan pelbagai parti politik dan pihak-pihak yang layak bertanding dalam sesuatu pilihan raya. Inilah sistem yang telah pun diamalkan oleh kita selama 54 tahun yang lalu.

Jadi, bagi saya ini adalah satu sistem yang telah pun menjalankan tugasnya dengan begitu baik dan yang telah pun melihat kemenangan Pakatan Rakyat di empat buah negeri pada pilihan raya yang lalu di mana kita dapat lihat juga mereka telah pun menguasai negeri-negeri tersebut. Ini menunjukkan bahawa sistem yang diadakan pada setakat ini yang diamalkan melalui pihak Suruhanjaya Pilihan Raya begitu baik dan boleh diterima masuk semua pihak.

Yang Berhormat Senator yang duduk di hadapan saya ini yang daripada negeri-negeri Pakatan Rakyat tidak boleh menafikan Yang Berhormat duduk di situ adalah oleh kerana kemenangan kerajaan negeri Pakatan Rakyat... [*Tepuk*] Jadi, Yang Berhormat Senator ini ada tanggungjawab untuk menyoalkan suara rakyat melalui Dewan yang mulia ini, bukan melalui demonstrasi jalan raya. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat Tuan Haji Muhamad Yusof bin Husin.

■1030

Tuan Haji Muhamad Yusof bin Husin: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun saya bangkit dengan *point of order*. Saya ingat semasa saya mula-mula selepas angkat sumpah...

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, saya sudah beri peluang.

Tuan Haji Muhamad Yusof bin Husin: Okey.

Timbalan Yang di-Pertua: Soalan tambahan, ya.

Tuan Haji Muhamad Yusof bin Husin: Tidak. Bukan soalan. Maksud saya *point of order*.

Timbalan Yang di-Pertua: *Point of order*.

Tuan Haji Muhamad Yusof bin Husin: ...Dan perkara 35(1), "*Seseorang ahli hendaklah menghadkan percakapannya kepada perkara yang dibincangkan dan tidak boleh mengeluarkan apa-apa perkara yang tidak berkait dengan perkara yang dibincangkan itu*".

Soalan yang dikemukakan ialah berkenaan dengan dana parti politik. Akan tetapi kita telah menyimpang jauh sehingga perhimpunan Bersih dan sebagainya. Saya hendak menjaga peraturan mesyuarat supaya ia dituruti. Terima kasih.

Datin Paduka Datuk Nor Hayati binti Tan Sri Dato' Seri Onn: Tuan Yang di-Pertua...

Datuk Liew Vui Keong: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa Yang Berhormat ini telah pun kurang faham dengan isu yang telah pun dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator dalam soalan tambahan beliau.

Datin Paduka Datuk Nor Hayati binti Tan Sri Dato' Seri Onn: [*Bangun*]

Datuk Liew Vui Keong: Yang Berhormat Senator telah pun bertanya mengenai penjelasan yang berkenaan dengan SPR.

Jadi, isu ini yang ditanya oleh Yang Berhormat, isu pertama adalah mengenai Suruhanjaya Pilihan Raya. Jadi, inilah tanggungjawab saya untuk menjawab soalan itu. Tidak ada luar daripada *standing order* yang dibacakan oleh Yang Berhormat tadi.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Silakan Datin Paduka Datuk Nor Hayati.

Datin Paduka Datuk Nor Hayati binti Tan Sri Dato' Seri Onn: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya sudah mendengar tadi jawapan daripada Menteri, cukup lengkap. Tahniah diucapkan di atas penerangan tersebut. Saya hendak menambah lebih spesifik daripada rakan saya daripada Yang Berhormat Senator Tuan Mohamad Ezam tadi yang lebih rambang.

Saya hendak tahu adakah mana-mana pihak berkuasa telah menyalahgunakan dana parti politik ataupun NGO pimpinan Datuk Ambiga sebagai pengerusi perhimpunan haram Bersih yang boleh dikaitkan dengan sistem pilihan raya di bawah Akta Pertubuhan 1966 dan jika tidak lagi, bilakah ia akan dijalankan penyalahgunaan ini? Ini kerana saya rasa ini perlu diuar-uarkan kepada semua rakyat agar jangan mendapat *perception* ataupun anggapan yang tidak betul kepada kerajaan. Apakah tindakan yang boleh diambil setelah ia didapati benar? Terima kasih... [*Tepuk*].

Datuk Liew Vui Keong: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Senator atas soalan tambahan ini. Seperti yang saya katakan tadi mengenai wang dana yang datang dari luar, sekiranya tidak dapat di*accountable*kan oleh pihak yang menerima, itu akan dijadikan sebagai wang haram. Bagi saya, buat setakat ini, sekiranya wujudnya apa-apa wang yang telah pun diterima oleh pihak berkenaan yang tidak dapat menjelaskan sumber wang tersebut, pihak polis akan menyalahgunakan perkara itu.

Buat setakat ini, mengenai isu yang spesifik yang ditanyakan oleh Yang Berhormat Senator tadi, tiada penyalahgunaan yang dibuat setakat ini kerana belum lagi ada menerima apa-apa laporan khas kepada pihak polis. Itu sahaja. Terima kasih.

2. Tan Sri Datuk Tee Hock Seng minta Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat menyatakan:

- (a) apakah langkah-langkah yang akan diambil bagi memantau dan memastikan keselamatan pusat-pusat jagaan kanak-kanak dan warga emas; dan
- (b) perancangan kementerian dalam melatih tenaga kerja di sektor ini.

Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat [Puan Heng Seai Kie]: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat bertanggungjawab untuk menguatkuasakan Akta Pusat Jagaan 1993 [*Akta 506*]. Akta ini bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi pendaftaran, pengawalan dan pemeriksaan ke atas pusat jagaan dan bagi perkara yang berkaitan dengannya.

Antara langkah-langkah yang diambil bagi memantau dan memastikan keselamatan pusat-pusat jagaan kanak-kanak dan warga emas adalah seperti berikut:

- (i) kementerian telah membuat beberapa pindaan dan terhadap Akta Pusat Jagaan 1993 dan Peraturan-peraturan Pusat Jagaan 1994 bagi membolehkan pendaftaran pusat jagaan dijalankan di peringkat negeri. Ini adalah bertujuan untuk mengurangkan kerenah birokrasi dan mempercepatkan proses pendaftaran;
- (ii) menubuhkan *task force* untuk mengesan pusat jagaan tidak berdaftar, membuat pemeriksaan dan mengeluarkan surat peringatan untuk memastikan setiap pusat jagaan dikendalikan dan diuruskan dengan memuaskan;

- (iii) mengadakan sesi taklimat dan interaksi dengan pengendali pusat jagaan tidak berdaftar di setiap negeri untuk memberikan kesedaran mengenai pendaftaran pusat jagaan dan tanggungjawab pengendali terhadap penghuni yang dijaga; dan
- (iv) mengambil tindakan terhadap pusat jagaan yang tidak berdaftar dan tidak memenuhi standard minimum yang ditetapkan selepas surat peringatan dikeluarkan.

Daripada segi latihan kepada tenaga kerja di sektor ini, kementerian dengan kerjasama Jabatan Pembangunan Kemahiran telah membangunkan Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan ataupun dengan izin, *National Occupational Skills Standards* (NOSS) bagi penjagaan kanak-kanak dan warga emas mulai daripada tahap satu hingga tahap lima. Bagi penjaga di pusat jagaan, NOSS pada tahap satu akan digunakan sebagai modul KAPJ untuk melaksanakan NOSS ini, kementerian dengan kerjasama JPK sedang melatih tenaga pakar untuk diberikan pengiktirafan. Seterusnya, kursus kepada penjaga di pusat jagaan dapat dimulakan pada bulan Disember tahun 2011. Sekian, terima kasih.

Puan Usha Nandhini a/p S. Jayaram: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pertanyaan tambahan saya, apakah kriteria pengambilan pekerja di pusat-pusat jagaan sebegini dan apakah tindakan yang boleh dikenakan terhadap mereka yang didapati mendera penghuni di sana? Terima kasih.

Puan Heng Seai Kie: Terima kasih Yang Berhormat atas soalan tambahan yang dikemukakan. Tuan Yang di-Pertua, kriteria bagi pengambilan pekerja atau tenaga kerja di pusat jagaan adalah tertakluk dalam seksyen 7B dan 7C di bawah Akta Pusat Jagaan 1993. Di bawah seksyen ini, telah menetapkan supaya penjaga di pusat jagaan hendaklah terdiri daripada orang yang layak daripada segi umur iaitu lebih daripada 18 tahun dan mempunyai kelayakan dan pengalaman yang bersesuaian dengan penghuni yang dijaga. Manakala dalam pindaan Peraturan-peraturan Pusat Jagaan 2011 pula, kementerian telah memasukkan cadangan iaitu untuk mewajibkan supaya semua penyelia dan penjaga di pusat jagaan menghadiri kursus asas pusat jagaan yang akan dikendalikan. Kini draf pindaan peraturan ini berada dalam semakan akhir Jabatan Peguam Negara.

Berhubung dengan tindakan terhadap penjaga yang mendera penghuni di pusat jagaan pula, di bawah Akta Kanak-kanak 2001, seksyen 31(1) telah ditetapkan bahawa mana-mana orang yang menganiayai, mengabaikan, membuang atau mendedahkan kanak-kanak itu dengan cara yang mungkin menyebabkannya mengalami kecederaan fizikal ataupun emosi ataupun membenarkannya dianiayai, diabaikan, dibuang ataupun didedahkan sama ada daripada segi seksual ataupun fizikal, adalah melakukan satu kesalahan dan apabila disabitkan, dia boleh didenda tidak melebihi RM20,000 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi sepuluh tahun atau kedua-duanya sekali. Mengikut rekod PDRM daripada tahun 2005 hingga April 2011, kes-kes penderaan yang dilaporkan adalah sebanyak 30 kes. Sekian, terima kasih.

■1040

Puan Chew Lee Giok: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya ialah tentang apakah tindakan yang boleh dikenakan terhadap pusat jagaan atau mana-mana pihak yang memperalatkan kanak-kanak untuk mengemis, menjual barang ataupun kutip derma? Terima kasih.

Puan Heng Seai Kie: Terima kasih Yang Berhormat atas soalan tambahan yang dikemukakan. Tuan Yang di-Pertua, di bawah seksyen 32, Akta Kanak-kanak 2011 telah menyatakan kanak-kanak tidak boleh digunakan untuk mengemis dan mana-mana orang yang memperalatkan mereka untuk berbuat demikian boleh didenda tidak melebihi RM5000 ataupun dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya sekali. Sekian, terima kasih.

3. Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawi minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan, adakah Kementerian membuat kajian mengenai pakaian atlet wanita dan jika ada atlet wanita yang ingin bersukan dalam keadaan menutup aurat, adakah ia akan menjejaskan reputasi permainan serta apakah rasional pemakaian atlet wanita kebiasaan lebih terdedah berbanding dengan atlet lelaki.

Menteri Belia dan Sukan [Dato' Sri Ahmad Shabery Cheek]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih diucapkan kepada Yang Berhormat Senator di atas soalan yang dikemukakan.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan terlebih dahulu saya ingin mengambil kesempatan di sini untuk mengajak sama-sama Ahli-ahli Yang Berhormat untuk merakamkan ucapan syabas dan tahniah kepada pasukan memanah lelaki negara yang diwakili oleh Encik Cheng Chu Sian, Haziq dan Mohamad Khairul di bawah bimbingan jurulatih Lee Jae Hyung dan Muhammad Marbawi yang telah menjadikan Malaysia merupakan 9 negara daripada 24 negara, 9 negara teratas yang berjaya melayakkan diri ke Sukan Olimpik London di atas kejayaan mereka dalam pusingan di Kejohanan Memanah Dunia di Itali semalam... [Tepuk]

Jadi ini adalah merupakan pasukan negara yang pertama yang telah disahkan menjadi berada dalam Kontinjen Olimpik Negara. Jadi, saya ucapkan tahniah dan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian.

Timbalan Yang di-Pertua: Tahniah juga kepada Yang Berhormat Menteri Belia dan Sukan... [Tepuk]

Dato' Sri Ahmad Shabery Cheek: Terima kasih. Saya juga membawa perkara ini kerana sukan memanah adalah antara sukan yang tidak ada masalah bagi sesiapa untuk memilih bentuk pakaian di dalam menyertai sukan tersebut dan ini menafikan bahawa untuk menjadi seorang atlet, dia mestilah mematuhi syarat-syarat tertentu memakai pakaian yang dianggap tidak sesuai dengan kepercayaan agama dan sebagainya.

Ini bukan sahaja bagi sukan memanah, terdapat banyak lagi sukan-sukan lain. Misalnya atlet negara Nor Suryani dan Nor Ayuni atlet menembak kita yang menjuarai mendapat pingat emas di Sukan Komanwel di New Delhi baru-baru ini adalah keduanya yang berpakaian menutup aurat, bertudung dan sebagainya menjadi kebanggaan negara.

Sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, di dalam sukan dunia sekarang ini, kami di pihak Kementerian Belia dan Sukan ataupun Majlis Sukan Negara tidak ada kuasa untuk menentukan pakaian-pakaian yang patut dipakai oleh atlet. Kebanyakannya sama ada ditentukan oleh badan-badan sukan yang berkenaan ataupun pilihan ahli-ahli sukan yang berkenaan dan kebanyakan yang memakainya adalah berdasarkan kepada beberapa faktor termasuk keselesaan, termasuk trend dan termasuk soal keselamatan.

Ada sukan-sukan yang tertentu sudah tentulah menentukan jenis pakaian, misalnya bina badan dan cara mereka mengukur kebolehan atlet berkenaan berdasarkan kepada bentuk otot yang perlu ditunjukkan, acara angkat berat misalnya ada faktor yang tertentu. Begitu juga seni mempertahankan diri, ada corak pakaian tertentu yang perlu dipastikan oleh pihak persatuan yang berkenaan. Jadi, yang lain itu tidak ada halangan sekiranya atlet-atlet ingin memilih pakaian-pakaian yang dirasakan sesuai dan boleh memberikan prestasi yang baik untuk mereka menyertai apa jua kejohanan.

Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawi: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, oleh kerana kebanyakan pelajar-pelajar kita di sekolah rendah dan sekolah menengah memakai pakaian yang menutup aurat semasa mereka menyertai sukan di peringkat sekolah, adakah Kementerian bersedia untuk melantik jawatankuasa bagi mengkaji garis panduan dan mereka cipta pakaian atlet yang menutup aurat bagi memastikan pelajar-pelajar ini yang mempunyai bakat untuk meneruskan kerjaya mereka di peringkat antarabangsa, pertama.

Kedua, berkaitan dengan pakaian yang memang bercanggah dengan menutup aurat orang Islam, sekiranya ada atlet wanita yang berminat, adakah kerajaan bersedia untuk menghantar nota bantahan kepada mana-mana persatuan dunia bagi memastikan atlet kita dapat ke sana dengan pakaian yang menutup aurat. Terima kasih.

Dato' Sri Ahmad Shabery Cheek: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada soalan tambahan. Sebenarnya isu yang berkaitan dengan reka bentuk pakaian ini sudah lama di cakap dan ada negara yang sudah pun menghantar atlet mereka dengan berpakaian yang menutup aurat. Misalnya atlet daripada Bahrain memenangi dalam acara lari 200 meter di Sukan Asia tahun 2006 di Doha, Ruqaya kalau tidak silap saya menutup aurat dan tidak ada masalah sekiranya ada atlet Malaysia juga yang ingin memakai pakaian yang serupa.

Sebenarnya saya ucap tahniah kerana dalam tahun 2007 saya ingat di Kelantan apabila Yang Berhormat Haji Abdul Fattah Mahmood, EXCO Sukan Negeri Kelantan telah mengisytiharkan bahawa Kelantan pada waktu itu sudah pun menyiapkan hampir 70 peratus daripada *design* untuk pakaian-pakaian atlet wanita dan berjanji pada waktu itu dalam merasmikan kalau tidak silap saya Nisa' Games di Kelantan berjanji bahawa atlet Kelantan akan mengambil bahagian dalam Sukan Malaysia mulai tahun 2008 dengan pakaian menutup aurat.

Akan tetapi sehingga tahun 2008 tidak ada, tahun 2010 di Melaka baru ini pun tidak ada dan baru lepas Sukan Malaysia yang diadakan di Kuala Lumpur pun tidak ada. Jadi, janji yang ditunjukkan oleh Ahli Yang Berhormat daripada Kelantan pernah menjanjikan Kelantan akan menjadikan model bagaimana atlet wanitanya dengan pakaian menutup aurat, sampai sekarang tidak ada. Jadi bagi pihak dan ingin mencadangkan pada pihak kerajaan, kepada Kementerian Belia dan Sukan untuk menggunakan ini sebagai model dan sehingga sekarang kita tidak menerima apa-apa cadangan. Kalau tahun 2007 katanya sudah 70 peratus siap *design* ataupun reka bentuk, saya tidak tahu hendak tunggu berapa tahun lagi reka bentuk tersebut akan disiapkan... [Tepuk] Jadi mudah memberi komen, mudah berjanji tetapi sebenarnya sukar sangat untuk melaksanakannya Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan Negara yang mulia ini mengalu-alukan rombongan Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri Kelantan yang diketuai oleh Timbalan Yang di-Pertua iaitu Yang Berhormat Tuan Mohd. Zaki Ibrahim. Bersama-sama beliau juga ialah empat orang Ahli Dewan Undangan Negeri Kelantan. Terima kasih... [Tepuk] ...Sila Yang Berhormat Dato' Mohammed Najeeb.

Dato' Mohammed Najeeb bin Abdullah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya juga mengambil kesempatan mengucapkan tahniah kepada pasukan memanah kita yang berjaya layak ke London Olimpik 2012. Bukan sahaja layak, tetapi telah mengalahkan jaguh-jaguh handalan dunia termasuk Kanada, Poland dan India yang merupakan pemegang ataupun pemenang pingat emas Komanwel tahun lalu.

Ini menunjukkan bahawa sukan-sukan yang kurang glamor mampu membawa medal-medal yang kita harapkan dan selalu dalam Dewan yang mulia ini saya merayu kepada Yang Berhormat Menteri supaya terus menumpukan perhatian dengan meningkatkan infrastruktur yang tinggi dan baik kepada sukan-sukan yang kurang glamor tetapi boleh menyumbang *the main contributor* dalam menyumbang pingat-pingat dalam masa-masa yang akan datang.

■1050

Saya ingin bertanya tentang pakaian untuk wanita atlet Muslim kerana dimaklumkan bahawa di London 2012, *Badminton World Federation* akan menetapkan agar menurut *dress code* mesti memakai *skirt*, yang labuh kah, yang pendek saya tidak tahu tetapi dia sebut sana "*skirt*". Adakah undang-undang ini akan diguna pakai kerana kalau ikut *statementya* akan diguna pakai pada 2012. Apakah tindakan kita sekiranya ada pemain-pemain wanita kita tidak bersetuju.

Tadi Yang Berhormat menyebut tentang pemain sukan wanita yang bergiat dalam angkat berat. Untuk makluman, dalam bulan Jun baru-baru ini Amerika sendiri seorang wanita bernama Kulsoom Abdullah telah berjaya mendapat kelulusan untuk mengambil bahagian dalam *American Open* dengan menggunakan hijab setelah dia kena buat *presentation* setebal 44 muka kepada *International Weightlifting Federation*. Ini bermakna pihak antarabangsa sebagaimana yang disebut oleh Yang Berhormat tadi tidak mengira sangat tentang jenis pakaian asalkan ianya tidak melanggar etika dan boleh mengambil bahagian dalam apa jua jenis sukan yang mereka ceburi. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Sri Ahmad Shabery Cheek: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Senator di atas soalan tambahan, ucap tahniah dan juga komen yang diberikan menandakan Yang Berhormat mempunyai jiwa sukan yang tinggi. Saya minta maaf juga kerana saya tidak sangka apabila saya sebut pasal Kelantan ramai orang Kelantan di sini, tahniah Kelantan menang Juara Liga, Terengganu nombor dua. Saya pun lihat kalau Kelantan pun kalau dia *strict* sangat pasal aurat, saya lihat Tok Guru pun datang tengok bola. Tanda dia pun tidaklah *strict* sangat. Tengok apabila Kelantan lawan Terengganu Piala FA baru ini, cuma ditimbulkan perkara ini kerana mungkin ada orang menunjukkan rasa prihatin mereka melihat ada beberapa sukan yang tertentu dilihat membuka aurat dan sebagainya tetapi sebagaimana saya setuju sebahagian yang disebutkan tadi bahawa pilihan banyak, sekiranya atlet-atlet kita ingin menyertai sukan, sama ada menyertai sukan yang tidak ada sebarang had dari segi reka bentuk pakaian, menembak sebagaimana yang saya contohi tadi, memanah dan sebagainya.

Terakhir angkat berat di mana pihak *International Weightlifting Federation* (IWF) juga telah menyatakan *commitment* mereka untuk mengkaji balik tentang aturan-aturan pakaian. Kalau sebelum ini seorang atlet dari Iran pernah ditolak tetapi adanya permintaan daripada Persatuan Angkat Berat dari Amerika sendiri supaya membenarkan pakaian menutup aurat. Jadi ianya akan dipertimbangkan supaya ianya dibenarkan dalam kejohanan-kejohanan antarabangsa. Semuanya berpendapat bahawa sukan ialah sesuatu yang boleh disertai tanpa mengira prejudis bangsa, kaum, agama dan sebagainya kecuali ada sukan-sukan yang tertentu yang dikaitkan dengan soal keselamatan. Misalnya kalau renang boleh pakai pakaian yang panjang, terjun misalnya apa bentuk yang boleh dipakai sekiranya ada.

Begitu juga dalam sukan badminton yang disebutkan tadi, sehingga sekarang belum ada keputusan kerana walaupun ada cadangan supaya memakai skirt, kerana dianggap lebih keterampilan terutama sekali dalam konteks dunia sekarang ada unsur-unsur komersial. Misalnya tenis begitu popular ada dikaitkan dengan perwatakan fesyen yang ditunjukkan tetapi Tuan Yang di-Pertua tidak ada keputusan yang mengatakan mesti pakai *skirt*. Sehingga sekarang terdapat banyak negara yang persatuan-persatuan yang membantah dan masih lagi mengizinkan sekiranya ada atlet wanita Muslim ingin berpakaian yang lebih panjang dan sebagainya tidak menjadi masalah.

Akan tetapi untuk sukan Olimpik di London sehingga sekarang kita masih belum melihat sebarang tanda-tanda ada atlet Muslim yang akan bertanding di peringkat akhir di sana. Jadi isu ini belum lagi dijadikan isu besar dia tidak boleh bertanding kerana pakaian apa yang hendak pakai pada waktu tersebut. Sehingga sekarang soal badminton bukanlah suatu perkara yang menjadi kewajipan lagi yang ditentukan bahawa mesti pakai skirt dan sebagainya. Jadi saya kira perkara ini bukanlah satu isu yang besar. Ada cadangan supaya, misalnya Kelantan satu ketika dahulu Timbalan Menteri Besar pernah mengumumkan tahun 2007 ingin ada stadium khas untuk wanita. Akan tetapi sampai sekarang janji tinggal janji, minta maaf tidak dilaksanakan sampai sekarang. Terima kasih.

Puan Mariany binti Mohammad Yit: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin bertanya mengenai bersukan untuk riadah bukan untuk bertanding. Iaitu kolam-kolam renang awam yang dikunjungi oleh ramai wanita adakah perancangan kementerian untuk mengadakan had seperti di Universiti Malaya, di mana ada harinya dikhaskan untuk bersukan wanita ini di kolam renang dan sama ada hari itu dihadkan untuk wanita ataupun ada masa-masa yang tertentu untuk wanita beriadah. Terima kasih.

Dato' Sri Ahmad Shabery Cheek: Terima kasih Yang Berhormat. Itu terpulang kepada siapa yang mentadbir kolam tersebut. Sekiranya Universiti Malaya, Universiti Malaya membuat satu cara untuk menguruskan kolam. Kolam yang sama tidak perlu buat kolam lain, kolam lelaki, kolam wanita tetapi diuruskan pada waktu pukul 10 hingga 12 misalnya, setiap hari Jumaat ataupun pukul 12 hingga 2 setiap hari tertentu dan sebagainya untuk wanita yang ingin berenang. Itu tidak ada masalah, tidak ada halangan daripada pihak kementerian. Ini kerana kolam renang dan banyak kemudahan sukan bukanlah semuanya milik Kementerian Belia dan Sukan. Misalnya di Stadium Nasional Bukit Jalil, dia kata supaya himpunan Bersih hendak buat di sana, tetapi kita kata persiapan untuk Arsenal hendak datang dekat sangat, rosak padang susah. Buatlah di Stadium Shah Alam misalnya, itu terpulang kepada Kerajaan Negeri Selangor untuk membenarkannya. Itu terpulang kepada mereka.

Jadi ini pilihannya, siapakah yang mentadbir stadium yang berkenaan. Jadi sekiranya Kelantan hendak janji supaya ada kolam renang lelaki, kolam renang perempuan boleh membuat janji yang seterusnya. Terima kasih.

4. Puan Usha Nandhini a/p S. Jayaram minta Menteri Pelajaran menyatakan, objektif dasar '1Murid 1Sukan' yang telah dilancarkan baru-baru ini dan bagaimanakah pihak kementerian berhasrat melaksanakannya.

Timbalan Menteri Pelajaran II [Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, saya hanya menonton *American football* sebab semua pemain menutup aurat. Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua di Parlimen Batu Pahat pertandingan bina badan pakai seluar *jeans*, jadi markah dikira dari pusat dan ke atas sahaja... [Ketawa]

Timbalan Yang di-Pertua: Bahaya juga tu Yang Berhormat, nanti seluar *jeans* nya koyak... [Ketawa]

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Tuan Yang di-Pertua, dasar 1Murid 1Sukan mewajibkan setiap murid menyertai sekurang-kurangnya satu aktiviti sukan di sekolah sepanjang tahun. Dasar ini menyokong pelaksanaan falsafah pendidikan kebangsaan yang berhasrat untuk melahirkan insan yang seimbang dari segi jasmani, emosi, rohani dan intelek. Melalui dasar ini, Kementerian Pelajaran Malaysia berhasrat mengembalikan semula budaya sukan di kalangan murid kerana keyakinan dasar ini akan memberikan faedah yang menyeluruh dalam proses pembentukan modal insan.

■1100

Penglibatan dalam aktiviti sukan akan memberi kesan positif kepada perkembangan akademik dan sosial setiap murid. Justeru aktiviti sukan yang biasanya dilaksanakan pada waktu petang atau di hujung minggu dapat membentuk minda yang cerdas dalam kalangan murid selain berpeluang meningkatkan kecergasan diri. Sehubungan itu, pelaksanaan dasar ini pastinya tidak akan meminggirkan kepentingan akademik termasuklah pendidikan agama.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, penyertaan murid dalam aktiviti sukan dilaksanakan menerusi program-program sukan umum seperti merentas desa, sukan tara, kelab sukan dan permainan. Pertandingan dalaman serta penyertaan pelbagai jenis sukan lain di peringkat Majlis Sukan Sekolah-sekolah Daerah (MSSD), Majlis Sukan Sekolah-sekolah Negeri (MSSN), Majlis Sukan Sekolah-sekolah Malaysia (MSSM) dan peringkat antarabangsa. Untuk makluman juga penglibatan murid dalam sukan diberi ganjaran melalui pemarkahan wajib komponen sukan untuk aktiviti kokurikulum. Markah ini juga akan diambil kira dalam permohonan murid untuk memasuki institut pengajian tinggi awam (IPTA) dan biasiswa. Terima kasih.

Puan Usha Nandhini a/p S. Jayaram: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Syabas diucapkan kepada kementerian di atas pengenalan Dasar 1Murid 1Sukan. Pertanyaan tambahan saya, seperti mana yang kita ketahui tidak semua sekolah mempunyai prasarana dan juga kemudahan sukan yang baik.

Apakah perancangan kementerian bagi sekolah-sekolah tersebut untuk merencanakan dasar ini? Apakah terdapat sebarang NKRA atau mekanisme lain yang akan digunakan bagi memantau dan juga melihat kejayaan dasar ini? Terima kasih.

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Seperti yang saya sebutkan tadi bahawa dasar 1Murid 1Sukan bukan sebenarnya untuk kita menjadi juara dalam sukan-sukan tertentu. Akan tetapi supaya budaya sukan ini dikembalikan kepada setiap pelajar ini supaya dia tidak tertumpu hanya kepada akademik. Oleh sebab itulah kita mengeluarkan pekeliling bahawa sekolah boleh menggunakan apa sahaja, sebab itu kita sebut sukan tara, kelab sukan dan tidak semestinya ada padang baru kita boleh melaksanakan Dasar 1Murid 1Sukan. Ia boleh dilaksanakan dalam bentuk senamrobik dan sebagainya.

Kalau saya mengambil contoh Sekolah Kebangsaan Ulu Lubai yang telah terpilih menjadi Sekolah Berprestasi Tinggi, SK Ulu Lubai sekolah pedalaman Tuan Yang di-Pertua. Akan tetapi sekolah ini johan dalam pertandingan lompat tinggi.

Oleh kerana dia tidak ada padang, jadi Guru Besarnya yang kreatif ini, dia melatih pelajarnya untuk lompat tinggi sahaja. Tumpu pada lompat tinggi dan akhirnya pelajar dia johan lompat tinggi peringkat negeri Sarawak. Jadi, sebab itu saya kata bahawa dasar ini bukan tertumpu penggunaan padang jadi banyak lagi cara-cara lain. Ia dilaksanakan di waktu petang dan di hujung minggu. Terima kasih.

Datuk Majjol Mahap: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya percaya Program 1Murid 1Sukan ini adalah satu program ada kaitan dengan pembangunan sukan kerana ingin menarik murid-murid berminat dalam sukan. Empat, lima tahun yang lalu Kementerian Pelajaran telah dipertanggungjawabkan setelah mengambil alih daripada Kementerian Belia dan Sukan. Untuk membuat permohonan sukan di peringkat akar umbi di sekolah-sekolah rendah dan menengah. Pertanyaan saya Tuan Yang di-Pertua adalah, setakat manakah keberkesanannya setakat ini permohonan tersebut? Apakah program-program dan juga aktiviti-aktiviti dan pelan tindakan untuk menaikkan lagi pembangunan sukan di peringkat daerah dan negeri di negara kita? Terima kasih.

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat. Mungkin Yang Berhormat bermaksud kepada sukan-sukan elit, sukan-sukan yang khusus seperti bola sepak, memanah dan sebagainya. Sebab itu kita ada Sekolah Sukan Malaysia. Kita ada dua Sekolah Sukan Malaysia sekarang ini. Satu di Bukit Jalil, satu lagi ialah di Bandar Penawar. Kalau melihat kepada kejayaan sekolah ini memang amat hebat sekali. Kebanyakan pertandingan di peringkat antarabangsa bahkan dalam Sukan SEA, kebanyakan yang memenangi emas ini adalah datangnya daripada pelajar sekolah sukan kita. Bahkan apabila kita menjadi Johan Piala Suzuki, bola sepak. Sebenarnya 99 peratus pemain itu adalah pemain daripada Sekolah Sukan Malaysia.

Datuk Majjol Mahap: Maaf ya, maksud saya di sekolah biasa bukan di sekolah sukan.

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Oleh itu saya ingin tegaskan di sini bahawa kita ada juga sekolah sukan negeri. Di samping itu sekolah-sekolah biasa kita ada sebenarnya apa yang kita panggil sebagai guru yang ada tauliah sebagai jurulatih sukan, yang mendapat tauliah daripada kebanyakan persatuan-persatuan sukan di negara kita. Kita memang berhasrat untuk melatih lebih ramai guru-guru seperti ini bahkan untuk makluman Yang Berhormat guru-guru pendidikan jasmani kita pun sebenarnya kita berusaha membangunkan mereka ini supaya mereka juga diberikan, mendapat tauliah-auliah untuk menjadi jurulatih khusus dalam bidang-bidang tertentu.

Ini sebenarnya adalah antara usaha-usaha yang kita lakukan. Selain daripada mana yang saya sebut Sekolah Sukan Malaysia ataupun Sekolah Sukan Negeri. Sebenarnya, di peringkat sekolah harian pun kita berusaha sebenarnya termasuklah yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat yang pertama tadi, iaitu bahawa kita memang berusaha untuk menaik taraf segala kemudahan-kemudahan yang ada di sekolah harian.

5. Tuan Khoo Soo Seang minta Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani menyatakan:

- (a) apakah tindakan-tindakan yang diambil oleh kerajaan bagi menghentikan jualan dan kegunaan daging khinzir mati serta kejayaannya; dan
- (b) adakah masalah yang sama juga berlaku bagi daging-daging lain seperti ayam dan sebagainya.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani II [Tuan Chua Tee Yong]: Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjawab pertanyaan ini secara bersekali dengan pertanyaan dari Yang Berhormat Senator Tuan Lee Cheam Choon yang juga bertarikh 7 Julai 2011.

Kerajaan memandang serius terhadap isu penjualan daging babi mati, istilah yang biasa dipakai adalah 'daging sampah.' Kementerian melalui Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) atau JPV telah mengambil langkah sewajarnya bagi menangani isu ini, antaranya ialah;

- (i) Sijil Kesihatan Veterinar akan hanya diberikan kepada penternak yang dapat membuktikan babinya disembelih di rumah sembelih yang diiktiraf oleh kerajaan;
- (ii) penternak yang dapat dibuktikan terlibat dalam perniagaan penjualan atau pembekalan daging sampah, *rubbish pork* dengan izin, akan mengakibatkan lesen penternak mereka dibatalkan;
- (iii) semua Pengarah Perkhidmatan Veterinar Negeri perlu mendapat persetujuan kerajaan negeri untuk mewartakan enakmen menternak babi supaya lesen boleh dikeluarkan kepada penternak babi khususnya bagi negeri Selangor kerana ladang babi di negeri tersebut merupakan salah satu pengeluar utama;
- (iv) semua penternak babi diminta menandatangani surat aku janji secara sukarela di hadapan Pesuruhjaya Sumpah supaya tidak terlibat dalam aktiviti daging sampah dan menghantar babi ke rumah sembelih haram untuk disembelih;
- (v) semua pengendali, penangkap serta penyembelih babi diwajibkan mendaftar dengan rumah sembelih Jabatan Perkhidmatan Veterinar yang berdekatan sebelum 31 Julai 2011;
- (vi) sekiranya terdapat penternak babi yang terlibat dalam dengan daging sampah atau penyembelihan haram. Persatuan-persatuan Penternak Malaysia (FLFAM) akan melaporkannya kepada pihak DVS; dan
- (vii) penternak babi, persatuan penternak dan DVS akan terus bekerjasama dengan ladang yang mengalami kadar kematian babi yang tinggi dan memberi perundingan dan khidmat nasihat sewajarnya.

Memang langkah-langkah yang diumumkan ini tidak merangkumi semua. Banyak lagi langkah-langkah yang akan dijalankan untuk meningkatkan dan menjamin keselamatan pengguna-pengguna. Sementara itu, setakat ini masalah ini tidak berlaku untuk daging lain seperti ayam dan sebagainya. Sekian terima kasih.

Tuan Khoo Soo Seang: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya ialah, apakah perkembangan yang terbaru berkenaan dengan pendaftaran penangkap dan penyembelihan daging babi dan juga pendaftaran tanda tangan surat aku janji? Sekian terima kasih.

■1110

Tuan Chua Tee Yong: Terima kasih Yang Berhormat Senator atas soalan tambahan. Tuan untuk menangani masalah penjualan daging bagi sampah ini kita tidak boleh bergantung pada penguatkuasaan undang-undang semata-mata. Apa yang lebih penting ialah wujudnya kesedaran di kalangan penternak, penjual dan juga pembeli untuk mengamalkan disiplin diri atau *self-regulation* bagi memastikan bahawa daging yang mereka keluarkan adalah selamat untuk dimakan oleh pengguna.

Maka surat aku janji yang ditandatangani oleh penternak babi adalah untuk mengatasi masalah *rubbish pork* adalah satu perkara yang baru bagi mereka. Oleh yang demikian, penternak perlu masa untuk memahami perkara ini dengan lebih mendalam sebelum menandatangani sesuatu. Kementerian juga perlu menjelaskan perkara ini dengan teliti dan jelas kepada para penternak dan pada masa ini kita juga menghadapi masalah kerana terdapat pelantikan baru Pengarah baru di Jabatan Perkhidmatan Veterinar di beberapa negeri dan ini telah melambatkan pencapaian keseluruhan menandatangani surat aku janji ini.

Pada setakat ini kita di kerajaan negeri yang kita dapat maklum balas setakat 23 peratus yang telah menandatangani surat aku janji ini dan kebanyakan kerajaan negeri berhasrat mengumpulkan semua aku janji sebelum menghantar kepada pihak kementerian.

Dan mereka memohon agar lebih banyak masa boleh diperuntukkan dan diberi kepada mereka kerana ia merupakan salah satu komitmen penternak kepada pengguna. Mereka yakin semua penternak akan menyokong surat aku janji ini.

Nombor dua untuk perancangan bagi mendaftar penangkap, pengendali atau penyembelih babi untuk menolong kebanyakan pendaftaran, pihak JPV juga akan turun ke setiap negeri secara berjadual, dan kita telah memberitahu dan memaklum balas mengenai tarikh-tarikh ini kepada kerajaan negeri dan juga kepada Persatuan Penjual dan juga termasuk Persekutuan Persatuan-persatuan Penternak Malaysia dan saya percaya dengan adanya kerjasama semua pihak, maka kita dapatlah menangani masalah ini. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Datuk Lee.

Tuan Lee Cheam Choon: Belum lagi bergelar "Datuk".

Timbalan Yang di-Pertua: *Insya-Allah*. Datuk Melaka ya... [Ketawa]

Tuan Lee Cheam Choon: Satu hari, *alhamdulillah*... [Ketawa] Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Jadi saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri bahawa sehingga hari ini berapa ramai penternak khinzir yang tidak bertanggungjawab telah dikesan dan telah didakwa dan disabit kesalahannya kerana menjual daging-daging sampah.

Tuan Chua Tee Yong: Untuk mendakwa sebarang penternak atau seseorang kita perlukan bukti yang kukuh nombor satu. Yang kedua dari segi akta dalam Jabatan Perkhidmatan Veterinar atau enakmen babi di setiap negeri, memang tiada peruntukan pada masa ini untuk mendakwa dari segi penjualan daging babi sampah ini. Maka untuk menangani masalah ini, kita telah meletak syarat-syarat ini di dalam pelesenan mereka supaya ia adalah salah satu cara untuk mengelakkan kalau kita tunggu pindaan, pindaan akta mungkin akan mengambil masa yang lama.

Selain itu dari segi untuk mengesan walaupun dari segi tayangan yang telah dikeluarkan, tetapi apabila pegawai-pegawai penguat kuasa turun padang ke tempat-tempat tersebut, mereka tidak dapat mengesan secara menyeluruh. Maka mendakwa melalui secara video atau tidak kita tidak boleh membuat sebarang kesimpulan. Akan tetapi kita juga berasa puas hati dan yakin dengan masalah ini untuk ditangani kerana terdapat juga persatuan pengguna *Pork Consumer Association* atau *Chinese Consumer Association* yang juga telah membuat laporan polis dan saya rasa laporan polis mungkin akan disiasat. Sekian, terima kasih.

Datuk Akbar bin Ali: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Berkenaan soalan nombor lima saya ingin menyentuh tentang binatang mati tetapi bukan khinzir. Saya hendak merujuk kepada import dengan izin Yang Berhormat Timbalan Menteri untuk menjawab.

Saya difahamkan mungkin berbentuk *hearsay*, bahawa pengimportan daging daripada India ada dua isu yang ingin saya bangkitkan sama ada benar atau tidak, iaitu:

- (i) benarkah ia daging lembu atau sebenarnya bukan daging lembu, dikatakan daging kerbau dan ini kalau betul menyalahi *Trade Descriptions Act*; dan
- (ii) benarkah terdapat antara banyak-banyak itu juga yang diimport adalah kerbau ataupun lembu mati?

Terima kasih.

Tuan Chua Tee Yong: Dari segi import ini ia terkeluar daripada soalan ini. Saya hanya boleh jawab setahu saya, tetapi saya risau dari segi fakta mungkin ada yang salah pula. Maka saya harap untuk soalan yang ditanyakan, yang ditujukan mungkin secara bertulis adalah lebih lengkap supaya tiada kekeliruan kepada Dewan ini. Terima kasih.

6. Datuk Haji Rizuan bin Abd Hamid minta Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi menyatakan, bagaimanakah Tahun Penggalakan Sains dan Matematik 2011 dan Tahun Sains 2012 boleh menyumbang kepada peningkatan dan keupayaan inovasi negara.

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi [Datuk Haji Fadillah bin Yusof]: Terima kasih Yang Berhormat Datuk Haji Rizuan bin Abd Hamid. Tuan Yang i-Pertua, untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, pada tahun 2010 Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi atau lebih dikenali sebagai MOSTI telah menganjurkan *Malaysia Innovative 2010* (MI 2010) yang bertemakan *Meraikan Kreativiti*. Hasil daripada kajian impak yang dijalankan semasa penganjuran program MI 2010 mendapati bahawa:

- (i) aktiviti demonstrasi sains dan teknologi dilihat sebagai aktiviti paling bersesuaian untuk meningkatkan impak dan tahap kesedaran kerana ianya melatih penggunaan kreativiti dan inovasi; dan
- (ii) lebih 75 peratus responden menyatakan peri pentingnya bidang sains, teknologi, inovasi dan ekonomi yang berteraskan kreativiti dan inovasi.

Kesinambungan daripada program MI 2010 berkenaan, MOSTI telah menyediakan perancangan program khusus berkaitan dengan sains dan matematik sepanjang tahun 2011 sempena Program Penggalakan Sains dan Matematik 2011 atau singkatannya PPSM 2011 sebagai persiapan menyambut Tahun Sains Malaysia 2012 ataupun YOS 2012. Ini merupakan kesinambungan pada *Malaysia Innovative 2010* dan PPSM 2011. MOSTI berpandangan bahawa asas pada ekonomi berteraskan kreativiti dan inovasi, adalah mata pelajaran Sains dan Matematik.

Selaras dengan ucapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri semasa Mesyuarat Majlis Inovasi Malaysia atau Inovasi Negara pada 14 Februari 2011. Penganjuran PPSM 2011 dan YOS 12 akan memberikan suntikan semangat dan motivasi kepada masyarakat Malaysia khususnya pelajar dan anak-anak muda untuk meminati sains dan matematik.

Dalam melaksanakan PPSM 2011 dan YOS 12, MOSTI akan mengadakan pelbagai program khusus berkaitan sains dan matematik untuk penglibatan semua lapisan masyarakat sepanjang tahun 2011 dan 2012. Program ini bertujuan untuk meningkatkan kesedaran dan memupuk budaya sains dan matematik di kalangan rakyat Malaysia ke arah penghasilan kekayaan, penjana ilmu, dan kesejahteraan masyarakat.

Tuan Yang di-Pertua, sains dan matematik merupakan asas bagi melahirkan masyarakat yang mencipta teknologi. Sehubungan itu masyarakat umum perlu diberi kesedaran kepentingan sains dan matematik yang membolehkan negara menghasilkan produk-produk berinovasi yang mempunyai nilai tinggi dan berupaya menjana pendapatan mereka. Seterusnya melonjak ekonomi negara ke tahap yang lebih tinggi. Secara ringkasnya pengukuhan ini akan mendatangkan manfaat seperti berikut:

- (i) meningkatkan kesedaran sains dan teknologi dengan menyediakan persekitaran yang menggalakkan aktiviti reka cipta, inovasi dan pembangunan teknologi di kalangan masyarakat;
- (ii) mencetus dan menyemai minat rakyat Malaysia ke arah pembelajaran Sains dan Teknologi sepanjang hayat;
- (iii) memastikan pembangunan STI di Malaysia adalah berterusan pada masa hadapan; dan
- (iv) mempertingkatkan keupayaan inovasi serta membesarkan langkah-langkah inovasi di dalam negara.

Tuan Yang di-Pertua, negara melalui Dasar Sains dan Teknologi Negara Kedua telah menasarkn sebanyak 50 *researches*, *scientist* dan *engineers* per 10,000 tenaga kerja menjelang tahun 2010. Di bawah Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara pula menasarkn 100 RSE setiap 10,000 tenaga kerja menjelang tahun 2020.

Namun demikian, nisbah RSE pada tahun 2008 adalah 22.7 per 10,000 tenaga kerja. Jumlah ini adalah masih jauh di bawah sasaran yang telah ditetapkan. Indikator Pengajian Tinggi 2008/2009 pula menunjukkan bahawa pada tahun 2009, di institusi pengajian tinggi awam, nisbah pelajarnya adalah seorang pelajar sastera kepada 0.8 orang pelajar sains dan teknikal. Maknanya 56:44.

■1120

Manakala indikator pendidikan peringkat menengah 2008/2009, enrolmen peringkat menengah di sekolah kerajaan dan bantuan kerajaan pada 30 Jun 2010 ialah setiap dua orang pelajar mengikut sastera, hanya seorang mengikut sains.

Jadi berdasarkan kepada perangkaan tersebut, maka program-program di bawah TPSM 2011 dan YOS 12 diharap akan dapat merakyatkan sains dan matematik dan menjadikan ia satu topik umum yang menarik untuk diketahui dan diterokai.

Selain daripada itu, masyarakat akan didedahkan bahawa penguasaan dalam bidang sains dan matematik menjadi pengukur kepada kemajuan sesebuah negara dan bangsa sekali gus menyumbang kepada peningkatan dan keupayaan inovasi negara. Terima kasih.

Datuk Haji Rizuan bin Abd. Hamid: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri yang menjawab begitu baik sekali. Soalan tambahan saya, bagaimana pula dasar-dasar kementerian lain selain daripada Kementerian Pengajian Tinggi seperti yang disebut oleh Yang Berhormat tadi boleh menyokong Tahun Penggalakan Sains dan Matematik 2011 dan Tahun Sains 2012? Terima kasih.

Datuk Haji Fadillah bin Yusof: Terima kasih Yang Berhormat Senator Datuk Haji Rizuan. Untuk makluman, kedua-dua program iaitu Tahun Penggalakan Sains dan Matematik 2011 dan Tahun Sains 2012, sebenarnya kementerian-kementerian lain juga terlibat bersama dalam perancangan ini. Misalnya Kementerian Pelajaran, Kementerian Pengajian Tinggi, Kementerian Belia dan Sukan dan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat akan terlibat sama dalam menganjurkan keseluruhan program yang merangkumi perkara-perkara seperti berikut:

- (i) pameran, ceramah dan bengkel dalam bidang sains dan matematik ataupun yang bersifat interaktif dan intelektual sama ada berkaitan dengan sains, teknologi dan juga inovasi;
- (ii) pelan komprehensif yang melibatkan media yang berbentuk penerbitan sama ada dalam misalnya Estidotmy yang akan merangkumi semua bidang yang menggalakkan keperluan kita menguasai bidang sains dan matematik;
- (iii) mengadakan pertandingan berbentuk sains dan matematik dan ini melibatkan keseluruhan jabatan dan agensi di bawah MOSTI dan juga kementerian-kementerian lain;
- (iv) kerjasama dan jaringan dengan NGO dan juga pelbagai yayasan untuk bersama-sama menerokai bidang yang kita berikan tumpuan ini.

Maknanya, keseluruhan kementerian sebenarnya terlibat bersama dalam menganjurkan program ini dan memberi penekanan kepada perlunya kita melahirkan *scientist*, *mathematician* dan juga mereka yang kreatif dan inovatif dalam bidang-bidang yang kita berikan tumpuan tadi. Terima kasih.

7. Puan Hajah Dayang Madinah binti Tun Abang Haji Openg minta Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah menyatakan, jumlah projek luar bandar yang terbengkalai dan tidak dapat disiapkan dalam tempoh lima tahun yang lepas dan berapakah jumlah kos terbabit dan apakah langkah-langkah yang diambil untuk meminimumkan kes sedemikian.

Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah II [Datuk Joseph Entulu anak Belaun]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Senator.

Dalam tempoh lima tahun yang lepas, Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah hanya mempunyai dua projek sahaja yang terbengkalai iaitu projek MRSM Kuala Kangsar, Perak dan satu lagi MRSM Sungai Besar, Selangor.

Walau bagaimanapun, tindakan pemulihan sedang dibuat oleh Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah di mana proses untuk menender semula sedang dilaksanakan dan pembinaan kedua-dua MRSM tersebut dijangka akan dimulakan dalam masa terdekat. Kementerian ini sentiasa berusaha untuk meminimumkan kes projek yang terbengkalai dengan mengambil langkah-langkah seperti berikut:

- (i) melaksanakan pemantauan yang lebih menyeluruh dan lebih rapi kepada projek-projek yang dijangka akan mengalami masalah;
- (ii) mengarahkan pasukan *flying squad* untuk membuat pemantauan segera sekiranya berlaku projek lewat jadual ataupun projek yang sakit; dan
- (iii) memilih kontraktor yang lebih berwibawa, mempunyai pengalaman dan prestasi yang cemerlang.

Sekian, terima kasih.

Puan Hajah Dayang Madinah binti Tun Abang Haji Openg: Terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang telah memberi jawapan tadi. Soalan tambahan saya ialah kita hendak tahu apakah masalah utama yang menyebabkan projek-projek tersebut terbengkalai begitu lama? Terima kasih.

Datuk Joseph Entulu anak Belaun: Terima kasih Yang Berhormat Senator dan terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Dalam kes yang saya maksudkan tadi iaitu di dalam dua kes projek terbengkalai ini, ianya kerana harga ataupun kos besi keluli yang meningkat secara tinggi dan berpandukan garis panduan yang diberi oleh Kementerian Kewangan, kita dibenarkan membuat *mutual termination* dengan kontraktor-kontraktor yang terlibat dan untuk projek yang terbengkalai itu tadi, kedua-dua kontraktor bersetuju untuk membuat *mutual termination*. Sekian.

8. Datuk Akbar bin Ali minta Menteri Kewangan menyatakan, apakah usaha tegas untuk merombak pelbagai skim subsidi yang diperkenalkan oleh kerajaan kerana ia masih tidak menepati golongan sasaran, dikritik oleh badan-badan antarabangsa dan pakar ekonomi serta tidak dihargai pula oleh sebahagian penerimanya kerana ia dilihat lebih menguntungkan golongan kaya/syarikat besar dan membebankan pula golongan miskin dan bilakah ia akan dilaksanakan.

Timbalan Menteri Kewangan I [Datuk Dr. Awang Adek Hussin]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Datuk Akbar. Kerajaan sememangnya sedang mengambil tindakan-tindakan penting untuk memastikan subsidi yang diberi adalah menepati sasaran iaitu memberi faedah sepenuhnya kepada golongan miskin dan berpendapatan rendah. Pada masa yang sama, ketirisan dalam pemberian subsidi mestilah dibendung. Dengan langkah-langkah demikian, ia akan menjamin golongan berpendapatan rendah masih lagi dapat menikmati bantuan kerajaan dan jumlah subsidi tidak akan membebankan kewangan negara. Antara langkah-langkah ini termasuklah:

- (i) penarikan subsidi super ke atas diesel untuk kenderaan pengangkutan tertentu serta bot laut dalam (C2) untuk mengelak penjualan diesel di tengah laut;
- (ii) mengkhususkan subsidi petrol kepada minyak RON95 dan menyelaraskan harga runcit RON97 supaya selari dengan harga pasaran, dan dengan ini subsidi tidak lagi diberi kepada pemilik kereta besar yang menggunakan RON97 serta kereta yang masuk dari luar negara kerana kereta-kereta ini tidak dibenarkan menggunakan RON95; dan
- (iii) usaha mengurangkan subsidi ke atas barang-barang tertentu seperti gula sebanyak 20 sen baru-baru ini yang melibatkan penjimatan kerajaan sebanyak RM117 juta. Apa pun, jumlah subsidi ke atas gula masih tinggi iaitu sebanyak RM283 juta.

Langkah-langkah seterusnya dalam pelarasan subsidi adalah dalam penelitian dan kajian kerajaan di mana satu makmal juga telah pun dikendalikan oleh PEMANDU. Berhubung soal ini, langkah-langkah seterusnya akan diumumkan oleh kerajaan dari semasa ke semasa. Terima kasih.

Datuk Akbar bin Ali: Terima kasih di atas jawapan tersebut, Yang Berhormat Timbalan Menteri. Sebelum itu, saya faham semalam kesuntukan masa, tidak semua soalan dapat dijawab termasuk soalan saya semasa rang undang-undang. Jadi saya mohon jawapan bertulis bila kelapangan, Yang Berhormat Timbalan Menteri.

■1130

Tentang soalan saya ini, saya mengkhusus kepada gula, yang mana Datuk telah sebutkan bahawa sebanyak RM283 juta kos subsidi. Jadi, saya ingin memberi perhatian khusus kepada gula kerana mengikut kajian bahawa 97 peratus daripada *consumption sugar* di *consume*, dengan izin, oleh pihak industri, hanya 3 peratus oleh *household*. Ini bermakna sebahagian besar gula itu pergi kepada industri seperti restoran, pembuat *bottled drinks* dan sebagainya. Berdasarkan *household income survey* pula, hanya 38 peratus adalah orang miskin, maka lebih kurang 90 peratus adalah orang kaya. Jadi, di sini, RM283 juta itu *diconsume* oleh 97 peratus pihak industri. Jadi, saya rasa bilakah dapat diusahakan supaya sesungguhnya subsidi seperti ini terus menepati golongan miskin dan pada masa yang sama dapat menjimatkan sebahagian besar RM283 juta itu kerana 97 peratus daripadanya pergi kepada pihak industri. Terima kasih.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Datuk Dr. Awang Adek Hussin: Terima kasih Yang Berhormat. Memang kalau dilihat daripada segi peringkat pertamanya memang mungkin itu kelihatan bahawa sebahagian besar daripada subsidi gula ini dinikmati oleh pengguna-pengguna selain daripada individu tetapi kalau dilihat daripada segi kesan kedua, *the second round effect*, dengan izin, bermakna kalaulah gula-gula ini digunakan oleh restoran pun, ianya akan memberi kesan kepada harga minuman teh, contohnya. Kalau kita kurangkan subsidi, maka boleh jadi restoran ini juga akan menaikkan harga teh 'O', walaupun tidak teh susu dan juga makanan-makanan, kuih-muih yang dibuat oleh kilang-kilang dan sebagainya. Jadi, kita tidaklah boleh mengukur kesannya daripada segi *first round effect* kerana ia akan mempunyai kesan sampingan.

Jadi, apa pun memanglah. Sebab itulah gula ini dipilih oleh kerajaan untuk dikurangkan subsidi langsung sebanyak 20 sen kerana bukan sahaja daripada segi penggunaan gula tetapi juga daripada segi kesihatan. Gula ini sebenarnya tidak baik, banyak penyakit bermasalah daripada gula dan di setengah-setengah negara, penggunaan gula dalam minuman umpamanya memang tidak buat langsung. Jadi, kita perlu masa untuk mengubah cara hidup kita. Jadi, sebab itu kita tidak boleh menarik balik semua subsidi pada satu-satu masa sekali gus, secara perlahan-lahan. Baru-baru ini 20 sen, barangkali bagi ruang sekejap lagi kita boleh kurangkan sedikit lagi supaya rakyat tidak terlalu terasa. Jadi, sekarang rakyat di Kelantan suka manis-manis kuih, barangkali kurangkan gula sedikit. Bagi kita yang kurang makan manis ini memang kuih-kuih manis dah tak boleh makan.

Jadi, ini perubahan cara hidup dan lama-kelamaan saya rasa kita tidak akan makan gula dengan banyak. Jadi, tidak ada masalah sangatlah soal gula. Jangan kita nak tarik semua sekali gus, nanti ada juga orang yang masih lagi bergantung pada gula untuk hidup sehariannya. Jadi, kita buat perlahan-lahan, kita orang yang sentiasa mengutamakan kesederhanaan. Terima kasih.

Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Timbalan Menteri, subsidi yang diberi kepada minyak masak, ada banyak dakwaan bahawa sangat disalahgunakan. Oleh sebab itu adakah cara kita sampaikan subsidi, ada perubahan, sebab orang yang berkemampuan pun dapat juga subsidi. Jadi, cara kita beri subsidi itu macam *ration card* kah, e-Kasih *card* kah. Adakah apa-apa cadangan macam itu? Lagi pun di sini saya nampak banyak kelemahan penguatkuasaan sebab ada juga dengar bahawa ada penyeludupan minyak masak ke luar negara. Jadi, apakah pandangan Yang Berhormat Menteri.

Satu lagi, saya tidak setuju dengan jawapan yang diberi oleh Timbalan Menteri mengenai subsidi IPP. Mungkin itu bukan *direct subsidy* tetapi ada juga subsidi. Terima kasih.

Datuk Dr. Awang Adek Hussin: Saya tidak hendak gunakan ruang ini untuk berbincang mengenai IPP kerana ia akan memakan masa yang lama.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, saya setuju Yang Berhormat. Agaknya kita dah bincang panjang semalam. Soalan yang pertama sahaja perlu Yang Berhormat jawab.

Datuk Dr. Awang Adek Hussin: Jadi, tidak payah diselit-selitkanlah di sini. Yang Berhormat boleh tanya saya di luar. Saya boleh bagi penjelasan yang lebih lanjut.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, jawab yang pertama sahaja. Silakan.

Datuk Dr. Awang Adek Hussin: Jadi, yang pertama ini boleh. Tentang ada yang *smuggle* minyak terutama di sempadan, memang saya tidak dapat menafikan, memang ada. Inilah sebabnya masalah ketirisan dalam pemberian subsidi ini memang wujud. Kita kena bendung tetapi selagi perbezaan harga itu wujud dengan ketaranya, maka selagi itulah wujud insentif untuk *to smuggle*, dengan izin. Jadi, ini juga perlu ada satu langkah untuk kita mengurangkan perbezaan harga di antara negara kita dengan negara lain supaya insentif untuk *smuggle* itu semakin lama semakin kurang. *The economics of smuggling* kita kena wujudkan supaya tidak ada insentif *smuggle* ini. Itu kita kena kurangkan cuma soalnya, bagaimana kita lakukan. Ini yang kita sedang dalam proses. Kerajaan mengkaji semua ini, nak lihat. Ada yang mencadangkan sebaik mungkin, golongan yang miskin, yang berpendapatan rendah, kita bagi secara *direct* bantuan, kita hapuskan semua subsidi umpamanya.

Jadi, dia dapat, seorang dapat RM300 ke sebulan. Dia gunakan untuk beli barang-barang supaya tidak ada lagi perbezaan harga di pasaran di antara negara kita dengan negara luar manakala rakyat yang perlu dibantu mendapat bantuan tetapi ini kita kena teliti pula daripada segi pelaksanaan.

Sebab itulah SUBUR umpamanya, menimbulkan masalah kerana ada yang masuk dalam senarai, ada yang tak masuk dalam senarai. Ini yang kita kena lakukan. Memang daripada segi prinsipnya, konsepnya kita setuju. Tidak boleh kita bagi bantuan subsidi kepada mereka yang layak, yang berhak untuk belanja sendiri, tak perlu bagi. Kita bagi kepada mereka yang betul-betul perlu bantuan. Jadi, adakah melalui secara subsidi barangan yang mana terbuka luas untuk diguna oleh semua ataupun secara *direct*, kita bagi bantuan dan mereka belilah barang di pasaran pada harga pasaran. Jadi, ini pendekatan-pendekatan yang sedang dikaji oleh kerajaan dan saya rasa lama-kelamaan kita akan dapat satu penyelesaian yang baik, cuma peringkat awal ini memang adalah sedikit-sedikit kecacatan daripada pelaksanaannya perlu diperlicinkan. Terima kasih.

9. Puan Hajah Noriah binti Mahat minta Menteri Sumber Manusia menyatakan, statistik gangguan seksual yang dilaporkan di bawah kementerian ini dan berapakah jumlah syarikat yang menerima pakai Kod Amalan Gangguan Seksual 1999.

Timbalan Menteri Sumber Manusia [Dato' Maznah binti Mazlan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Puan Hajah Noriah di atas soalnya. Saya mohon izin untuk menerangkan dulu maksud gangguan seksual. Gangguan seksual bermakna sebarang tingkah laku yang berunsur seksual yang tidak diingini dan memberi kesan sebagai satu gangguan sama ada secara lisan, bukan lisan, visual, psikologi atau fizikal.

Merujuk kepada soalan mengenai majikan-majikan yang mengamalkan buku Kod Amalan Mencegah dan Membasmi Gangguan Seksual di Tempat Kerja, ia telah dilancarkan pada tahun 1999 oleh Kementerian Sumber Manusia. Ia adalah satu garis panduan kepada majikan tentang penubuhan dan pembentukan dan pelaksanaan mekanisme dalaman bagi menangani masalah gangguan seksual di tempat kerja.

Daripada segi statistik, saya ingin memaklumkan, sejak ia dilaksanakan pada tahun 1999 sehingga 22 Jun 2010, terdapat 300 kes telah dirujuk dan disiasat oleh Jabatan Tenaga Kerja. Jika kita lihat daripada tahun 1999 hingga 2009, kes ini puratanya di dalam 30 kes satu tahun.

Akan tetapi, kalau kita tengok pada 22 Jun, sehingga 22 Jun tahun ini, pada tahun ini sahaja dalam masa belum cukup enam bulan sudah terdapat 23 kes. Di jangka kes ini akan meningkat pada tahun ini. Seterusnya mengenai dengan majikan yang mengamalkan kod ini, kod amalan dan membasmi gangguan seksual di tempat kerja di seluruh negara sehingga ini kita merekodkan sebanyak 1,671 majikan sahaja.

■ 1140

Tuan Yang di-Pertua, jumlah majikan yang sedikit melaksanakan kod amalan ini adalah kerana kod ini tidak melibatkan polisi perundangan dan majikan digalakkan untuk mempunyai kod amalan untuk memudahkan prosedur aduan dan saluran penyiasatan jika berlaku kes gangguan seksual tersebut. Oleh itu Kementerian Sumber Manusia pada masa ini sedang meminda Akta Kerja 1955 dan bacaan kali pertama telah dibuat pada 21 Jun 2011, di Mesyuarat Kedua Penggal Keempat, Parlimen Keduabelas dan pindaan melibatkan pelbagai aspek berkaitan hal ehwal perburuhan dan ini termasuklah gangguan seksual yang mewajibkan majikan melaporkan aduan jika berlaku perkara tersebut. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Puan Hajah Noriah binti Mahat: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri kerana menjawab sebentar tadi. Yang Berhormat Timbalan Menteri saya ingin mengajukan sekali lagi mungkin setelah lebih sedekad kod amalan gangguan seksual ini dilaksanakan, dan sejauh manakah mungkin tadi mungkin sudah dijawab. Sejauh manakah ianya memberikan kesan dalam menangani masalah gejala sosial di kalangan pekerja dan bilakah akta gangguan ini akan dibawa ke Parlimen.

Apakah langkah yang telah dan akan diambil bagi membantu pekerja yang menjadi mangsa baik lelaki ataupun perempuan, akan tetapi takut hendak membawa kes ini ke depan atas alasan tertentu. Di sini saya ingin mencadangkan agar kementerian menubuhkan satu pusat aduan yang mudah diakses oleh semua pihak seperti biro aduan gangguan seksual di bawah kementerian untuk membantu pekerja yang menjadi mangsa. Terima kasih.

Dato' Maznah binti Mazlan: Tuan Yang di-Pertua terima kasih. Sama ada kod etika ini berkesan atau tidak, saya berani mengatakan bahawa kita dapati ia kurang berkesan kerana tidak ada sokongan perundangan. Maka itu kita akan seperti saya sebut tadi akan memuatkan di dalam pindaan Akta Kerja 1955.

Seterusnya kita dapati bahawa akta gangguan yang dilaksanakan di dalam Akta Kerja ini hanya tertumpu kepada majikan dan pekerja-pekerja yang menggunakan Akta Kerja 1955 sebagai panduan dan rujukan.

Bagi kes-kes lain saya ingin memaklumkan bahawa kita dapati bagi kes-kes jika didapati aduan yang dibuat itu berasas melalui pemeriksaan ataupun siasatan yang dibuat oleh Jawatankuasa dalaman maka pekerja-pekerja berkenaan tertakluk kepada peraturan-peraturan dan penalti ataupun hukuman-hukuman tertentu. Mangsa pula sekiranya tidak berpuas hati iaitu sama ada yang mengadu boleh membawa kes ini untuk dilaporkan melalui Kanun Keseksaan dan ia akan mengikuti proses-proses yang akan dikendalikan oleh Polis Diraja Malaysia.

Seterusnya sekiranya pekerja itu adalah mangsa, maknanya dia tidak bersalah akan tetapi dihukum dia boleh seterusnya membawa kes-kes ini ke Jabatan Perhubungan Perusahaan dan membawa pula kepada Mahkamah Perindustrian. Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat yang mencadangkan satu mekanisme di mana mangsa-mangsa boleh merujuk sekiranya mereka tidak mahu membawa kes ini secara *public* ataupun mendedahkan kes ini secara terbuka.

Sebenarnya di dalam organisasi atau di dalam syarikat majikan dan seterusnya sudah ada pegawai-pegawai kaunselor ataupun pegawai sumber manusia yang boleh mengendalikan kes-kes ini. Di dalam masyarakat pula kita sudah ada banyak pertubuhan-pertubuhan sukarela yang mengadakan kemudahan-kemudahan untuk mereka mendapat perkhidmatan-perkhidmatan sokongan. Terima kasih.

Dr. Malasingam a/l Muthukumar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Apakah kementerian juga mengambil berat akan gangguan seksual terhadap lelaki di mana satu laporan penyelidikan pada tahun 2009 membuktikan bahawa pihak lelaki yang didapati di ganggu adalah sebanyak 32 peratus berbanding wanita sebanyak 38 peratus.

Memandangkan kerajaan kini berusaha dalam memperkasakan kedudukan wanita, alasan gender tidak seharusnya dijadikan sebagai benteng pertahanan dalam menangani gangguan seksual terhadap lelaki. Terima kasih.

Dato' Maznah binti Mazlan: Tuan Yang di-Pertua terima kasih di atas soalan tersebut. saya ingin memaklumkan dalam pindaan Akta Kerja 1955 di mana termasuk perkara berkaitan dengan gangguan seksual, ia tidak gender bias. Ia adalah satu yang boleh merujuk kepada lelaki dan perempuan. Terima kasih.

10. Datuk Subbaiyah a/l Palaniappan minta Menteri Pengangkutan menyatakan, apakah kementerian bercadang untuk menaik taraf Jeti Pulau Pinang agar dapat menampung jumlah kenderaan yang kian meningkat dan meningkatkan masa menunggu yang mencecah lebih satu jam pada waktu-waktu tertentu, terutama apabila berlaku kesesakan lalu lintas di Jambatan Pulau Pinang.

Timbalan Menteri Pengangkutan II [Tuan Jelaing anak Mersat]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Senator. Tuan Yang di-Pertua untuk makluman Dewan yang mulia ini, pembukaan Jambatan Pulau Pinang pada tahun 1985 telah mewujudkan persaingan kepada perkhidmatan feri Pulau Pinang. Semenjak itu perkhidmatan feri Pulau Pinang lebih tertumpu kepada pejalan kaki dan bagi kenderaan pula ia lebih berfungsi sebagai laluan alternatif kepada Jambatan Pulau Pinang.

Susulan pembukaan lorong ketiga Jambatan Pulau Pinang pada bulan Ogos tahun 2009, perkhidmatan feri Pulau Pinang telah mencatat penurunan jumlah trafik bagi penumpang iaitu pejalan kaki dan kenderaan, bagi tahun 2010 jumlah penumpang pejalan kaki telah menurun dari 4.4 juta kepada 3.9 juta iaitu 13 peratus. Sementara jumlah kenderaan menurun dari 6.4 juta kepada 5.5 juta buah ataupun sebanyak 16 peratus.

Dalam pada itu pembukaan Jambatan Kedua Pulau Pinang kelak akan turut memberi kesan kepada perkhidmatan feri Pulau Pinang. Berdasarkan faktor-faktor ini kerajaan akan mengambil langkah-langkah untuk menaik taraf jeti Pulau Pinang pada masa hadapan sekiranya trafik penumpang iaitu pejalan kaki dan kenderaan yang menggunakan feri meningkat. Sekian.

Datuk Subbaiyah a/l Palaniappan: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya cuma ingin tanya sama ada pihak kementerian telah menerima satu cadangan daripada Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang di mana mereka telah minta untuk menaikkan perkhidmatan feri. Pada masa sekarang walaupun ada jambatan akan tetapi jambatan itu tidaklah mencukupi untuk kenderaan.

Oleh kerana pada musim cuti dan juga pada hari Ahad dan hari Sabtu memang ada kenderaan banyak. Begitu juga pada selepas waktu pejabat di mana tempoh ataupun masa untuk menunggu feri adalah lambat sehingga mungkin dalam satu jam. Di jambatan pula ada kesesakan trafik dan ada juga pada masa di mana ada kemalangan di jambatan semua yang terpaksa pergi ke sebelah pulau ataupun dari pulau ke seberang pula terpaksa menaiki feri. Jadi saya minta penjelasan sedikit.

■1150

Tuan Jelaing anak Mersat: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Senator atas perhatian kepada pengangkutan awam di Pulau Pinang iaitu feri ini. Seperti yang saya sebutkan sebentar tadi, satu jumlah pengguna feri ini telah menunjukkan penurunan. Akan tetapi tidak dapat kita nafikan Yang Berhormat, ada masa yang tertentu di mana feri ini akan sesak dan juga di mana masa menunggu akan lebih lama daripada biasa oleh sebab kesesakan masa, kata orang yang *peak time* yang Berhormat, seperti yang berlaku di mana-mana tempat di Malaysia di sini.

Satu faktor juga yang akan mempengaruhi penggunaan feri ini nanti adalah apabila siangnya jambatan yang kedua Pulau Pinang ini, kesesakan ini kemungkinan besarnya akan dapat dikurangkan dan juga usaha untuk mempertingkatkan lagi kemudahan terminal feri di sebelah *mainland* akan ditingkatkan untuk menjadi satu yang lebih selesa untuk penumpang-penumpang bas, kereta api dan juga penumpang-penumpang lain yang hendak menggunakan feri apabila dia hendak menyeberang ke Pulau Pinang. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat cukuplah setakat ini, selesailah sudah sesi pertanyaan-pertanyaan bagi jawab lisan dan seterusnya kita pergi ke acara seterusnya.

[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan tamat]

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG INSTITUT SUKAN NEGARA 2011

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Aturan Urusan Mesyuarat dibaca bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang" **[6 Julai 2011]**

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat.

11.52 pg

Timbalan Menteri Belia dan Sukan I [Tuan Gan Ping Sieu]: Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya meneruskan ucapan berkenaan Rang Undang-undang Institut Sukan Negara 2011.

Tuan Yang di-Pertua, dalam ucapan pembentangan saya petang semalam, saya telah memaklumkan Dewan yang mulia ini beberapa perkhidmatan yang kini disediakan oleh Institut Sukan Negara iaitu:

- (i) perubatan sukan;
- (ii) pemulihan perubatan sukan;
- (iii) psikologi sukan;
- (iv) penyelidikan dan inovasi sukan;
- (v) fisiologi senam;
- (vi) kesesuaian fizikal;
- (vii) pemakanan sukan; dan
- (viii) biomekanik sukan.

Selanjutnya Tuan Yang di-Pertua, perkhidmatan yang kesembilan yang telah ditawarkan ataupun disediakan oleh Institut Sukan Negara kini ialah:

- (ix) analisis sukan iaitu kemudahan pemantauan dan analisis prestasi teknik dan taktik sukan di peringkat atlet individu dan pasukan secara saintifik;
- (x) teknologi sukan iaitu mereka cipta, membina, dan membangunkan peralatan serta kemudahan pengukuran sukan yang mampu membangunkan prestasi sukan sama ada dalam latihan ataupun pertandingan melalui teknologi yang canggih dan terkini;
- (xi) pusat satelit iaitu pembangunan pusat-pusat perkhidmatan sains sukan dan perubatan sukan di peringkat negeri;
- (xii) pengenalpastian bakat bakal atlet iaitu program-program untuk mengenal pasti kanak-kanak peringkat sekolah yang mempunyai kemampuan untuk menjadi seorang atlet dan program latihan bersesuaian bagi pembangunan kemahiran fizikal asas perbagai sukan;

- (xiii) pusat maklumat sukan iaitu perkhidmatan perpustakaan sukan serta kemudahan penyediaan dan penyebaran maklumat dan audio visual sukan; dan akhirnya
- (xiv) sokongan teknologi maklumat iaitu kemudahan kerangka sokongan untuk pemprosesan dan penyimpanan maklumat sains sukan dan perubatan sukan serta pembangunan perisian yang berkaitan dengan sukan.

Tuan Yang di-Pertua, perkembangan liputan sistem penyediaan atlet yang dilaksanakan oleh Majlis Sukan Negara juga mendorong keluasan liputan perkhidmatan institut bukan sahaja untuk atlet-atlet elit kebangsaan, tetapi perlu dipanjangkan kepada atlet-atlet pelapis kebangsaan. Kekurangan sokongan sains sukan sama ada kemudahan atau kepakaran di peringkat negeri turut menjadi cabaran dalam membentuk bakat atlet dan atlet baru bagi memastikan kesinambungan pembangunan sukan berprestasi tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, bagi mengatasi kekurangan ini, pada 25 April 2007 Yang Berhormat Menteri Belia dan Sukan pada ketika itu telah memutuskan bahawa peranan dan fungsi institut perlu dipisahkan dari MSN. Pemisahan ini bertujuan menjadikan institut sebagai satu entiti yang memberi fokus kepada penyelidikan dan perkhidmatan dalam bidang perubatan sukan dan sains sukan di Malaysia. Pengasingan ini turut bertujuan untuk membolehkan institut berkembang dengan lebih pesat an berkesan bagi menerajui pembangunan bidang sains sukan dan perubatan sukan demi kecemerlangan sukan negara. Menerusi perkembangan ini kemudahan sains sukan dan perubatan sukan yang diperlukan bagi kecemerlangan sukan dapat diperluaskan kepada lebih ramai atlet.

Institut Sukan Negara dipertanggungjawabkan untuk memberi perkhidmatan sains sukan dan perubatan sukan bukan sahaja untuk atlet-atlet di peringkat elit sahaja, tetapi hendaklah disampaikan sehingga ke akar umbi dalam sistem persediaan atlet kebangsaan. Demi memenuhi peranan tambahan ini, institut telah membangunkan pusat-pusat satelit di setiap negeri secara berperingkat bagi menyediakan kemudahan asas dan kepakaran dalam sains sukan bagi membentuk dan menyediakan sumber atlet di peringkat negeri bagi menyemarakkan lagi pencapaian atlet-atlet ini dalam ekosistem sukan negara yang dinamik, cergas, dan berasaskan kelestarian.

Tuan Yang di-Pertua, Dasar Sukan Negara telah menetapkan tumpuan MSN adalah untuk menyelaras dan melaksanakan pembangunan sukan berprestasi tinggi. Manakala institut pula bertanggungjawab untuk menyelaras dan melaksanakan pembangunan sains dan perubatan sukan di semua peringkat. Oleh itu, selain sukan berprestasi tinggi, institut perlu dan telah menyediakan perkhidmatan kepada sukan-sukan yang tidak dikategorikan sebagai sukan berprestasi tinggi. Justeru bagi membolehkan institut melaksanakan tanggungjawab yang diperuntukkan dengan berkesan, sememangnya wajar institut diwujudkan sebagai satu perbadanan berkanun yang mempunyai peranan khusus bagi menyediakan perkhidmatan dan kepakaran sains sukan serta perubatan sains sukan untuk semua jenis sukan di Malaysia. Keperluan ini memerlukan institut diperluaskan skop dan peranannya bagi mendukung tanggungjawab yang termaktub dalam dasar tersebut.

Dalam hubungan ini, institut akan terus memainkan peranan di bawah Kementerian Belia dan Sukan sebagai agensi peneraju dan membantu lain-lain kementerian dan agensi yang berkaitan dalam usaha kerajaan untuk membudayakan sukan di kalangan rakyat negara ini. Sukan tidak sahaja bermakna usaha meraih pingat di persada antarabangsa, tetapi merupakan satu aktiviti hidup yang berkesan bermakna dan nyata dalam kehidupan manusia sejagat. Sukan memberi impak yang positif bukan sahaja buat kesihatan tubuh badan rakyat negara, tetapi turut melahirkan impak positif kepada pembangunan, psiko sosial masyarakat dan perpaduan rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, struktur dan organisasi MSN yang sedia ada hari ini melibatkan sistem sokongan pembangunan atlet elit dan pelapis kebangsaan serta turut melibatkan penglibatan Majlis Sukan dan agensi sukan peringkat negeri dalam pembangunan sukan berprestasi tinggi.

Peranan institut sebagai sebahagian dari organisasi MSN seperti yang berlaku masa kini membataskan potensinya dalam bidang sukan, perubatan sukan, penyediaan perkhidmatan dan kepakaran kepada kumpulan atlet kebangsaan sahaja dalam sukan-sukan yang diluluskan ke bawah sistem sukan MSN. Keadaan ini membantutkan pengembangan perkhidmatan sains sukan dan perubatan sukan di peringkat negeri dan mengehendkan pencapaian atlet peringkat negeri kepada perkhidmatan sains sukan dan perubatan sukan.

■1200

Keadaan ini juga bermakna kemudahan sains sukan dan perubatan sukan sukar dicapai oleh atlet dalam sukan-sukan yang tidak berada di bawah naungan Majlis Sukan Negara. Oleh itu bagi membolehkan kedua-dua MSN dan ISN masing-masing memberi penumpuan yang sewajarnya kepada peranan dan tanggungjawab masing-masing, adalah wajar institut diperkasakan sebagai sebuah perbadanan berkanun yang berasingan yang diberi mandat, fungsi dan kuasa sebagai Pusat Kecemerlangan Sains Sukan dan Perubatan Sukan untuk negara yang bertaraf dunia. Menerusi pusat kecemerlangan ini, penyediaan...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, panjang lagi kah?

Tuan Gan Ping Sieu: Sepuluh minit lagi.

Tuan Yang di-Pertua: Semalam Yang Berhormat sudah huraikan, kalau boleh ringkaskan sedikit.

Tuan Gan Ping Sieu: Ya, boleh. Menerusi pusat kecemerlangan ini, penyediaan atlet bertaraf dunia dapat dilakukan menerusi aplikasi sains sukan dan perubatan sukan terkini, termaju dan dengan izin, *at the cutting edge of sports performance*. Pembangunan pusat kecemerlangan ini turut akan bertindak selaku pemangkin terhadap transformasi pencapaian sukan negara. Tuan Yang di-Pertua, kewujudan MSN dan institut sebagai badan berkanun yang berasingan juga akan membolehkan kesinambungan pembentukan atlet-atlet kebangsaan dilaksanakan dengan lebih menyeluruh.

Tuan Yang di-Pertua, institut juga bertanggungjawab untuk mengenal pasti bakat atlet di peringkat kanak-kanak, seterusnya membantu membentuk kanak-kanak tersebut menerusi sistem persekolahan kebangsaan di bawah seliaan Kementerian Pelajaran Malaysia. Institut telah dan akan terus menyediakan bantuan dan kepakaran kepada Kementerian Pelajaran Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, oleh itu pembentukan institut sebagai perbadanan berkanun yang berasingan adalah amat diperlukan bagi menyokong pembangunan atlet kebangsaan di samping memastikan kesinambungan pembentukan atlet dari peringkat akar umbi sehingga ke peringkat atlet kebangsaan.

Tuan Yang di-Pertua, sejajar dengan hasrat Kementerian Belia dan Sukan untuk membangunkan industri sukan sebagai salah satu penjana ekonomi negara, kewujudan institut sebagai satu perbadanan berkanun akan membolehkan institut mengkomersialkan perkhidmatan yang disediakan kepada penggiat sukan yang menginginkan perkhidmatan tersebut. Perkhidmatan yang disediakan oleh institut sebagai contoh perkhidmatan pengujian sukan, pemulihan perubatan sukan, di samping juga dapatan penyelidikan dan inovasinya mempunyai nilai hasil tertentu yang dapat dimanfaatkan.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang Institut Sukan Negara 2011 yang dicadangkan ini terbahagi kepada lapan bahagian dan mengandungi 48 fasal.

Bahagian I rang undang-undang mengandungi peruntukan permulaan.

Fasal 1 mengandungi tajuk ringkas yang bertujuan untuk membenarkan Yang Berhormat Menteri menetapkan tarikh permulaan kuat kuasa akta.

Fasal 2 mengandungi takrif ungkapan tertentu yang digunakan dalam rang undang-undang-undang.

Bahagian II rang undang-undang mengandungi peruntukan yang berhubungan dengan Institut Sukan Negara.

Fasal 3 bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi penubuhan institut dan Fasal 4 membenarkan institut untuk mempunyai materai perbadanan.

Fasal 5 dan 6 menyatakan fungsi dan kuasa institut.

Fasal 7 mengandungi peruntukan mengenai keanggotaan institut dan mengadakan peruntukan bagi perkara yang perlu diikuti oleh institut sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual.

Fasal 8 memperkatakan tentang tempoh jawatan anggota institut.

Fasal 9 memberi Yang Berhormat Menteri kuasa untuk melantik secara sementara mana-mana anggota institut selain ketua pegawai eksekutif untuk menjalankan fungsi pengerusi jika jawatan pengerusi kosong atau apabila pengerusi tiada atau tidak boleh menjalankan fungsinya.

Fasal 10 adalah berkenaan dengan pembatalan pelantikan anggota institut dan peletakan jawatan mereka.

Fasal 11 menyatakan hal keadaan yang menjadikan jawatan seseorang anggota institut itu kosong.

Fasal 12 mengadakan peruntukan bagi pembayaran elaun bagi anggota institut.

Fasal 13 memperkatakan pelantikan Setiausaha institut.

Manakala, fasal 14 bertujuan untuk memberi Yang Berhormat Menteri kuasa untuk memberikan arahan am kepada institut.

Fasal 15 menghendaki institut untuk memberikan penyata, laporan, akaun dan maklumat kepada Yang Berhormat Menteri sebagaimana yang diarahkan oleh Yang Berhormat Menteri dan fasal 16 bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi perwakilan, fungsi dan kuasa institut.

Fasal 17 bertujuan untuk memberi institut kuasa untuk menubuhkan jawatankuasa bagi membantunya dalam pelaksanaan fungsinya di bawah akta.

Bagi Bahagian III rang undang-undang mengandungi peruntukan mengenai ketua pegawai eksekutif, pegawai dan pekerja-pekerja institut di bawah fasal 18, fasal 19 dan fasal 20.

Bahagian IV rang undang-undang mengandungi peruntukan mengenai perkhidmatan dalam sains sukan dan perubatan sukan di bawah fasal 21, fasal 22 dan fasal 23.

Bahagian V rang undang-undang mengandungi peruntukan mengenai penyelidikan, pembangunan dan pengkomersialan.

Fasal 24 bertujuan memberi institut kuasa untuk menubuhkan pusat satelit.

Fasal 25 mengadakan peruntukan mengenai penyelidikan dalam sains sukan dan perubatan sukan.

Fasal 26 memperuntukkan bahawa harta dalam dapatan penyelidikan yang diusahakan oleh institut yang dibiayai oleh entiti kerajaan hendaklah terletak hak pada institut manakala harta dalam dapatan penyelidikan yang diusahakan oleh institut yang dibiayai oleh mana-mana orang, *enterprise* swasta atau organisasi hendaklah terletak hak pada institut dan mana-mana orang, *enterprise* swasta atau organisasi itu secara berse sama, tertakluk kepada terma dalam apa-apa perjanjian antara institut dengan orang, *enterprise* swasta atau organisasi itu.

Fasal 27 bertujuan untuk membenarkan mana-mana orang mendapat akses kepada dapatan penyelidikan dan kemudahan institut tertakluk kepada syarat, sekatan dan hak sebagaimana yang ditentukan oleh Institut.

Fasal 28 mengadakan peruntukan bagi pengkomersialan dapatan penyelidikan.

Tuan Yang di-Pertua, bahagian VI Rang Undang-undang mengandungi peruntukan kewangan iaitu di bawah fasal 29, fasal 30, fasal 31, 32, 33, 34, 35, 36 dan 37.

Bahagian VII rang undang-undang memperkatakan kuasa lain institut di fasal 38, 39, 40, 41 dan 42.

Bahagian VIII rang undang-Undang mengandungi peruntukan am iaitu fasal 43 memperkatakan...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri, kalau boleh agaknya Yang Berhormat ringkaskan itu semua. Tidak payah baca semua itu lah. Huraian sahaja, tolong Yang Berhormat.

Tuan Gan Ping Sieu: Ya, terima kasih. Bahagian VIII rang undang-Undang mengandungi peruntukan am iaitu fasal 43.

Tuan Yang di-Pertua, fasal 44 memberikan perlindungan kepada institut, mana-mana anggota institut, mana-mana anggota jawatankuasa, atau mana-mana pegawai, pekerja atau ejen institut dan mana-mana orang lain yang bertindak secara sah bagi pihak Institut berkenaan dengan apa-apa perbuatan atau peninggalan yang dilakukan atau ditinggalkan dengan suci hati atas sifat yang sedemikian dengan izin *conduct in good faith*.

Fasal 45 memperuntukkan bahawa Akta Perlindungan Pihak Berkuasa Awam hendaklah terpakai bagi mana-mana tindakan, guaman, pendakwaan atau prosiding terhadap institut. Selain daripada itu, fasal-fasal yang mengandungi peruntukan am ialah fasal 46, 47 dan 48.

Tuan Yang di-Pertua, di sini adalah ditekankan bahawa keperluan rang undang-undang untuk menubuhkan Institut Sukan Negara, menyatakan fungsi dan kuasa institut dan untuk mengadakan peruntukan bagi perkara-perkara yang berkaitan atau bersampingan dengannya.

Penubuhan Institut Sukan Negara adalah untuk mengukuhkan penyediaan perkhidmatan dalam bidang sains sukan dan perubatan sukan ke arah kecemerlangan sukan negara.

Penubuhan ini akan mewujudkan sebuah pusat rujukan dan kecemerlangan sains sukan dan perubatan sukan bagi mendukung kecemerlangan pencapaian atlet. Kemudahan dan perkhidmatan dari institut akan memberi faedah bukan sahaja kepada para atlet tetapi juga kepada pembangunan industri sukan sebagai salah satu penjana ekonomi negara selaras dengan sasaran Kementerian Belia dan Sukan Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, saya dengan hormatnya mohon mencadangkan Rang Undang-undang Institut Sukan Negara 2011. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Silakan ada sesiapa Menteri yang menyokong?

Timbalan Menteri Pengangkutan II [Tuan Jelaing anak Mersat]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

■1210

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat masalahnya di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta bagi mengadakan peruntukan mengenai penubuhan Institut Sukan Negara untuk menyatakan fungsi dan kuasa institut dan untuk mengadakan peruntukan bagi perkara-perkara lain yang berkaitan atau bersampingan dengannya dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahaskan.

Beberapa Ahli: [Bangun]

Tuan Yang di-Pertua: Ya, saya ada terima ada di sini empat nama. Saya mohon kerjasama semua Ahli Yang Berhormat yang berhasrat tolong beritahu. Senang saya hendak membuat satu percaturan masa. Sekarang saya mempersilakan Datin Paduka Datuk Nor Hayati binti Tan Sri Dato' Seri Onn. Selepas itu Datuk Majjol Mahap.

12.11 tgh.

Datin Paduka Datuk Nor Hayati binti Tan Sri Dato' Seri Onn: Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kerana telah memberikan saya ruang untuk bersama-sama untuk membahaskan Rang Undang-undang Institut Sukan Negara 2011. Saya akan cuba ringkaskan ucapan saya ini. Pertama, saya ingin menyentuh mengenai isu-isu sains dan juga perubatan sukan.

Dalam konteks pemakanan dan senaman terpilih untuk ahli sukan, kehadiran pakar sains dalam menjaga tahap kesihatan dan corak pemakanan seseorang atlet begitu penting untuk pencapaian sukan seseorang atlet.

Pakar sains ini akan memantau tahap dan kategori pemakanan seseorang ahli sukan sepanjang kariernya terutamanya jika menghadapi *tournament*, kejohanan penting. Contohnya di Malaysia, pakar sains sukan sudah bekerja rapat dengan acara badminton negara sejak dulu lagi. BAM sudah mengiktiraf kehadiran pakar sains sejak era 1970-an lagi. Mereka ini ibarat keluarga, makan bersama dan dalam masa yang sama memantau tahap pemakanan ahli sukan tersebut.

Contoh lain juga untuk makluman Dewan, semasa juara badminton dari China iaitu Lin Dan memenangi emas di sukan Olimpik Beijing tahun 2008. Dilaporkan pada masa iaitu Lin Dan dijaga oleh tujuh pakar sains sukan yang hanya memberi fokus kepada dia seorang dalam memastikan kejuaraan pingat emasnya.

Jelas di sini, negara China memahami komitmen dan kepentingan pakar pemakanan dalam prestasi ahli sukan. Ianya penting kerana jurulatih perlu bersedia bekerjasama dan kongsi masalah yang dihadapi bagi persediaan atlet menghadapi kejohanan. Soalannya, berapakah jumlah pakar sains yang berkhidmat di ISN hari ini, jelaskan bidang dan kategori serta jenis sukan yang terlibat di dalam usaha negara mengharungi program *Road to London 2012*. Saya juga ingin menyentuh mengenai pakar perubatan. Berapakah jumlah pakar perubatan serta pakar fisioterapi dan pakar otot rangka yang sedang berkhidmat di ISN sekarang, dan berapakah jumlah doktor tempatan dan berapakah jumlah doktor asing?

Benarkah semasa Sukan Komanwel di India pada tahun 2010 baru-baru ini, kontinjen Malaysia hanya menyediakan tiga pakar perubatan untuk membantu hampir 159 orang atlet negara semasa di sana? Jika benar, apakah jumlah ini signifikan? Berapakah jumlah kaunselor yang disediakan untuk membimbing dari segi psikologi jika atlet bermasalah dan menerima kekalahan semasa bersukan. Apakah kaedah saintifik serta peralatan canggih yang bakal disediakan oleh ISN? Tentang pemakanan sukan pula, sejauh mana pakar pemakanan disediakan dan berapa jumlah yang ada sekarang?

Bagaimanakah isu analisis sukan, prosedur *postmortem* setelah selesai sesuatu kejohanan juga ingin saya tahu. Bahagian II, fungsi institut. Saya berpendapat negara kita terlalu banyak badan sukan yang memberi risiko *overlapping function* seperti MOM, ISN, MSN, Sekolah Sukan Bukit Jalil (SKBJ), fungsi dan peranan pesuruhjaya sukan yang kurang jelas serta badan-badan sukan di negeri-negeri tidak termasuk penyelidikan dan pembangunan belia serta pelbagai lagi. Soalannya, bagaimanakah Kementerian memastikan fungsi serta hala tuju badan-badan sukan di atas jelas dan tidak bertindih?

Saya juga terpanggil untuk bertanya tahap kerjasama dengan IPTA dan IPTS dalam usaha mencungkil bakat-bakat baru serta menghapuskan tohmahan bahawa jika seseorang atlet itu memasuki IPTA ataupun IPTS maka karier sukannya bakal berkubur. Sejauh mana Kementerian memastikan atlet bakal cemerlang di dua-dua bidang sukan dan juga akademik. Adakah ISN bercadang untuk menjadikan *one-stop centre* sebagai badan pemberi maklumat dan menyelaraskan aktiviti penyelidikan sukan R&D serta menilai prestasi atlet. Fasal 7 dan 8 menyentuh keanggotaan institut di dalam tempoh jawatan anggota institut. Saya terpanggil untuk menyentuh isu ini kerana saya berpendapat ahli jawatankuasa dan anggota terlalu ramai. Datangnya bukan dari bidang sukan maka akan berlaku ketidaksesuaian untuk mengadaptasikan mutu sukan yang tinggi serta pertelagahan sesama pegawai dan ahli menyebabkan atlet menjadi mangsa.

Bagi fasal 9, berkaitan kuasa Yang Berhormat Menteri melantik pengerusi sementara. Apakah maksud CEO ataupun ketua pegawai eksekutif tidak terlibat? Adakah kriteria yang dipilih oleh Yang Berhormat Menteri ini kerana tugas sebagai pengerusi amatlah penting. Soalan saya untuk program mencungkil bakat baru, apakah fungsi ISN serta persatuan sukan di negeri-negeri?

Bagaimana kemudahan ICT dapat membantu menyampaikan maklumat terkini dan atlet diberi bimbingan serta penerangan seimbang. Pusat satelit seluruh negara, saya difahamkan berjumlah sembilan buah setakat ini dan sejauh manakah pencapaiannya.

Berkaitan program *Road to London 2012*, apakah statusnya senarai terkini jenis sukan serta atlet yang disenaraikan? Ini kerana saya difahamkan terdapat beberapa perubahan terutamanya di bidang badminton, menembak, berbasikal serta terjun papan anjal. Bagaimanakah ISN sebagai badan berkanun yang asing tetapi mampu bekerjasama dengan semua badan sukan yang lain dan mencapai aktiviti membudayakan sukan negara.

Bagi badminton, apakah langkah BAM dengan isu Datuk Misbun Dato' Haji Sidek tidak menerima tawaran kontrak? Apakah kesudahan Badminton Negara selepas persaraan Datuk Lee Chong Wei kerana saya kira, yang saya nampak kita tiada pelapis yang setaraf dengannya. Cuba kita lihat pasukan pelapis mahupun yang *dipromote* kah, *senior squad*, semuanya gagal melepasi halangan pemain ternama dunia. Contohnya, Darren Liew yang dilihat paling berpotensi oleh panel BAM masih gagal menyerlah di kejohanan dunia malah kejayaan terbaik beliau hanyalah di peringkat suku akhir kejohanan dan gagal mengatasi pemain yang sudah berusia seperti Taufik Hidayat dari Indonesia. Walau bagaimanapun, saya mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri, seperti mana yang telah diumumkan sebentar tadi bahawa pasukan memamah telah berjaya untuk memasuki program *Road to London 2012*.

Bagi Bahagian III, fasal 19 dan 22. Saya berharap kebajikan mereka-mereka ini juga dijaga seperti gaji yang setimpal, status perkhidmatan serta *long term benefit* yang setimpal kerana tanggungjawab mereka ini berat iaitu memartabatkan sukan negara dan mencari bakat-bakat baru. Saya juga ingin bertanya, bagaimana juga dengan kebajikan atlet yang sudah bersara? Ada atlet yang sakit dan tiada bantuan kewangan serta menjadi miskin. Bagaimana ISN boleh membantu dengan dana dan juga sumbangan. Adakah skim khas untuk bekas atlet yang sakit, bagaimana *database* yang boleh dibangunkan bagi menyimpan rekod bekas-bekas atlet?

Saya ingin mengambil kesempatan pada hari ini untuk mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Belia dan Sukan kerana telah berjaya membawa kejayaan kepada kementerian. Ini termasuklah himpunan sejuta belia yang telah diadakan baru-baru ini dan juga rang undang-undang ini yang saya kira memberi banyak manfaat kepada kementerian.

Saya kira sepanjang penglibatan saya juga sebagai belia daripada peringkat daerah, negeri dan kebangsaan inilah satu-satu Yang Berhormat Menteri yang benar-benar dapat menjiwai naluri belia-belie kita, menyelami hati dan naluri para belia kerana sentiasa terlibat dengan semua program-program belia di mana sahaja berada, sehinggakan sukan *bungee jumping* yang berisiko juga dibuatnya walaupun umur menjangka 50-an ke atas. Akan tetapi, percayalah dengan penerjunan itu jugalah membuatkan beliau dilihat sebagai awet muda setelah terjun dan kelihatan seperti anak-anak belia yang berumur di bawah 40-an.

■1220

Namun saya berharap agar Menteri akan peka dengan memperingatkan belia-belie ini supaya jangan sampai bersukan sahaja, tetapi semangat patriotik seharusnya disuntik supaya tebal sayangkan negara, kerana mereka ini bakal-bakal menjadi pemimpin negara kelak dan apatah lagi kita ada lebih kurang berjuta pengundi baru yang bakal mengundi kelak. Pastikan mereka ini jangan sibuk bersukan, dididik menjadi insan yang berguna kepada negara. Dengan kata-kata tersebut saya dengan ini menyokong Rang Undang-undang Institut Sukan Negara 2011. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Saya persilakan Datuk Maijol.

12.21 tgh.

Datuk Maijol Mahap: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua memberikan izin kepada saya untuk turut berbahas Rang Undang-undang Institut Sukan Negara 2011.

Tuan Yang di-Pertua, sukan adalah amat penting bagi kita, penting bagi rakyat dan juga negara kita. Saya tidak boleh bayangkan bagaimana sebuah negara itu tanpa sukan, ia amat penting sekali bagi kita semua.

Oleh itu saya ingin memuji terima kasih dan tahniah kepada Kementerian Belia dan Sukan kerana berjaya membawa rang undang-undang ini ke Parlimen dan Dewan yang mulia ini, yang mana ia bertujuan untuk meningkatkan lagi sains sukan negara kita dan juga dari segi rawatan sukan pemulihan fisioterapi, psikologi sukan dan juga untuk menaikkan prestasi atlet latihan secara menggunakan pemakanan yang baik, 'by mechanic' pergerakan atlet secara saintifik.

Tuan Yang di-Pertua, saya memang melihat bahawa sains sukan ini adalah penting sekali, kerana terlibat langsung dalam sukan saya melihat sebagai seorang pengurus Pasukan Kebangsaan Badminton negara kita. Saya selalu melihat bagaimana atlet-atlet negara kita bertanding kerana inilah yang membezakan sebenarnya kerana semua atlet ini mempunyai keupayaan masing-masing, mempunyai *skill* masing-masing, tetapi yang boleh membezakan yang sedikit itu, yang mendapat emas itu adalah melalui sains sukan. Jadi sains sukan ini amat penting sekali untuk mendapat sedikit *edge*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, untuk dia mendapatkan satu *point* itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya mendengar hujah Yang Berhormat Datin Paduka Datuk Nor Hayati tadi dan telah membangkitkan tentang soal perkara-perkara perubatan dan fisioterapi yang turut bersama di Sukan Komanwel 2010 di New Delhi. Secara kebetulan pada waktu itu saya pun berada di situ sebagai pengurus pasukan badminton negara kita. Waktu itu memang saya tidak pasti tentang jumlah doktor-doktor yang mengiringi, tetapi bagi pasukan badminton memang ada fisioterapi yang mengiringi kami dan telah bertugas dengan baik sekali dalam membantu atlet-atlet kita dan pada waktu itu memang kita gembira kerana kita mendapat empat emas dalam sukan badminton di Sukan Komanwel itu.

Yang Berhormat Datin Paduka Datuk Nor Hayati juga telah membangkitkan tentang pelapis badminton. Memang benar kita tidak mempunyai pelapis yang rapat dengan prestasi ataupun kelas Datuk Lee Chong Wei, tetapi saya ingin menyatakan ini sebagai pegawai BAM, bukanlah senang untuk melahirkan seorang pemain badminton yang betul-betul bertaraf dunia. Dalam mana-mana pun kita tengok Indonesia, Denmark pun selepas Peter Gade pelapisnya jauh di bawah. Sama seperti Taufik Hidayat Indonesia pelapisnya seperti Simon Santoso, Sony Dwi Kuncoro dan sebagainya dia jauh di bawah. Jadi di Malaysia ini saya nampak bahawa apa yang saya tengok ialah kita mengharap pelapis-pelapis atau pemain-pemain remaja di lingkungan umur 18 tahun ini akan menyerlah dan kami pegawai-pegawai BAM melihat bahawa ada potensinya di kalangan mereka ini untuk menyerlah sebagai pemain antarabangsa nanti.

Tuan Yang di-Pertua, sains sukan adalah sebahagian daripada sukan sekarang dan sebab itulah di mana-mana mesyuarat dan juga pengurusan jurulatih ini sains-sains sukan ataupun pakar-pakar sains sukan mestilah bersama untuk memastikan bahawa sains sukan itu diserapkan bersama dalam perancangan sukan ini. Cuma saya ingin timbulkan di sini tentang beberapa perkara berkaitan dengan matlamat rang undang-undang ini, iaitu pertama tentang atlet itu apabila bersara nanti, apakah jaminan bahawa mereka ini mempunyai pekerjaan yang boleh menampung hidup mereka. Oleh kerana di Malaysia ini terdapat satu isu yang selalu diperdebatkan ialah bolehkah persatuan-persatuan sukan di Malaysia ini atau kerajaan boleh memberikan pekerjaan kepada bekas-bekas atlet yang sudah bersara dan telah pun menyumbang tenaga dalam sukan kepada negara kita.

Saya ingin mengatakan dan memberi cadangan kepada kementerian bahawa mereka yang telah mengharumkan nama negara kita, yang telah bermain dengan begitu baik sekali haruslah digalakkan untuk menjadi jurulatih-jurulatih kita baik di peringkat kebangsaan, peringkat negeri dan juga peringkat daerah. Ini kerana mereka ini telah melalui masa-masa yang begitu pahit manis dalam hidup mereka sebagai atlet dan sudah tentu mereka mempunyai ilmu yang tinggi, yang boleh mereka curahkan kepada pemain-pemain muda kita. Jadi kita jangan abaikan, kita jangan sia-siakan mereka ini dan saya harap kementerian mengambil kira tentang *career* mereka untuk menjadi seorang jurulatih setelah tamatnya mereka bersukan sebagai atlet.

Mereka juga boleh menjadi konsultan, jururunding sepenuh masa. Mereka boleh menjadi penasihat kepada ISN, boleh menjadi penasihat kepada kerajaan, kepada persatuan-persatuan sukan.

Ini kerana kepakaran mereka itu amat diperlukan dan boleh mungkin kita jemput mereka untuk memberikan ucapan atau pun memberikan ucapan dalam mana-mana majlis-majlis sukan untuk memberikan perangsang kepada atlet muda kita tentang sukan. Memberikan motivasi kepada mereka bahawa kerajaan serius tentang memberikan peluang kepada mereka ini untuk menyerlah dalam sukan.

Saya juga ingin menyatakan di sini tentang pemakanan Tuan Yang di-Pertua, iaitu dari segi pemakanan dan Yang Berhormat Datin Paduka Datuk Nor Hayati juga ada menyebut tentang perkara ini, bahawa apa yang saya perhati dan harus dipantau saya tidak mengatakan ini sebagai satu amalan, tetapi mungkin berlaku di mana apabila atlet negara kita ke luar negara untuk bertanding, biasanya mereka ini diberi elaun harian dan tidak diberi makanan sebab negara *host* itu mungkin tidak memberikan makanan, tetapi apa yang dibuat oleh pasukan kita ialah pasukan masing-masing memberikan elaun makanan kepada atlet-atlet. Katakan satu hari diberi berapa ringgit, RM100 contohnya. Akan tetapi yang menjadi masalah ialah atlet-atlet ini tidak menggunakan duit itu sepenuhnya untuk membeli makanan.

Adakah kecenderungan mereka *save* duit dan simpan duit itu dan makan makanan yang tidak berfaedah, makanan yang tidak mendatangkan kudrat yang baik untuk mereka. Jadi hari pertandingan itu mereka tidak mempunyai tenaga yang secukupnya yang diperlukan untuk bertanding. Inilah masalah yang harus dipantau oleh semua jurulatih, oleh semua pengurus pasukan memastikan bahawa atlet mereka itu menggunakan sepenuhnya elaun itu, dan juga memastikan mereka ini mendapat diet, makanan yang baik, yang sesuai untuk bersukan dan jangan mengetepikan perkara itu kerana mahu *save* duit itu.

■1230

Ini mungkin berlaku dan kita harus berwaspada kerana kalau terjadi begitu di dalam waktu pertandingan, maka sia-sialah latihan yang diadakan selama berbulan-bulan itu padahal pada waktu pertandingan dia akan menjadi lemah kerana tidak cukup makan dan sebagainya. Jadi kita tidak mahu perkara itu berlaku sedemikian.

Saya juga ingin mencadangkan di sini supaya sains sukan ini dibudayakan, dimasyarakatkan kepada jurulatih-jurulatih di peringkat kebangsaan, negeri mahupun di peringkat daerah. Maksud saya di sini ialah jurulatih haruslah tahu tentang sains sukan. Tidak ada gunanya mempunyai sijil jurulatih tetapi tidak mengetahui tentang sains sukan, kerana sains sukan sekarang ini adalah sebahagian daripada sukan kita. Tanpa sains sukan, maka kejurulatihan ini tidak akan lengkap kerana ada yang *missing*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua.

Sains sukan ini juga perlu diperkenalkan di peringkat remaja kerana kalau kita mengaplikasikan sains sukan ini di peringkat senior sahaja dan bukannya di peringkat remaja, maka ia tidak akan sesuai kerana kesan sains sukan ini haruslah dilaksanakan di peringkat remaja lagi dan jika tidak, ia akan memberikan kesan yang buruk kepada atlet setelah ia mencapai taraf pemain senior.

Sebagai contoh tanpa menyebutkan nama, seorang pemain badminton negara kita yang sekarang telah pun bersara di mana kakinya selalu sahaja sakit. Kalau bertanding sahaja, mesti kakinya akan dibalut. Walaupun sakit tetapi beliau tetap bermain dengan bersungguh-sungguh dan bermain bermati-matian. Selaku pengurus pasukan, saya bertanya kepada fisioterapi, tidak kah ini boleh diubati atau sakit lutut ini boleh diubati? Dia menjawab kepada saya bahawa tidak boleh sebab ia berlaku sewaktu pemain tersebut bermain di peringkat remaja lagi dan pada masa dia remaja dahulu tidak ada sains sukan, hanya di peringkat senior barulah sains sukan ini diperkenalkan kepada pemain tersebut. Oleh itu, penyakit tersebut tidak boleh diubati lagi kerana sepatutnya sains sukan digunakan sewaktu dia bermain di peringkat remaja lagi. Jadi itulah yang saya maksudkan bahawa sains sukan ini harus diserapkan serta diaplikasikan di semua peringkat sama ada di peringkat remaja dan juga di peringkat senior.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang saya perhatikan sekarang ini ialah walaupun kita beria-ia memperkenalkan sains sukan yang mana ini adalah perkara yang baru sebenarnya, kerana dahulu kita ada MSN dan sekarang kita ada ISN sebagai tambahan untuk melengkapkan program kita untuk melonjakkan sukan di negara kita ini, tetapi apa yang saya lihat ialah masih terdapat kelemahan untuk memperluaskan sains sukan ini.

Pertama ialah kita masih kekurangan pakar yang bertauliah di dalam sains sukan ini. Disebabkan itu kita perlu melahirkan pakar-pakar sains sukan, *dietician* nya itu, *physiotherapist*, *psychologist* dan sebagainya, kerana kalau perkara-perkara seperti ini tidak banyak tetapi sedikit sahaja di ISN, maka yang mendapat rawatan dan juga *benefit* nya itu dengan izin, adalah atlet nasional sahaja. Oleh itu, pakar-pakar tersebut mesti diperbanyakkan agar kita mempunyai pakar-pakar di peringkat negeri dan juga di peringkat daerah.

Kedua ialah kita masih kekurangan dari segi ilmu. Maksudnya di sini ialah kekurangan bahan bacaan, buku-buku, artikel-artikel dan juga jurnal-jurnal yang ada kaitan dengan sains sukan. Kekurangan bahan bacaan tersebut menyebabkan orang ramai khususnya atlet-atlet ini apabila ingin mengetahui tentang sains sukan tidak mempunyai sumber bagi mencari ilmu kerana masalah kekurangan buku, artikel-artikel dan sebagainya. Perkara ini seharusnya diatasi dan saya percaya pihak kerajaan telah pun memikirkan perkara ini melalui Kementerian Belia dan Sukan dan ISN supaya masalah ini dapat ditangani.

Ketiga ialah penerangan lebih meluas secara holistik tentang pentingnya sains sukan. Ramai orang menganggap bahawa sains sukan tidak penting. Asalkan bermain sahaja cukuplah. Akan tetapi sebenarnya sains sukan adalah amat penting sekali dan oleh sebab itu penerangan serta penjelasan daripada ISN amat penting sekali untuk meluaskan penjelasan ini kepada atlet-atlet, anak-anak muda kita supaya mereka boleh serapkan sains sukan dalam latihan mereka sejak awal lagi.

Saya juga ingin mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada ISN kerana telah pun menubuhkan pusat-pusat ISN di negeri-negeri. Ada beberapa negeri sekarang yang telah mempunyai ISN sendiri. Bukan sahaja di Bukit Jalil sebagai ibu pejabatnya tetapi di negeri-negeri juga telah mempunyai pusat ISN. Ia dibuat untuk memastikan bahawa program ISN ini dapat diserapkan di peringkat negeri.

Saya juga berkesempatan untuk hadir sewaktu pelancaran pusat ISN di Kota Kinabalu lebih kurang satu, dua tahun yang lalu dan saya menganggap ini sebagai satu perkembangan yang amat positif dan amat baik untuk atlet-atlet kita di sebelah sana. Saya masih ingat di mana sewaktu perasmian tersebut, Ketua Pengarah ISN telah menyatakan bahawa ISN juga bercadang untuk meluaskan pusat-pusat tersebut bukan sahaja di Kota Kinabalu tetapi juga di daerah-daerah utama di Sabah dan saya percaya pendekatan ini sama juga dengan di negeri-negeri yang lain dan ini kita mengalu-alukannya. Cuma, saya ingin bertanya mengenai apakah perkembangan tersebut, adakah masih *in the pipeline*, dengan izin? Saya berharap ia begitulah, ISN ini dapat diperluaskan. Saya berharap Yang Berhormat Menteri boleh menjelaskannya nanti.

Tadi saya ada mendengar penerangan Yang Berhormat Timbalan Menteri tentang mengenal pasti – salah satu daripada tugas ISN adalah untuk mengenal pasti bakat-bakat di peringkat kanak-kanak dan remaja. Saya ingin tahu bagaimana ia boleh dilaksanakan? Ini kerana ini adalah satu tugas yang besar dan amat penting. Setahu saya, sekarang ini Kementerian Pelajaran telah pun mengambil alih tugas pembangunan sukan ini daripada Kementerian Belia dan Sukan sejak empat, lima tahun yang lalu di mana dahulu kita mempunyai pusat-pusat latihan yang dipanggil Pusat Latihan Sukan Teras di bawah Kementerian Belia dan Sukan dan di bawah MSN, tetapi sekarang ini telah diambil alih oleh Kementerian Pelajaran dan Kementerian Pelajaran melalui jabatan nya mungkin atau satu unit khas mungkin dalam kementerian untuk meneruskan dan memikul tanggungjawab di dalam pembangunan sukan ini. Saya percaya dengan adanya setup sebegini, ISN kini akan bekerjasama dengan Kementerian Pelajaran untuk mencungkil bakat-bakat di peringkat kanak-kanak, di peringkat sekolah rendah dan juga di peringkat sekolah menengah.

Cuma, apa yang saya lihat sebagai ketua ataupun pengerusi persatuan di peringkat daerah dan juga presiden persatuan di peringkat negeri, saya tidak begitu nampak program-program yang dilaksanakan ke arah ini. Saya tidak begitu nampak tentang pelan tindakan yang diambil dan perancangan serta program-program yang dilaksanakan, kerana jika ada, pasti kami tahu kerana di peringkat daerah pun kami aktif untuk melaksanakan tugas-tugas pembangunan sukan di peringkat persatuan.

Jadi kalau ada, kami mohon supaya ISN dan juga Kementerian Pelajaran boleh memaklumkan kepada persatuan daerah-daerah dan negeri tentang koordinasi yang lebih baik supaya kami tahu apa yang dibuat dan juga koordinasi tersebut dapat dilaksanakan untuk memberikan kejurulatihan kepada atlet...

■1240

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, panjangkah lagi?

Datuk Maijol Mahap: Sedikit lagi Tuan Yang di-Pertua. Jadi, itu sahaja yang ingin saya sampaikan.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat, terima kasih.

Datuk Maijol Mahap: Jadi, dengan itu saya mohon untuk menyokong. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Puan Chew Lee Giok, dan seterusnya Yang Berhormat Dato' Mohammed Najeeb selepas itu.

12.40 tgh.

Puan Chew Lee Giok: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana membenarkan saya menyertai perbahasan Rang Undang-undang Institut Sukan Negara 2011.

Tuan Yang di-Pertua, Institut Sukan Negara merupakan pusat melatih atlet-atlet negara. Misi Institut Sukan Negara ialah untuk mengenal pasti, mengukuh dan meningkatkan kecemerlangan atlet menerusi aplikasi saintifik. Institut Sukan Negara ditubuhkan sejajar dengan Dasar Sukan Negara, kita mengetahuinya dan pewujudan fizikal Institut Sukan Negara dipercepatkan selaras dengan pemilihan Kuala Lumpur sebagai tuan rumah Sukan Komanwel pada tahun 1998.

Pada masa kini, kita mengetahui bahasa ISN telah memberi fokus kepada penyelidikan, perubatan dan sains sukan di Malaysia. Untuk memajukan sukan negara, Kementerian Belia dan Sukan hendaklah mengorak langkah bersama teknologi baru dan komunikasi maklumat. Pada masa ini, pemain-pemain kita terdiri daripada pelbagai kaum dan agama. Mereka telah menunjukkan semangat 1Malaysia. Semangat itu boleh dilihat sewaktu mereka bermain bersungguh-sungguh, bermati-matian untuk mencapai kecemerlangan. Kejayaan Malaysia di dalam pelbagai arena sukan akan menaikkan nama negara di seluruh dunia. Kejayaan atlet akan mengharumkan nama negara dan memupuk semangat patriotik anak Malaysia tanpa mengira kaum atau agama.

Malaysia telah menjadi juara badminton pada masa 50-an dan menjadi juara hoki pada masa 70-an. Pada masa kini, pemain-pemain kita amat berjaya dalam badminton, skuasy dan boling. Malaysia telah berjaya dalam bidang badminton, skuasy dan permainan tertentu tetapi masih lemah dalam banyak bidang lagi. Begitu juga kita nampak, selepas Lee Chong Wei, Nicol David bersara, kita tidak nampak pemain pelapis yang boleh menggantikannya.

Kalau tiada pemain pelapis yang menggantikannya, maka pencapaian sukan Malaysia di dunia akan menurun dengan mendadak. Maka, di sini Institut Sukan Negara hendaklah memainkan peranan untuk memastikan kesinambungan yang berterusan. Begitu juga meningkatkan pencapaian sukan negara dalam aliran sukan yang lain.

Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri pernah memberikan pendorongan sukan di dalam sekolah iaitu 1Murid 1Sukan. Ini merupakan satu polisi yang perlu dipuji. Atlet-atlet hendaklah dipilih dan dididik daripada sekolah rendah.

Di sini terdapat berapa persoalan saya untuk kementerian agar boleh menjawab persoalan saya seperti berikut:

- (i) apakah penganalisan dan penyelidikan yang berjaya dilakukan oleh Pusat Biomekanik Sukan;

- (ii) bagaimanakah penganalisaan biomekanik sukan telah memberi pencapaian atlet yang lebih cemerlang dan menyumbang kepada pemecahan rekod. Kalau boleh rekod dunialah kan;
- (iii) sejauh mana keberkesanan pusat psikologi sukan telah menolong pemain-pemain dalam mengatasi sikap takut kalah sewaktu bermain;
- (iv) sejauh mana pencapaian pengkomersialan dapatan penyelidikan telah dijalankan seperti yang dinyatakan dalam rang undang-undang;
- (v) minta kementerian memberi penerangan keberkesanan pusat satelit yang telah ditubuhkan di banyak negeri;
- (vi) apakah fungsi SPADE, apakah program yang dilaksanakan olehnya hingga hari ini;
- (vii) setakat mana peranan Institut Sukan Negara dalam meningkatkan pencapaian sukan negara; dan
- (viii) terdapat berapa ramai atlet di Institut Sukan Negara mengikut pecahan jantina pada hari ini; dan
- (ix) apakah program yang digunakan untuk mengenal pasti atlet yang berpotensi.

Rang Undang-undang Institut Sukan Negara 2011 diwujudkan pada masa kini memang tepat masa demi kepentingan kemajuan sukan negara pada masa akan datang. Sekian, saya mohon menyokong. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Cepat, tepat dan sekarang saya persilakan Dato' Mohammed Najeeb. Selepas itu Yang Berhormat Tuan Ng Fook Heng.

12.45 tgh.

Dato' Mohammed Najeeb bin Abdullah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana mengizinkan saya turut sama membahaskan Rang Undang-undang Institut Sukan Negara 2011.

ISN telah mula beroperasi sejak Oktober 1992 dan hari ini kita akan meluluskan *insya-Allah*, Rang Undang-undang Institut Sukan Negara 2011. Ini bermakna Institut Sukan Negara (ISN) telah lama wujud dan telah lama berfungsi. Hanya di masa yang lalu saya rasa terdapat banyak kekeliruan tentang di mana sebenarnya letaknya ISN, sama ada di bawah Majlis Sukan Negara (MSN) ataupun di bawah Kementerian Belia dan Sukan itu sendiri (KBS). Hari ini saya pun baru tahu bahawa ISN ini duduknya di bawah MSN dan hari ini kita hendak berbincang membahaskan rang undang-undang ISN, baru kita tahu hari ini ISN akan bergerak maju ke hadapan selangkah dengan rang undang-undang yang kita akan luluskan sebentar lagi *insya-Allah*.

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita lihat fungsi seperti mana yang di dalam seksyen 5, rang undang-undang ini, lapan daripada sepuluh yang dicatatkan dalam rang undang-undang ini menyentuh tentang tugas ISN di dalam bidang saintifik sukan (*sports science*). Lapan daripada sepuluh kecuali 5C dan 5J. Jadi, mungkin ada baiknya kita namakan ini sebagai ISSN *Institute Sports Science* ataupun Sukan Sains Negara *instead of ISN*, bagi mengelakkan kekeliruan dengan MSN. Kalau dahulu MSN bertugas ataupun bertanggungjawab, berfungsi ke arah meningkatkan prestasi sukan negara dan ISN *side line* sebagai satu institusi yang membantu MSN di dalam kerangka ataupun *framework* MSN tetapi hari ini ISN diwujudkan semata-mata untuk *sports science* (sains sukan). Saya berpendapat adalah lebih molek atau adalah lebih tepat ataupun lebih fokus kerana termaktub ataupun tercatat di dalam lapan daripada sepuluh fungsi penubuhan Rang Undang-undang Institut Sukan Negara 2011. Yang pertama.

Tuan Yang di-Pertua, di masa-masa yang lalu kita dapat ramai ahli sukan yang lama-lama, yang telah bersara dan hari ini dalam lingkungan umur 50 hingga 60 tahun, yang banyak mengalami kecederaan ataupun penyakit-penyakit kronik. Ini mungkin disebabkan kita tidak ada *sports science* di waktu itu sebagaimana yang disebut oleh Yang Berhormat Senator Datuk Majid Mahap tadi. Kita bertanding sama ada di peringkat kebangsaan atau antarabangsa, kita bertanding setakat masuk bertanding, tidak ada penganalisaan dalam segi saintifik sukan itu sendiri.

Saya masih teringat, kita masih lagi apabila bertanding di peringkat antarabangsa, kita masih lagi meminta menu makanan kita nasi lemak, roti canai dan sebagainya sebagai satu menu wajib. Kalau tidak atlet kita tidak boleh bertanding. Contohnya. Ini perkara betul. Seolah-olah itulah kekuatan kita orang Malaysia mesti ada nasi lemak, roti canai dan teh tarik di dalam menu yang disediakan oleh pihak tuan rumah. Jadi, mungkin perkara-perkara ini telah berlalu dan kita boleh maju ke depan dengan adanya penglibatan kita secara lebih fokus dalam *sports science*. Begitu juga dengan cadangan supaya kita membantu bekas-bekas atlet negara yang hari ini mengalami pelbagai penyakit sama ada kronik ataupun penyakit biasa.

■1250

Saya rasa ISSN boleh membantu dan harus sama-sama membantu ke arah tujuan ini. Saya rujuk semula kepada rang undang-undang ini, ada beberapa perkara yang ingin saya mohon penjelasan. Pertama berhubung dengan perkara ataupun seksyen 35, Akaun dan Laporan. Institut hendaklah menyebabkan supaya akaun yang sewajarnya bagi kumpulan wang disimpan dan hendaklah seberapa segera dapat dilaksanakan selepas berakhirnya setiap tahun kewangan.

Jadi seberapa segera ini satu perkataan yang terlampau luas, *general*. Itu sebabnya hari ini, kita di dalam Dewan yang mulia ini telah diedarkan Kertas Statut 30 untuk 2011, Laporan Tahunan MSN 2009, bukan 2010 sebab hari ini kita juga menerima beberapa keping laporan, kesemuanya 2010 tetapi MSN 2009 sebabnya, sebab seksyen macam inilah. Kita kata seberapa segera, setahun atau dua tahun, segera juga. Jadi kita kena lebih spesifik, saya minta pihak kementerian ambil nota.

Kuasa untuk meminjam, seksyen 38, institut boleh dengan kelulusan Menteri dan Menteri Kewangan meminjam pada apa-apa kadar bunga, ini semalam saya pernah tegur dalam rang undang-undang yang lain. Kita sekarang ini, janganlah kita masih lagi berada dalam zaman jahiliah lagi, saya rasa bunga ini semua kita sudah sebut banyak kali, riba Yang Berhormat, jangan kita sebut lagilah, gugurkanlah. Banyak perkataan yang lebih sesuai yang syariah *compliant*.

Begitu juga dalam klausa atau seksyen 42, juga disebut dengan atau tanpa bunga, dalam klausa 42. Satu lagi kuasa untuk melabur, ini juga sudah sebut dalam rang undang-undang sebelum ini yang mana kita adakan klausa ini ataupun seksyen ini tetapi janganlah ia sebagai satu *escape clause* untuk kita hendak melabur sewenang-wenangnya sebab fokus kita bukan untuk membuat keuntungan dalam segi pelaburan tetapi dalam *sport science*.

Seksyen 41 berhubung dengan kuasa menubuhkan syarikat, begitu juga kerana bersangkutan dengan 42, bantuan kewangan boleh diberikan kepada syarikat dengan kelulusan Menteri. Saya berpendapat syarikat yang hendak ditubuhkan ini dan bantuan yang hendak diberi ini mestilah 100 peratus sahamnya dipegang oleh kerajaan kerana kita akan memberi bantuan yang mungkin *interest free* ataupun tidak ada *charges* apa-apa.

Jadi saya berharap dan berdoa agar sukan negara akan lebih maju lagi, lebih ke hadapan lagi dengan rang undang-undang ini. Saya yakin *sport sciences* akan menjadi satu bidang yang boleh menarik lebih ramai anak muda berkecimpung bukan sahaja kerana untuk menggemilangkan sukan itu tetapi sebagai satu *karier* kerana hari ini di peringkat global antarabangsa, kita lihat *sport sciences* telah diterima sebagai satu ruang karier yang boleh dibanggakan. Sekian, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Saya persilakan Yang Berhormat Ng Fook Heng.

12.54 tgh.

Tuan Ng Fook Heng: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Setahu saya ISN ini sudah wujud di peringkat kebangsaan dan di peringkat negeri tetapi di peringkat negeri, ia dipanggil Pusat Satelit Institut Sukan Negara. Soalan saya kenapa ada nama yang lain untuk badan induk dan nama lain pula di peringkat negeri? Melihat pada fungsi ISN ini, ianya melingkungi bidang yang luas daripada menasihati Menteri tentang prestasi atlet ke kaedah latihan secara saintifik, sains sukan, perubatan sukan, rawatan perubatan untuk ahli sukan sehinggalah mencari peruntukan dan tajaan.

Soalan saya, bukankah semua fungsi ini dalam rang undang-undang ini adalah sedang dan telah dilakukan, kenapa kita perlu ada satu undang-undang institut sukan negara? Bukankah Kementerian Belia dan Sukan mempunyai kuasa untuk menjalankan segala aktiviti yang tercatat dalam rang undang-undang ini.

Pertanyaan saya seterusnya adalah selepas rang undang-undang ini diluluskan dan diwartakan kemudian, apakah pula fungsi Majlis Sukan Negara? Adakah Majlis Sukan Negara masih relevan selepas undang-undang ini dikuatkuasakan? Seterusnya, adakah Institut Sukan Negara di bawah kawalan Majlis Sukan Negara atau sebaliknya? Bukankah dengan adanya undang-undang ini, kita juga menambah birokrasi dalam urusan Kementerian Belia dan Sukan? Dahulunya sebelum Akta Pembangunan Sukan 1997, persatuan-persatuan sukan didaftar di bawah *Registrar of Society* (ROS) dengan izin, kalau tidak salah saya. Apabila dikuatkuasakan Akta Pembangunan Sukan 1997, semua persatuan atau badan sukan ditukarkan pendaftaran mereka di bawah Kementerian Belia dan Sukan. Ini saya setuju tetapi soalnya adakah kemajuan atau prestasi atlet negara bertambah baik selepas kuat kuasa Akta Pembangunan Sukan Negara.

Dahulunya kita ada pasukan hoki negara yang begitu hebat, pasukan bola sepak negara yang hebat juga sehingga layak ke Olimpik. Apakah yang terjadi sekarang pada prestasi sukan negara selain daripada prestasi cemerlang pasukan badminton, boling dan skuasy? Adakah kecemerlangan pasukan bola sepak Harimau Malaya dan piala dunia dapat dikekalkan dan dibawa ke tahap yang lebih tinggi lagi? Seterusnya saya berharap fungsi ISN ini bukanlah hanya untuk pentadbiran, latihan dan koordinasi sahaja, ia perlu berfikir *out of the box*, dengan izin iaitu ISN perlu menetapkan KPI-KPI untuk beberapa badan sukan dan bidang sukan. Contohnya, apakah *time frame* dengan izin, untuk pasukan bola sepak negara mencapai sekurang-kurangnya ke peringkat Asian, *Asian qualifying round for the World Cup finals* atau pasukan hoki negara untuk sampai ke tahap *semi final* bagi *World Cup tournament* yang akan datang.

Akhirnya, saya hendak tahu adakah ISN ini berhak mengambil tindakan terhadap atlet, pegawai atau pemimpin badan sukan sekiranya mereka terlibat dalam kes jenayah ataupun dadah atau rasuah.

Kes salah laku ini membawa implikasi yang besar kepada ahli-ahli atau atlet-atlet lain kerana ramai atlet, pegawai atau pemimpin badan sukan merupakan contoh ataupun *idol* kepada masyarakat umum. Dengan kata-kata ini, saya mohon menyokong. Sekian.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Seterusnya saya persilakan Yang Berhormat Hajah Mumtaz binti Md. Nawî. Yang Berhormat, ada hanya lebih kurang satu minit lagi dan lepas itu boleh sambung.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: [Bangun]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Dato' Dr. Firdaus hendak bercakapkah?

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Dalam tiga, empat minit.

Tuan Yang di-Pertua: Selepas tengah hari ya. Silakan Yang Berhormat.

12.59 tgh.

Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawi: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana membenarkan saya untuk sama membahaskan Rang Undang-undang Institut Sukan Negara 2011. Terdapat beberapa isu yang ingin saya kemukakan kepada pihak kerajaan khususnya berkenaan dengan

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, minta maaf. Tengok waktu sudah masuk jam 1 tengah hari, saya terpaksa tangguhkan Mesyuarat kita pada ketika ini dan kita sambung semula pada jam 2.30 nanti. Untuk makluman semua yang ada di sini, Yang Berhormat Hajah Mumtaz dan Yang Berhormat S. Ramakrishnan a/l Suppiah dan juga Profesor Dato^r Dr. Firdaus bin Haji Abdullah.

Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.00 petang.

Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.

[Timbalan Yang di-Pertua mempengerusikan Mesyuarat]

Timbalan Yang di-Pertua: Diminta Yang Berhormat Puan Hajah Mumtaz menyambung perbahasannya.

2.32 ptg.

Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawi: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Bila mana kita menyebut tentang Rang Undang-undang Institut Sukan Negara 2011, banyak sebenarnya harapan yang akan kita berikan kepada institut ini agar dapat mencari satu formula bagi mengekalkan keseluruhan kecemerlangan pencapaian sukan yang kita lihat akhir-akhir ini telah mendapat tempat dalam negara kita kerana prestasi yang ditunjukkan oleh atlet-atlet kita sama ada di peringkat dalaman mahupun di peringkat antarabangsa. Jadi, saya sekali lagi ingin merakamkan tahniah kepada semua pemain-pemain dan jurulatih-jurulatih di semua peringkat sukan dan di semua peringkat pertandingan mereka. Kita harapkan agar dengan mereka ini terlibat dalam sukan, mereka akan boleh mengekalkan semangat kesukanan yang ada pada mereka.

Berhubung dengan perkataan ini saya ingin merujuk kepada seksyen 2 di bawah tafsiran atau penerangan tentang perkataan, "*sains sukan*" di mana perkataan yang digunakan ialah, "*sains sukan bererti bidang yang berkaitan dengan pemakaian prinsip saintifik bagi memperbaiki prestasi kesukanan bukannya prestasi sukan*". Jadi, saya hendak mintalah satu penjelasan daripada pihak kementerian dan juga bahagian penggubalan. Itu yang pertama.

Keduanya, di bahagian subseksyen 2, seksyen 26 yang menyebut, "*Harta dalam apa-apa dapatan penyelidikan yang diusahakan oleh institut yang dibiayai oleh mana-mana orang, enterpris swasta atau organisasi...*". Mungkin bacaannya dari segi biasanya disebut *enterprise*, tetapi dalam konteks ini disebut begini. Jadi, saya ingin juga hendak bertanya berkaitan perkara ini dalam masalah istilah ataupun terminologi yang diguna pakai. Hari ini kita lihat dalam akhbar Berita Harian yang menyebut Collins tegur Bahasa Melayu lara iaitu Pengarah Pusat Pengajian Asia Tenggara, Northern Illinois University (NIU), Amerika Syarikat, Profesor Dr. James T. Collins menyebut tentang kelemahan *Kamus Dewan* terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka kerana kegagalan kita untuk menggunakan bahasa yang tepat dalam mana-mana istilah.

Disebut juga di sini bahawa ini melibatkan pemimpin-pemimpin politik yang tidak sanggup untuk menyebut semuanya dalam Bahasa Malaysia dan disebut di sini bahawa rasa kasih orang luar terhadap Bahasa Melayu jauh berbeza dengan sebahagian besar rakyat Malaysia yang majoritinya taksu terhadap bahasa sendiri dan sentiasa memandang serong kepada keupayaan bahasa Melayu sehingga sanggup melabelkan tidak cukup perbendaharaan kata yang saya rasa boleh diwartakan pada hari ini dengan menyebut "*enterpris swasta*". Sikap ini dikatakan tidak tahu menari dikatakan lantai terjongkang-jongket sebahagian besar bangsa Melayu sehingga termakan dengan pembohongan Bahasa Melayu tidak cukup istilah, tidak cukup perkataan, maka terjadilah terjemahan langsung *outside the box* sebagai di luar kotak sedangkan itu bermaksud di luar lingkungan, di luar lingkup, di luar kepompong atau di luar kerangka.

Jadi, saya minta perkara ini diambil perhatian kerana di dalam seksyen 41 akta yang sama menyebutkan tentang kuasa untuk menubuhkan syarikat. Institut ini boleh menubuhkan syarikat di bawah Akta Syarikat begitu juga di bawah seksyen 42 juga menyebut perkataan syarikat. Jadi sekali kita gunakan syarikat, sekali kita gunakan enterpris. Jadi, saya harap perkataan-perkataan sebegini walaupun mungkin nampak kecil dari segi bahasa memang kita faham, tetapi dari sudut jati diri. Kita sudah ditegur di peringkat antarabangsa dan kita harap perkara ini tidak akan berulang pada masa akan datang.

Saya ingin bertanya kepada pihak kerajaan khususnya berkaitan dengan jumlah peruntukan pembangunan sains sukan yang diberikan oleh Kerajaan Pusat kepada kerajaan negeri dan berapakah jumlah yang diturunkan kepada agensi sukan secara langsung yang *direct* tidak melalui mana-mana kerajaan ataupun mana-mana jabatan yang dipilih oleh kerajaan negeri.

Jadi, saya hendak tahu secara keseluruhan supaya kita boleh melihat dari segi peruntukan untuk R&D dan juga dari segi peruntukan yang diberikan untuk program orang itu sendiri. Kemudian apabila disebut juga tentang Majlis atau anggota yang akan menganggotai Institut Sukan Negara, saya ingin bertanya kepada pihak kerajaan dari segi keanggotaan. Adakah kita akan membuat juga Majlis Penasihat Ahli Sukan yang terdiri daripada pemain-pemain veteran, pakar sukan, pakar sosial dan pakar agama. Ini kerana kita difahamkan daripada penjelasan yang diberikan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri semalam bahawa di dalam ini kita ada perubahan sukan, pemuliharaan sukan, psikologi sukan, penyelidikan sukan. Adakah mereka ini akan dijadikan anggota dalam Majlis yang akan ditubuhkan di bawah institut ini. Ini saya rasa penting sebab setiap seorang itu mesti ada pakar yang dihantar untuk memberikan kuasa undi bagi membentuk sebarang polisi yang akan dikeluarkan oleh Institut Sukan Negara.

Saya juga hendak bertanya kepada pihak kerajaan, sejauh manakah pemantauan dari segi perubahan sukan. Adakah kita telah mempunyai sebarang akademi perubahan sukan dalam negara dan berapakah universiti yang telah menawarkan kursus-kursus seperti ini. Sekiranya tidak ada di dalam negara, berapa orang yang telah kita hantar ke luar negara untuk mengambil kursus-kursus berkaitan dengan Sains Sukan. Kita juga hendak tahu jumlah terkini pemegang Ph.D dalam negara yang sedia ada dalam bidang Sains Sukan kerana ini penting. Kalau kita tidak ada cukup pakar-pakar Ph.D dalam Sains Sukan, kita kena hantar sebilangan mereka untuk belajar dan mungkin dalam masa lima tahun kita akan dapat jumlah-jumlah orang yang tertentu di semua negeri kerana ini penting. Kita tidak tahu prestasi sebab kalau kita lihat sekarang ini prestasi sukan mungkin nampak pada awalnya mungkin Johor cemerlang, Kedah nampak tidak cemerlang.

Mungkin Pulau Pinang nampak tidak cemerlang tetapi akhirnya kadang-kadang bila dalam masa beberapa lama, kita akan lihat di semua tempat ada orang akan cemerlang dalam semua bidang. Maknanya dia tidak akan sama. Kita tidak boleh *predict*. Jadi, ini bererti keperluan kita kepada pakar-pakar daripada Sains Sukan ini semua negeri kena ada. Tidak boleh hanya bertumpu di pusat kerana mungkin yang akan menjadi juara itu hanya budak kampung yang berasal dari mana-mana negeri. Ini penting untuk kita pastikan dari segi perancangan untuk semua mereka ini yang ada kumpulan pakar-pakar yang akan terlibat dari segi Sains Sukan.

Saya juga ingin bertanya pihak kerajaan berkenaan dengan keanggotaan yang akan dipilih oleh Menteri dan bagaimana penyelarasan maklumat antara Institut Sains Sukan ini akan sampai ke negeri-negeri. Jadi, bagaimana dari sudut keahlian sebab kita lihat kalau tidak ada *direct* ahli begini, bagaimana dari segi maklumat. Ini kerana kita lihat walaupun kita hendak atau tidak setakat ini kita cuba elakkan rasuah dalam sukan, politik dalam sukan. Akan tetapi, berlaku juga khususnya di antara negeri-negeri yang bukan satu parti dengan Kerajaan Pusat. Terdapat banyak *event* atau peristiwa yang berlaku yang menunjukkan bahawa di sana terdapat politik dalam sukan. Ini sebenarnya menjejaskan prestasi sukan secara keseluruhan.

Jadi, saya pohon agar perkara ini diberikan penjelasan bagaimana keanggotaan dan penyelarasan maklumat ini akan dapat disampaikan agar objektif sebenar kita terlibat dalam sukan itu akan dapat kita capai.

Saya juga ingin bertanya kepada pihak kerajaan tentang perubatan sukan yang disebut oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri sebelum ini, bagaimanakah kita memastikan jaminan halal kepada semua ubat ubatan dan juga semua vitamin yang dibekalkan kepada mana-mana atlet tanpa kesan jangka panjang.

■1440

Jadi, kalau dipastikan halal, adakah kita mempunyai makmal khusus yang kita akan pantau segala perubatan mereka ini kerana kita percaya, apa yang digunakan oleh atlet biasanya bukannya digunakan oleh orang ramai. Jadi, mungkin agak spesifik, yang mungkin barang yang digunakan tetapi ubat yang digunakan itu halal tetapi daripada segi pembungkusan, segala-galanya ini melibatkan kesemua proses. Saya harap perkara ini diberikan perhatian khas agar kehalalan ini dapat kita pastikan dan tanpa kesan jangka panjang.

Siapakah pihak yang bertanggungjawab sebagai pusat farmasi? Ini kerana kita tidak mahu perkara-perkara yang kita lihat di luar negara melibatkan atlet yang terlibat dengan kes-kes dadah akan menular juga dalam negara kita kerana kemungkinan ada dalam kalangan mereka yang mungkin tidak sedar tentang perkara ini dan saya pohon agar perkara ini dipantau secara berpusat. Ertinya hanyalah ubat-ubat yang diluluskan oleh jabatan ini ataupun mana-mana institut ataupun mana-mana agensi di bawah institut ini barulah digunakan oleh mereka kerana tanpa pemantauan seperti ini, mereka mungkin mengambil ubat-ubatan berdasarkan pada nasihat-nasihat yang diberikan oleh pelbagai pihak.

Kita juga lihat ramai atlet yang mengalami masalah khususnya di luar negara daripada segi risiko kesuburan dan pemikiran dan *effect* ketika berumur. Kita harapkan dengan penubuhan ISN pada hari ini, ia *insya-Allah* perkara ini semua dapat kita *tackle*. Begitu juga dengan pemulihan sukan. Adakah kerajaan mempunyai pakar di seluruh negara dan dalam jangkaan kita adakah kita akan menggunakan juga kaedah pemulihan secara tradisional ataupun alternatif. Adakah kita mempunyai pelan untuk kajian dan promosi agar pemulihan dari sudut urutan atau fisio secara tradisional mungkin berdasarkan pada etnik, cara orang Melayu, orang India, orang Cina ataupun kepada Orang Asli yang boleh kita ketengahkan ke peringkat antarabangsa.

Jadi, kalau perkara seperti ini ada, saya pohon agar ia ataupun mungkin telah dibuat oleh pihak kerajaan untuk diberitahu kepada Dewan supaya kita melihat, kita bukanlah hanya mengguna pakai kaedah sedia ada tetapi menawarkan sesuatu yang baru kepada pihak antarabangsa bagi menunjukkan bahawa apabila ditubuhkan ISN ini, ia benar-benar berfungsi memberikan manfaat kepada orang lain.

Begitu juga tentang psikologi sukan. Kita lihat apabila disebut psikologi sukan, kita bersukan daripada kecil lagi. Daripada peringkat sekolah rendah, daripada peringkat mungkin tadika lagi, sekolah menengah, universiti dan ada sebahagian orang akan mengambil ini sebagai satu bidang yang profesional. Bagaimanakah semangat kesukanan ini kita lihat boleh berlaku dalam sesetengah hal dan semangat kesukanan juga kadang-kadang boleh luntur dalam sesetengah hal? Bagaimanakah perkara daripada segi mentaliti menjadi juara ataupun kalah ini akan menjadi satu motivasi yang dirangka oleh peringkat ISN yang boleh diguna pakai ataupun diakses di semua peringkat. Maknanya kalau kita ada pakar psikologi sukan di ISN ini, mereka ini adalah *accessible* ataupun boleh dihubungi dan boleh mendapatkan khidmat untuk memberikan taklimat di semua tempat.

Maknanya di peringkat sekolah, di peringkat universiti supaya manfaat ini bukan hanya tertentu kepada atlet yang terpilih sahaja supaya semua sampai. Sebab ini penting kerana kita hendak jadi juara ini ia bukan bermula apabila sudah tua. Kita mesti bermula daripada kecil lagi bahawa semangat untuk menjadi juara. Berapakah jumlah kes pemain dan atlet kita yang menghadapi kes-kes psikologi yang telah pun dilaporkan sebelum ini sehingga kita terpaksa mengambil pendekatan seperti ini.

Bagi atlet Islam, adakah pihak ISN yang mungkin sebelum ini di bawah MSN mempunyai pakar agama yang mempunyai kemahiran psikologi dari sudut sains sukan? Kalau belum ada, saya mencadangkan agar dibuat kerjasama strategik dengan mana-mana universiti dengan USIM ataupun dengan UIA ataupun mana-mana institusi bagi melahirkan pakar agama yang pakar kaunseling dan juga pakar sukan. Diambil gabung jalin serentak supaya kita boleh membekalkan pakar-pakar seperti ini untuk kita dapatkan khidmat seperti ini kerana kita percaya perkara ini perlu dan akan menjadi satu keperluan yang mendesak pada masa akan datang.

Begitu juga tentang, disebut psikologi sukan ini, saya hendak kaitkan juga dengan apabila hendak bersukan, kita hendak dalam keadaan aman, tenang. Jadi, apabila tenang dan aman, di Kelantan kita galakkan mereka untuk bersolat. Jadi, apabila tiba-tiba mereka hadir ke beberapa tempat stadium apabila berlaku perlawanan, yang dimaklumkan kepada kita ialah masalah kemudahan solat di stadium yang tidak mencukupi. Jadi, ini satu perkara yang rasanya kita patut atasi apabila melibatkan permainan-permainan yang besar, sepatutnya kita mempunyai satu alternatif bagi memastikan semua penonton bukan hanya pemain, boleh menikmati kemudahan-kemudahan selain daripada tandas, tempat makan, mereka juga harus dibekalkan dengan kemudahan tempat solat kerana saya percaya sekiranya mereka ini menunaikan solat dahulu sebelum mereka melihat mana-mana perlawanan, ini akan lebih memberikan kesan pada psikologi peminat-peminat dan juga pemain-pemain sukan.

Seterusnya berkaitan dengan penyelidikan sukan. Setakat ini berdasarkan kepada sukan-sukan yang telah pun kita sertai di peringkat ASEAN, di peringkat antarabangsa mungkin Olimpik dan juga Asia, berapakah jumlah sukan tradisi dan, atau sukan Malaysia yang telah berjaya kita pasarkan di persada antarabangsa? Kita lihat ini berubah apabila kita buat *Commonwealth Games* di tempat kita, lain yang dipaparkan. Apabila pergi ke tempat lain, lain yang dipaparkan. Jadi, walaupun lain, kita terima sebab semua tempat ia memang ada adat ataupun kebudayaan sendiri tetapi berapakah sukan yang telah berjaya kita kekalkan. Maknanya sekali kita *promote* ataupun sekali kita buat pasaran, orang boleh terima dan ambil perkara ini sebab ini penting untuk apabila kita mempunyai satu pusat penyelidikan sukan untuk kita memastikan bahawa apa yang ada dalam negara kita ini, boleh orang lain terima dan mempunyai nilai-nilai untuk kita pasarkan. Ini kerana penting kerana ia melibatkan maruah, ia melibatkan jati diri dan ia juga merupakan satu produk pelancongan pada negara kita sendiri.

Hari ini apabila disebutkan tentang Majlis Sukan, berapakah jumlah peruntukan yang sebelum ini dinikmati oleh MSN khususnya untuk bahagian penyelidikan? Ini disebabkan kita bimbang kalau diberikan sebegini tanpa ada sasaran, kalau dahulu dapat RM3 juta untuk sekarang ini kita mungkin *target* dalam RM6 juta untuk tahun pertama, kita hendak lihat dari sudut peruntukannya supaya ada hasil. Bukan hanya kita luluskan dan kemudiannya hanya kaji perkara-perkara yang kecil. Saya juga hendak bertanya kepada kerajaan tentang program tersusun untuk akademi sukan di peringkat negeri. Bagaimana penyelidikan sukan ini boleh menghalang juga rasuah dalam sukan? Perkara yang kita mungkin baru sedar dalam negara kita, rasuah dalam sukan yang kita dapat kesan di beberapa tempat.

Akan tetapi saya rasa ini perlukan penyelidikan mendalam kerana teknik dan taktik yang dibuat oleh broker-broker yang terlibat dalam kes-kes rasuah sukan ini cukup *complicated* dan ia melibatkan jumlah yang tinggi dan ini mungkin memerlukan kerjasama dengan Institut Integriti Malaysia dari sudut kerjasama. Perkara ini penting sebab ia akan menjalar di semua tempat. Kalau berlaku di peringkat kebangsaan ia mungkin akan berlaku di peringkat negeri dan juga mungkin sampai ke peringkat Parlimen. Jadi, perkara tersebut kita lihat, kita mahu kalau boleh dibuat satu unit khas bahagian ini untuk dikaji.

Juga tentang pakaian dan imej ahli sukan untuk upacara perasmian yang sesuai. Kita lihat untuk pembukaan mana-mana sukan di seluruh dunia. Untuk upacara rasmi bagi pembukaan, mereka akan pakai pakaian yang tertentu kerana ini menggambarkan budaya. Jadi, dalam konteks kita adakah pusat penyelidikan sukan kita ini akan buat kajian khas tentang pakaian-pakaian yang akan dipakai oleh atlet dalam masa perasmian, dalam masa penutup di samping pakaian yang dipakai sebagaimana yang kita timbulkan pagi tadi tentang garis panduan dan juga rekaan baru yang memastikan ada perkara yang kita rasa menepati ciri-ciri daripada segi kesesuaian, daripada segi cuaca agar kita boleh pasarkan ke peringkat dunia kerana ini juga merupakan daripada segi imej kita iaitu sebagai sebuah negara yang mengamalkan sukan.

Saya juga percaya bahawa sukan juga merupakan alat perpaduan sejauh mana institut penyelidikan sukan ini akan terlibat sebagai menjadikan sukan ini sebagai alat perpaduan dan sukan sebagai duta dan produk pelancongan negara.

Jadi, kalau kita ada bagaimanakah kita merangka, kerana kalau kita lihat kalau kita pergi ke negara-negara luar, di peringkat *inflight magazine* mereka, majalah dalam kapal terbang, mereka membuat satu jadual-jadual pelancongan sukan negara mereka.

Jadi kalau boleh dalam negara kita juga kalau kita hendak rasakan perkara ini penting, bahagia penyelidikan sukan harus merangka *almanac* ataupun jadual keseluruhan untuk beberapa tahun agar kita dapat merangka jadual-jadual dan produk pelancongan negara agar ini tersusun meliputi semua *locality* dan boleh meliputi semua bulan supaya perkara ini ada alternatif kepada orang yang minat sukan sebagaimana kita lihat ASTRO boleh sediakan satu siaran khas untuk sukan. Saya juga percaya ada orang yang datang khas melancong ke luar negara atau dasar sukan sebagaimana kita buat untuk *F1*.

Saya juga ingin mendapatkan penjelasan kerajaan tentang insentif dan pelepasan cukai yang telah pun dibuat dalam bajet sebelum ini dan cadangan untuk bajet akan datang bagi menggalakkan sukan sama ada dalam bentuk peralatan ataupun dalam bentuk *donation*, sumbangan ataupun dalam apa-apa bentuk sebagai langkah kita memberikan insentif dan pelepasan cukai bagi menggalakkan perkara ini diceburi bukan hanya di peringkat individu tetapi juga oleh pihak-pihak korporat dan pihak yang mempunyai banyak sumber kewangan.

Saya juga hendak bertanya pihak kerajaan tentang biasiswa dan daripada segi kita punya pakej ketokohan sukan. Kita ada ramai tokoh sukan yang cuma kita akan sedar tentang kewujudan mereka ataupun kesakitan mereka setelah dilaporkan oleh akhbar. Jadi, setakat ini saya hendak bertanya bagaimana tentang bank data, nama-nama tokoh sukan ini yang dipantau *direct* sama ada mungkin di bawah MSN ataupun di bawah ISN ini. Saya minta perkara ini diberikan satu penekanan khas adalah memalukan untuk kita mendengar bahawa ada atlet kita yang terlantar yang hanya mendapat perhatian setelah mereka dapat liputan media. Jadi, kalau boleh perkara ini sebagaimana kita mempunyai alumni-alumni untuk universiti, alumni-alumni untuk sukan ini juga dipantau secara *direct* oleh pihak kerajaan bagi memastikan sama ada bentuk biasiswa atau kebajikan mereka ini dipantau dengan cara baik.

■1450

Bagaimana pula peranan ISN ini untuk pendidikan jasmani di sekolah kerana kita lihat pendidikan jasmani di sekolah ini bukan satu perkara yang penting bagi kebanyakan tempat. Ini hanya sebahagian daripada masa rehat untuk murid tidak masuk kelas. Jadi, kalau hendak berehat, hendak main, mereka boleh masuk dalam pendidikan jasmani dan ini dianggap sebagai yang kurang penting.

Sedangkan dalam Islam ia menyebut, "*Al 'aqlu saliim fii jismi saliim*", iaitu akal yang sihat dalam tubuh yang sihat tetapi bagi kita sukan ini adalah perkara yang akan kita buat apabila kita sudah tidak ada kerja lain hendak buat. Apabila habis kerja, alternatif terakhir ialah sukan. Jadi, bagaimana kita hendak membudayakan pendidikan jasmani ini *part of*, sebahagian daripada pendidikan yang mesti kita habiskan dan guru yang terlibat dan sesiapa yang terlibat mesti memanfaatkan keseluruhan. Saya mengharapkan bahawa dengan wujudnya ISN ini, ISN boleh berfungsi untuk memberikan sumbangan besar khususnya untuk membentuk polisi-polisi berkaitan dengan pendidikan jasmani yang akan dihantar *direct* kepada pihak Kementerian Pelajaran bagi memastikan ianya dapat dilaksanakan.

Saya juga hendak tahu tentang had pergaulan di antara atlet dan jurulatih kerana kalau tidak silap saya dalam sepuluh tahun lepas ada kes melibatkan kematian, bilamana wujud hubungan atau mungkin pergaulan melebihi had antara atlet dan jurulatih. Jadi, setakat ini, bila kita meluluskan undang-undang sebagaimana hari ini, bagaimanakah ataupun berapakah jumlah kes yang telah pun dilaporkan ataupun apa tindakan sekarang yang dibuat bagi memastikan pergaulan antara atlet dan jurulatih ini dapat kita pantau agar kes sebagaimana yang telah disebutkan sebelum ini tidak akan berlaku lagi sekali. Apakah pelan tindakan dan insentif khas untuk pelajar luar bandar bagi sukan?

Saya hendak tahu dari segi pelan tindakan dan insentif khas pelajar luar bandar untuk sukan dan kemudahan sukan yang dibekalkan mengikut Parlimen. Kita dengar dalam tahun lepas disebut bahawa futsal akan dibuat di seluruh Parlimen.

Selain daripada kemudahan futsal, apalagi kemudahan sukan yang kita berikan kepada penduduk luar bandar kerana kita percaya mungkin dari segi kesihatan tubuh badan orang-orang di luar bandar ini lebih sihat berbanding pelajar-pelajar di bandar kerana mereka terlibat dalam aktiviti luar lebih banyak berbanding kita.

Rancangan sukan dalam TV. Apabila sebut tentang pendidikan sukan saya pohon agar dibuat satu unit khas bagi memastikan dipantau rancangan sukan dalam TV dan sukaneka serta *treasure hunt* di sekolah-sekolah, yang mana modulnya hendaklah dibekalkan oleh ISN. Maknanya bukan sekadar rancangan *per se* tetapi rancangan sukan yang mempunyai satu modul khas, ada fasa pertama, fasa kedua dan ketiga kerana kita lihat apabila kita tengok di TV antarabangsa, mereka buat sukaneka tetapi mereka ada imej tersendiri.

Jadi, kalau boleh kita buat pun ada imej kita, bagaimana kita merangka modul-modul ini supaya rancangan ini ada fasa-fasanya, ada peringkat-peringkatnya dan ini boleh mendidik sama ada perlu main batu seremban. Apa pun yang kita perlu kita buat dari segi sukanekanya atau pun *treasure hunt*, saya harap ini dapat dikaji oleh ISN dan jangan serahkan semata-mata kepada media ataupun kepada pihak Kementerian Pelajaran kerana itu bukan spesifikasi mereka tetapi ini spesifikasi yang dimiliki oleh pendidikan sukan.

Terakhir, bagaimana kita hendak memastikan siapakah yang akan membuat satu polisi bagi memastikan sukan ini bebas daripada unsur-unsur khurafat sebagaimana di dalam kes mungkin pertandingan tomoi, pertandingan *boxing* ataupun kita lihat juga dalam pertandingan bola yang dikatakan terlibat dengan kes-kes sihir ataupun melibatkan juga unsur-unsur maksiat. Jadi, polisi seperti ini, siapakah yang akan gubal, adakah ini juga melibatkan bahagian penyelidikan sukan yang akan ditubuhkan di bawah Rang Undang-undang Institut Sukan Negara? Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua Datuk Armani binti Haji Mahiruddin: Seterusnya Yang Berhormat Senator Dr. Ramakrishnan.

2.54 ptg.

Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua yang hormati. Menteri, selain daripada *Sport Training Centre* yang terlibat dalam *training* dan *research*, saya juga bercadang bahawa ISN juga berusaha untuk mewujudkan satu polisi sukan negara. Saya dengar bahawa dalam tahun 1988, ada wujud satu polisi tetapi saya hendak tengok pelaksanaan polisi itu. Saya tengok mungkin dalam *paper* ada polisi tetapi tidak ada dilaksanakan. Dari falsafah, apakah tujuan, apakah objektif *short term*, strategi, taktik ini mesti diperkukuhkan, saya tidak nampak lagi. Jadi, untuk jangka panjang, saya cadangkan ISN juga selain daripada tugas-tugas yang dinamakan, juga terlibat dalam penggubalan satu polisi negara yang boleh dilaksanakan.

Kedua, saya juga mencadangkan bahawa ISN mewujudkan satu *Sport Incentive Scheme* untuk menarik perhatian ibu bapa dan pelajar sebab pelajar ada banyak pilihan. Mereka boleh pilih untuk bidang-bidang lain. Jadi, kalau kita mahu tarik perhatian mereka dari bidang lain, mesti ada satu program insentif yang memberi mereka satu karier dalam sukan. Satu karier bahawa mereka boleh menerajui dan selepas masa aktif, mereka juga ada satu pekerjaan seperti *coach*, *manager*, *organizer* dan macam-macam. Jadi kita perlu ada satu skim yang boleh menarik perhatian ibu bapa dan pelajar.

Ketiga, untuk memajukan sukan di negara, saya mahu bahawa sekolah-sekolah diperkuatkan sebab di situlah ada *talent*. Jadi, kita kena ada satu sistem di sekolah-sekolah di mana bakat-bakat dikenal pasti dan ISN pula mengenali mereka dari sekolah, mengambil dari sekolah-sekolah. Jadi kita mesti memperkukuhkan guru-guru yang berbakat atau berminat dalam sukan dan lagi peralatan dan kemudahan infrastruktur seperti padang. Sekarang kita nampak banyak sekolah di bandar tidak ada padang. Ini satu masalah. Jadi, kita mesti ada satu mekanisme di mana ISN boleh menghubungi sekolah dan *identify* mereka.

Ini sangat penting sebab tidak ada padang, ramai murid dan pelajar tidak berminat dalam sukan dan mereka berminat kepada bidang lain seperti ke *shopping centre*, komputer dan kelab mat rempit, gengster dan macam-macam. Ini sebab mereka tidak ada dorongan untuk masuk dalam bidang sukan, tidak kira sekolah mana pun sama ada nasional, sekolah Cina, sekolah Tamil dan sekolah agama.

Keempat, ISN juga selain daripada bina badan, makanan yang saintifik, yang penting ialah memperkukuhkan satu minda yang tabah, *mental strength* untuk mewujudkan pemain-pemain bertaraf antarabangsa. Jadi, ini juga mesti diperkuatkan oleh ISN. Jadi, kita juga mahu pemain-pemain yang mengambil permainan *seriously* iaitu satu budaya yang mereka ada *single minded focus* dan disiplin serta yang penting ialah *teamwork spirit*, itu yang mesti dieratkan di kalangan murid-murid.

Yang sedihnya Tuan Yang di-Pertua ialah, kami ada satu budaya sukan dahulu yang kuat dalam tahun 1960-an, 1970-an Malaysia ialah satu negara yang kuat, *athletic* dalam arena bola sepak tetapi semuanya sudah *dried-up*, sudah hilang, kenapa? Mungkin kerana kita tidak ada satu polisi keseluruhan atau polisi tidak dilaksanakan sehingga sekolah-sekolah sangat lemah dalam bidang sukan.

Dalam tahun 1960-an, 1970-an, saya ingat apabila sebuah sekolah ada perlawanan bola sepak antara sebuah sekolah lain, seluruh bandar datang tengok. Begitulah minat tetapi sekarang tidak ada lagi. Murid-murid pun tidak handal lagi untuk menarik minat orang-orang bandar datang lihat permainan *interschool competition* ataupun *inter-district competition*. Dahulu ada kelab-kelab di peringkat daerah tetapi sekarang tidak ada pertandingan di peringkat daerah. Jadi, kita pun sudah banyak- *we has given up a lot of good values* daripada apa yang kita ada. Jadi ini kena dibangkitkan di mana kita ada kelab-kelab di peringkat daerah, negeri dan juga satu pertandingan kelab-kelab di peringkat negara. Kita juga kena *revive* balik *spirit* yang kita ada dahulu.

■1500

Yang berikut ialah kalau seperti yang diberitahu oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang berucap dahulu, bahawa *sports* boleh jadi satu *unifying factor*, *sports* boleh jadi satu faktor yang membawa perpaduan di kalangan rakyat. Ini sangat penting. Apabila negara berlawan dengan negara lain, kita tengok semua orang tidak kira apa latar belakang. Semua menyokong dengan bersatu padu. *So sports* sangat penting, bukan sahaja untuk *sport* sendiri tetapi untuk merapatkan masyarakat Malaysia.

Satu lagi ialah kalau dibangkitkan dengan bersungguh-sungguh *sports* boleh jadi satu industri yang besar di mana ada banyak peluang. Ada pemain, *coach*, *organizer*, pembekal, macam-macam. Macam di England di Eropah, *Sports Club* dapat *listing* di *stock exchange*. Ini menunjukkan mereka serius, mereka *single minded focus*, dan mereka tidak..., *from objective* sehingga akhirnya mereka berjaya. Jadi saya berharap ISN boleh bermain satu *role* yang penting dalam semua aspek ini, itu sahaja. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat, kita berhenti sebentar untuk memberi laluan seorang Menteri untuk membawa usul.

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

3.01 ptg.

Menteri Belia Sukan [Dato' Sri Ahmad Shabery Cheek]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 11(1) saya mohon mencadangkan bahawa mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga pukul 7.30 malam dan selepas itu mesyuarat akan ditangguhkan sehingga pukul 10 pagi, hari Isnin 11 Julai, 2011.”

Timbalan Menteri Pengajian Tinggi II [Dato' Saifuddin bin Abdullah]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah disetujui.

[Usul dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui]

Timbalan Yang di-Pertua: Seterusnya dipersilakan Yang Berhormat Dato' Dr. Firdaus.

3.03 ptg.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Bismillaahir Rahmaanir Rahiim.*

Saya dengan sukacitanya menyokong sepenuhnya Rang Undang-undang Institut Sukan Negara 2011 ini dan sokongan itu saya berikan dengan satu harapan yang sangat besar, iaitu supaya Institut Sukan ini nanti dan keseluruhan Kementerian Belia dan Sukan akan memberi roh dan pengisian terhadap satu slogan yang sudah bertahun-tahun, yang kita sebut berulang-ulang iaitu, "*Majulah Sukan Untuk Negara*". Barangkali ada antara kita akan berhujah bahawa dalam rang undang-undang ini sudah terkandung semangat *Majulah Sukan Untuk Negara*, tetapi yang saya harapkan Tuan Yang di-Pertua ialah supaya perkara-perkara yang barangkali tercatat secara impulsif mengenai matlamat untuk memajukan sukan untuk negara itu yang tercatat dalam rang undang-undang ini supaya ditegaskan lagi, supaya dengan demikian kita berbelanja, kita mengeluarkan pelbagai sumber tenaga, sumber kewangan dan segala-galanya untuk memajukan sukan.

Janganlah hendaknya semata-mata untuk memajukan sukan sahaja. Saya percaya kita akan berhujah bahawa itu bukan maksud kita. Akan tetapi yang hendak saya tekankan ialah, kalau bukan itu maksud kita, jadi silalah nyatakan maksud kita itu dengan cara yang lebih tegas.

Untuk itu saya mencadangkan supaya diambil kira tiga fungsi utama yang patut dilaksanakan oleh institut itu nanti dan juga yang mana yang patut dilaksanakan oleh kementerian nanti, iaitu sukan itu kita jadikan untuk berfungsi sebagai pembinaan watak, pembinaan negara bangsa, pembinaan warisan bangsa. Perkara ini perlulah dicatatkan dengan lebih eksklusif dan disusun secara lebih sistematik, apabila kurikulum, apabila kandungan kursus-kursus hendak diadakan oleh institut yang hendak diwujudkan nanti.

Pembinaan watak dalam hal ini ialah untuk memastikan supaya ahli-ahli sukan kita akan mempunyai semangat atau sifat yang penuh integriti. Saya tidak tahu di mana secara khusus perkara ini dimaksudkan. Mungkin ada tetapi yang saya maksudkan ini ialah benda ini dibuat atau dirancang secara lebih khusus.

Selain daripada kita gunakan sukan untuk pembinaan watak, *character building*. Maka sukan perlu juga secara sedar digunakan untuk pembinaan negara bangsa, *nation building*. Kita mengaku atau tidak setelah 50 tahun kita merdeka, yang sebenarnya usaha-usaha *nation building* atau pembinaan bangsa kita itu masih jauh lagi yang belum selesai, dan saya percaya sektor sukan akan dapat memainkan peranan yang berkesan dalam usaha kita menjayakan *nation building* atau pembinaan negara bangsa ini. Sudah tentu sahaja dalam hal ini di dalam kurikulum-kurikulum institut ini nanti dipastikan supaya terdapat komponen-komponen yang memberi pengajaran dan pelajaran kepada peserta institut ini untuk menghayati pelbagai falsafah negara, pelbagai dasar negara, menghayati pelbagai sejarah negara yang akan menolong untuk menyatupadukan bangsa.

Sekali lagi barangkali kita berhujah perkara ini telah kita lakukan, tetapi kenapa setelah 50 tahun kita merdeka masih ada orang yang tidak tahu berbahasa kebangsaan dengan baik. Masih ada orang yang menggunakan Bahasa Kebangsaan dengan cara yang tidak sopan.

Bagi saya ini adalah satu kegagalan kita dalam memanfaatkan pelbagai institusi dalam negeri kita untuk pembinaan negara bangsa ini. Untuk itu kita harapkan supaya Institut Sukan Negara ini akan dapat berfungsi dalam pembinaan negara bangsa itu dan menghayati pelbagai dasar negara, sejarah negara, matlamat negara dan seumpamanya. Selain daripada itu juga, yang tidak kurang pentingnya ialah supaya institut ini nanti yang juga bermakna *by extension*, dengan izin seluruh kementerian perlu berusaha menjadikan sukan untuk memperkasa warisan bangsa. Memperkasa warisan bangsa maknanya, banyak sukan tradisi yang perlu kita hidupkan kembali, yang perlu kita permodernkan tanpa kita mengorbankan nilai-nilai asalnya.

Sebagai contoh yang kita anggap sebagai kejayaan kita, 30 tahun dahulu sepak takraw kita mainkan hanya dengan secara lingkaran sahaja. Akan tetapi dengan daya inovasi kita, sepak takraw telah dapat kita mainkan seperti kita mainkan sekarang iaitu dengan menggunakan net seperti main badminton dan seumpamanya. Sedangkan terdapat unsur-unsur moden di mana unsur-unsur tradisinya dapat kita pertahankan.

Ini sebenarnya salah satu kekuatan kita Tuan Yang di-Pertua, iaitu kita dapat mengadun unsur-unsur moden tanpa mengorbankan nilai-nilai tradisionalnya. Ini secara sedar saya rasa patut dilakukan oleh institut ini yang juga oleh Kementerian keseluruhannya. Saya mengambil contoh tentang sepak takraw. Saya percaya banyak lagi sukan-sukan tradisi yang dapat kita modenkan cara persembahannya, cara permainannya tanpa mengorbankan nilai-nilai tradisinya.

■1510

Saya percaya institut ini mempunyai bahagian penyelidikannya dan ini patut dilakukan. Akan tetapi tolonglah lakukan dengan cara yang lebih teratur, lebih sistematik dan lebih terancang. Banyak contoh lain sebenarnya yang dapat kita laksanakan.

Satu lagi yang saya minta perhatian Tuan Yang di-Pertua ialah supaya Institut Sukan Negara ini nanti jangan mempunyai kecenderungan yang terlalu elitis atau terlalu eksklusif. Ertinya, janganlah tumpuan diberikan kepada untuk melatih ahli-ahli sukan untuk menang sahaja. Selain daripada melatih ahli-ahli sukan untuk menang dalam pertandingan antarabangsa, perlu juga diusahakan supaya sukan itu dimasyarakatkan seluas mungkin, supaya dengan demikian, segala sumber yang akan kita berikan untuk pembinaan dan perbelanjaan Institut Sukan Negara ini akan dinikmati oleh orang-orang yang tidak secara eksklusif orang-orang sukan. Saya percaya perkara ini dapat dilakukan melalui pelbagai institusi dan melalui pelbagai NGO yang ada dalam negara kita ini.

Itu harapan saya Tuan Yang di-Pertua. Saya menyokong rang undang-undang ini dengan harapan supaya ia akan berfungsi untuk memberi jiwa dan roh dan pengisian kepada slogan kita selama ini iaitu majulah sukan untuk negara dan bukanlah maju sukan sekadar untuk sukan sahaja. Terima kasih, saya dengan segala sukacita menyokong rang undang-undang ini.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Seterusnya Yang Berhormat Tuan Mohd. Khalid bin Ahmad.

3.12 ptg.

Tuan Mohd. Khalid bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang Institut Sukan Negara. Tuan Yang di-Pertua, ucapan saya ini ringkas sahaja.

Sukan tradisional dan sukan rakyat. Isu sukan tradisional orang Melayu. Saranan saya agar diwujudkan kembali atau dipermodernkan dengan mengambil kira teknologi ICT dan penglibatan golongan belia supaya sukan tradisional seperti takraw, galah panjang, batu seremban, tingting, congkak dan pelbagai lagi tidak pupus ditelan dek zaman. Sekolah-sekolah sukan di daerah-daerah dan negeri perlu bekerjasama dengan Kementerian Pelajaran, Kementerian Penerangan, Kementerian Pelancongan dan ICT supaya ianya dapat direalisasikan.

Sukan tradisional untuk semua kaum. Ini perlu diwujudkan di bawah payung Sukan Rakyat 1Malaysia selaras dengan konsep 1Malaysia yang diilhamkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, di mana sukan tradisional masyarakat India, Cina, Siam dan suku kaum Orang Asli perlu diketengahkan.

Juga, tidak ketinggalan sukan tradisional suku kaum Sabah dan Sarawak yang saya pasti sudah tentu mempunyai pelbagai jenis sukan tradisional yang juga tidak dijaga dan bakal pupus menjadi sejarah. Biar semua kaum mengambil bahagian dan turut bermain berbagai-bagai jenis sukan rakyat tanpa mengira dari kaum mana mereka datang. Kaum Cina boleh bermain galah panjang dan kaum Melayu merasai pengalaman tarian naga dan sebagainya. Saya juga berharap ketirisan ini dapat dibendung. Murid dan penduduk kampung-kampung selepas ini bakal dibekalkan dengan barang sukan yang berkualiti.

Menyentuh isu pakar perubatan sains sukan. Keperluan Malaysia untuk memberi tumpuan kepada pakar pemakanan supaya ahli sukan dapat dipantau kepada pemakanan terutamanya yang sedang menghadapi kejohanan mengenai tahap kalorinya. Kesesuaian makanan perlu dijaga oleh pakar pemakanan. Kementerian digesa mengambil lebih ramai pakar pemakanan seperti contohnya negara China bila menghadapi Kejohanan Olimpik dan juga negara Barat seperti USA.

Soalannya, berapakah jumlah pakar sains yang berkhidmat di ISN dan kementerian hari ini? Bolehkah kementerian beri *breakdown* dari segi jenis sukan dan jumlah pakar pemakanan yang dilantik? Kedua, juga berharap dari rakyat tempatan dan rakyat asing mengambil bahagian.

Pakar perubatan. Berapakah jumlah doktor perubatan serta pakar patologi dan pakar otot rangka yang sedang berkhidmat di ISN sekarang? Juga, *breakdown* jumlah doktor yang tempatan dan warga asing.

IPTA dan IPTS dikatakan kubur bakal ahli sukan. Benarkah jika seorang ahli sukan mengambil bahagian ataupun ke menara gading iaitu ke IPTA dan IPTS, maka bakat sukannya akan terkubur? Apakah peranan ISN dan kementerian sendiri memastikan ahli sukan kita terus menabur bakti dalam bidang sukan di samping berjaya dalam pelajaran mereka?

Isu kemudahan sukan di daerah dan kampung. Sejauh manakah kementerian memberi perhatian kemudahan sukan di daerah dan kampung pedalaman? Apakah inisiatif yang dibuat untuk menghadapi aktiviti sukan supaya kemudahan dapat digunakan oleh penduduk dan di daerah pedalaman?

Pencarian bakat di kampung daerah pedalaman. Bagaimanakah ISN dan kementerian sendiri dapat mencari pencarian bakat baru daerah pedalaman dan di kampung-kampung? Saya percaya di kampung juga tidak kurang golongan belia yang berpotensi besar untuk berjaya dalam bidang-bidang sukan ternama seterusnya mewakili negara.

Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya mohon menyokong. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Ada lagi Yang Berhormat turut berbahas rang undang-undang ini? Jika tidak ada, saya minta Yang Berhormat Menteri menjawab.

3.16 ptg.

Menteri Belia dan Sukan [Dato' Sri Ahmad Shabery Cheek]: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin merakamkan ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada semua Ahli Yang Berhormat Senator di atas kesudian untuk mengambil bahagian dan juga untuk memberikan perhatian kepada Rang Undang-undang Institut Sukan Negara 2011 yang telah dibentangkan dan *insya-Allah* bakal diluluskan nanti.

Saya kira terlalu banyak perkara yang telah ditimbulkan, dicadangkan dan ditanya. Segala-galanya menunjukkan bahawa keprihatinan yang telah ditunjukkan Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian tentang peranan sukan dalam negara kita dan bagaimana untuk kita jadikan sukan sebagai sebahagian daripada budaya dan cara hidup kita yang sihat, yang lebih baik. Sebagaimana yang disebutkan oleh Yang Berhormat Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah sebentar tadi, ia bukan sekadar untuk bersukan, ia berkaitan dengan soal pembinaan watak, sukan untuk negara dan sebagainya.

Izinkan terlebih dahulu saya maklumkan beberapa perkara yang dikaitkan dengan latar belakang kepada rang undang-undang ini. Ada beberapa perkara yang telah disebutkan tadi tidak semuanya perlu saya jawab kerana sebahagian daripadanya perlu diambil perhatian oleh cabang-cabang lain dalam Kementerian Belia dan Sukan, sama ada kementerian itu sendiri, sama ada Majlis Sukan Negara, sama ada Pejabat Pesuruhjaya Sukan Negara dan juga sebahagian daripadanya boleh diambil peranannya di bahagian pembangunan sukan di peringkat negeri-negeri kerana sukan adalah tanggungjawab bersama. Bukan sahaja tanggungjawab Kerajaan Persekutuan tetapi juga kerajaan negeri.

Dimaklumkan bahawa pendekatan ataupun model sukan dalam dunia pada hari ini sudah banyak berubah. Berdasarkan model lama di mana sukan dilihat hanya daripada dua aspek yang besar. Pertamanya dari aspek kesihatan. Semua orang diajak untuk beriadah, bersukan kerana ia membantu untuk membaiki fizikal diri kita dan juga soal pergaulan dan sebagainya. Sukan kadang kala dilihat dari segi aspek untuk memberikan medal kepada mereka yang menyertainya dan dikaitkan dengan soal semangat patriotisme. Aspek inilah yang kita lihat dibangunkan oleh banyak negara di dunia seperti China dan Rusia yang pada suatu ketika dahulu melihat sukan adalah sebagai satu medan pertempuran, medan perang dalam menunjukkan kuasa dan kekuatan sesebuah negara melalui pencapaian yang tinggi di dalam bidang sukan.

Akan tetapi sekarang ini sudah dilihat bahawa model baru seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat Senator Dr. Ramakrishnan sebentar tadi, bahawa sekarang ini sukan sudah melangkaui batasan bukan sekadar untuk kesihatan, untuk mencari medal, tetapi sukan sudah dilihat sebagai industri yang besar yang menjadi punca penjana pendapatan, yang menjadi punca untuk memberi peluang pekerjaan, ia akan menjadi sebagai penyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara dan dunia pada waktu sekarang.

■1520

Oleh sebab itulah model ini semakin dilihat sebagai model yang diterima banyak dan beransur-ansur. Daripada pembiayaan sukan yang sepenuhnya ditanggung oleh negara seperti China sehinggalah kepada model yang dianggap sangat berbeza daripada itu di mana peranan kerajaan di dalam membiayai sukan semakin sedikit dan hampir tidak ada.

Negara-negara besar seperti Amerika Syarikat tidak ada Kementerian Sukan. Jepun tidak ada Kementerian Sukannya. Banyak negara dalam dunia akhirnya tidak perlu kementerian sukan kerana sukan boleh berkembang sebagai industrinya dengan sendiri. Malahan kalau kita lihat di Britain misalnya, bola sepak mereka, perkembangan *English Premier League* misalnya, kalau ditanya berapakah sumbangan kerajaan, tidak ada. Ianya dikendalikan sebagai sebuah syarikat swasta yang besar, stadiumnya dibina oleh kelab-kelab yang berkenaan. Mereka mendapat wang daripada kutipan tiket dan menjual *TV rights*, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua. Mereka memberi sumbangan kepada kerajaan dari segi cukai dan sebagainya.

Ertinya sukan iaitu menjana pendapatan dan memberi pulangan yang besar bukan sahaja pemain tetapi juga mereka yang terlibat sebagai golongan-golongan penyokong. Seperti mereka yang terlibat sebagai jurulatih, *psychologist*, dikalangan orang yang pakar pemakanan, dikalangan mereka yang membuat barang-barang *merchandise*, cenderamata dan sebagainya. Ia memberi peluang pekerjaan yang begitu besar sekali dalam apa yang disebutkan dunia industri sukannya yang ada sekarang.

Sebab itulah di Malaysia, apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat Senator Dr. Ramakrishnan sebentar tadi, terima kasih disebutkan bahawa kita perlu memaparkan dasar sukan yang terkini. *Insyah-Allah* perkara ini akan kita bentangkan tidak lama lagi. Akan tetapi ini juga adalah merupakan satu perubahan arah kepada model sukan dalam negara kita, di mana kita ingin menjadikan sukan di dalam negara kita sebagai satu industri yang besar. Untuk menjadikan satu industri yang besar, kita mesti membuatkan persiapan-persiapan terutama sekali dari persiapan-persiapan perundangannya sendiri. Beberapa akta diperkenalkan bagi memudahkan perkara ini berlaku. Misalnya, Akta Pesuruhjaya Sukan yang sudah pun diluluskan pada sesi yang lepas.

Akta Perbadanan Stadium Malaysia di mana sekarang ini stadium sudah boleh menubuhkan syarikatnya sendiri dan boleh bergerak sebagai suatu entiti komersial sekiranya ia mahu kerana terdapat banyak stadium-stadium yang ada di dalam dunia ini akhirnya tidak ditanggung oleh kerajaan. Misalnya, Etihad Stadium di Australia. Stadium *Emirates* misalnya, untuk Kelab Arsenal. Ianya dikendalikan oleh swasta yang menjana pendapatan, bukan lagi kerajaan yang menanggungnya.

Kemudiannya pada kali ini kita membentangkan Institut Sukan Negara, selepas ini ada akta bagi Majlis Sukan Negara dan beberapa akta lain akan menyusul bagi memenuhi tuntutan model baru pembangunan sukan di dalam negara kita. Sebab itulah apabila dibincangkan, saya ini membincangkan secara spesifik di sini iaitu beberapa soalan yang ditimbulkan ketika menyokong ataupun menimbulkan beberapa perkara yang berkaitan dengan soal penubuhan institut ini ialah tentang soalan-soalan yang dikaitkan dengan apakah perbezaan dalam beberapa badan yang ada misalnya, antara ISN dengan Majlis Sukan Negara (MSN) dengan Pejabat Pesuruhjaya Sukan.

Ada perkara yang disebutkan itu terdapat pada bidang-bidang kuasa agensi-agensi yang lain, yang tidak perlu saya huraikan di sini. ISN khusus kepada pembangunan sukan yang dilihat hanya daripada aspek sains sukan dan perubatan sukan sedangkan Majlis Sukan Negara, ia dikaitkan dengan urus tadbir, dengan pembangunan atlet yang berkaitan dengan mengaturkan program-program misalnya, bagaimana untuk kita menyusun para atlet untuk pergi ke Olimpik misalnya. Itu kerja yang diatur oleh Majlis Sukan Negara. Berapakah *coaches* ataupun jurulatih yang diperlukan bersama dengan mereka dan sebagainya. Apakah program-program latihan untuk mereka. Itu diaturkan oleh Majlis Sukan Negara.

Pejabat Pesuruhjaya Sukan ialah yang khusus hanya untuk melihat dari segi *governance*, dengan izin, ataupun urus tadbir persatuan-persatuan sukan yang ada dalam negara kita. Apakah itu ditadbir dengan baik, apakah ada unsur rasuah di sana, dan apakah mereka dipilih dengan cara yang demokratik? Apakah mereka menghantar laporan-laporan tahunan mereka dengan baik? Itu adalah urusan kepada Pejabat Pesuruhjaya Sukan yang tidak ada kena mengena dengan ISN dalam soal ini.

ISN khusus dari segi bagaimana untuk menyediakan khidmat yang berkaitan dengan soal yang disebutkan tadi, sains sukan dan juga perubatan sukan, kerana dunia sukan sekarang ini sudah menjadi terlalu teknikal sifatnya. Betul disebutkan dahulu bola sepak kita hebat lebih daripada Jepun dan juga Korea dan sekarang ini kita ketinggalan. Pada waktu itu mungkin Korea tidak ada sains sukannya. Tidak ada ISNnya. Tidak ada bagaimana untuk mengukur seorang pemain dari segi kebolehan biomekanikanya. Tentang soal pengukuran *VO2 max* dari segi keupayaan setiap individu dalam mengekalkan kandungan oksigen dalam badan dia.

Itu tidak ada pada waktu itu. Perkembangan yang teknikal tidak ada di kalangan mereka. Mereka sekarang sudah berkembang jauh dan kita masih lagi di tempat yang lama, sudah tentulah kita akan ketinggalan sekiranya kita tidak mengikut perkembangan yang baru ini.

Sebab itu akta ini perlu supaya ada satu badan yang khusus yang akan mengembangkan soal ini. Tidak lagi berada di bawah Majlis Sukan Negara sebagai satu cabang ataupun satu jabatan yang di tadbir sahaja berbeza tetapi ia masih di bawah naungan suatu agensi yang lain. Sebab itu kita memerlukan suatu badan khusus yang secara *independent* ataupun secara merdeka disebutkan tadi, daripada majlis sukan yang mengaturkan urusan-urusan yang lain.

Sebab itu di sini kalau disebutkan tentang kenapa namanya disebutkan oleh Yang Berhormat Dato' Mohammad Najeeb tentang nama institut. Institut ini merangkumi soal-soal yang dikaitkan dengan soal servis ataupun soal perkhidmatan, soal pendidikan, soal *research* ataupun penyelidikan dan soal standard ataupun piawaian. Misalnya, kita ada ramai *psychologist* di dalam ISN tetapi *psychologist* tidak semestinya kita mengatakan bahawa pasukan bola sepak kita kalah atau lemah kerana semua orang kata kerana mentalnya yang tidak kuat. Kekuatan mentalnya tidak kuat, maka kita hantar seorang *psychologist* dan segala-galanya selesai. Setiap *psychologist* itu ada kepakarannya sendiri.

Tidak mungkin kita dapatkan bilangan *psychologist* yang banyak sekiranya ISN beroperasi sebagai suatu badan kerajaan semata-mata yang kita ambil dengan membayar gaji berdasarkan tangga gaji S41.

Ini kerana *psychologist* dianggap sebagai suatu kepakaran yang sudah tentu bayarannya berbeza atas khidmat dan kebolehan yang berbeza dalam soal ini. Misalnya, bagaimana Rori McIlroy seorang pemain golf yang baru menang US Open baru-baru ini dengan begitu hebat sekali. Orang tanya apa yang kamu buat selepas setiap hari bermain, kalau tanya pada seorang *coach* atau seorang jurulatih mengatakan kamu terus membuat latihan tetapi *psychologist* menasihatkannya tidak payah. Yang penting bagaimana merelaksakan pemikirannya. Maka, Rori McIlroy setiap hari bermain dia cuma tengok wayang. Dan dia mendapat satu keputusan yang menakjubkan.

■ 1530

Seorang anak muda yang baru berusia 22 tahun dan ini adalah perkara-perkara yang kita tidak tahun membezakan seseorang itu lebih baik daripada yang lain. Bukan semua orang yang mendapat ijazah dalam bidang psikologi boleh menjadi seorang *psychologist* sukan yang baik. Kita perlukan satu tempat. Saya setuju dengan pandangan beberapa Ahli Yang Berhormat tadi di mana untuk memberi rawatan sukan sekarang ini menjadi sesuatu yang perlukan pendekatan pengkhususan. Sekarang ini misalnya seorang yang cedera kerana bermain boleh di Kedah, dia hanya pergi ke hospital biasa dan hospital biasa akan merujuk kepada ortopedik dan bahagian ortopedik akan membuat pembedahan dan kemungkinannya selepas itu berakhir kariernya sebagai ahli sukan kerana dia tidak mendapat pendekatan yang sesuai dengan seorang ahli sukan.

Sebab itu kita perlu satu tempat yang mengkhususkan tentang soal perubatan sukan di mana mungkin hanya beberapa minggu selepas itu ataupun beberapa bulan diberikan rawatan pemulihan yang baik, dia boleh menjadi ahli sukan yang besar lagi selepas itu dan inilah kenapa kita perlukan suatu tempat yang sebegini rupa. Oleh sebab itulah apabila disebutkan institut ini bukanlah satu perkara yang baru. Terdapat banyak lagi di negara-negara lain seperti *Australian Institute of Sports (AIS)*, *English Institute of Sports (EIS)*, *Hong Kong Sports Institute (HKSI)* dan *SSI di Singapore*. Konsepnya adalah sama. Jadi apabila disebutkan institut digunakan di situ, ia sudah memberikan suatu maksud yang sama. Inilah tempat pusat perubatan sukan dan sains sukan yang ada dalam negara yang berkenaan. Jadi sebab itulah nama institut tidak dinamakan 'pusat sains sukan' dan sebagainya digunakan di dalam institut yang dibangunkan sebagai Institut Sains Sukan Negara yang dimaksudkan tadi.

Beberapa perkara yang lain yang ditimbulkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat tentang perkara-perkara yang dikaitkan dengan isu-isu yang perlu dipenuhi, Yang Berhormat Tuan Ng Fook Heng, Yang Berhormat Datin Paduka Datuk Nor Hayati tentang soal makanan atlet-atlet kita dan sebagainya. Ini adalah perkara-perkara yang akan dikhususkan di dalam bidang khidmat yang boleh diberikan oleh ISN dan kita katakan bahawa ISN suatu masa nanti boleh menjadi satu pusat yang boleh memberi khidmat bukan hanya kepada atlet-atlet yang dikatakan atlet-atlet elit yang disebutkan tetapi juga oleh atlet-atlet yang mungkin daripada kampung, atlet daripada sekolah yang boleh menggunakan khidmat mereka kerana ia adalah merupakan satu institusi seperti Institut Jantung Negara. Bukan hanya untuk orang tertentu tetapi sesiapa sahaja boleh datang ke sana.

Oleh sebab itulah ada beberapa perkara yang berkaitan dengan soal servis ataupun perkhidmatan yang diberikan, ada servis yang berkaitan yang memerlukan fi ataupun caj yang tertentu perlu dikenakan. Ia boleh membuka syarikat misalnya untuk memberikan khidmat-khidmat yang boleh mengembangkan ia sebagai suatu badan yang boleh mengkomersialkan sebahagian daripada khidmat ataupun penemuan. Satu ketika nanti mungkin.

Pada waktu sekarang orang membuat analisis tentang pemain bola sepak. Setiap individu pemain itu dilihat keupayaan, tenaga mereka. Kalau kita pernah menonton bagaimana Perlawanan Bola Sepak Piala Asia di Qatar baru-baru ini, analisis diberikan setiap pemain. Pemain yang ini sudah berlari sebanyak 6.2 kilometer, yang ini sudah berlari sebanyak lapan kilometer, yang ini sudah berlari sebanyak berapa kilometer dan suatu masa nanti kita boleh membuatkan sensor yang menentukan berapakah tenaga maksimum seorang pemain sebelum memberitahu kepada jurulatih untuk memberitahu siapa yang perlu ditukar dan digantikan dengan yang mana.

Ini antara penemuan yang boleh kita buat dan kita jual. Kita patenkan dan kita jual secara komersial. Sehingga sekarang tidak mungkin kita boleh berbuat demikian kerana ISN ialah sebuah badan kerajaan yang tidak ada kapasiti mereka untuk membuat kerja-kerja komersial. Jadi sebab itulah kita perlukan akta yang seperti ini bagi membolehkan ISN berkembang sebagai suatu badan yang lebih *flexible*, boleh mengambil, boleh membayar gaji, boleh menambahkan pakar-pakarnya dan ia boleh digunakan oleh semua orang.

Saya ingin menjawab juga tentang soal keanggotaan dan sebagainya dan sehingga sekarang kita menentukan bilangan keanggotaan seperti yang terdapat di dalam rang undang-undang sebanyak 15 rang undang-undang. Sepuluh campur lima sebagaimana yang disebutkan. Kenapa soal pengerusi sementara diadakan sebagaimana yang ditanya oleh Yang Berhormat Datin Paduka Datuk Nor Hayati. Ia dikaitkan dengan soal keperluan berdasarkan kepada wakil-wakil daripada institusi. Apa yang disebutkan sebagai *stakeholders* di dalam pembangunan sukan ini. Pengerusi sementara adalah diperlukan sekiranya pengerusi yang dilantik berhadapan dengan masalah dan sebagainya. Jadi ini adalah merupakan suatu perkara yang normal, yang biasa di dalam mana-mana badan berkanun yang dibangunkan di dalam negara kita.

Saya kira saya tidak perlu menyentuh semua perkara. Sebahagian besar saya katakan hanya boleh saya rujuk kepada Majlis Sukan ataupun Bahagian Pembangunan Sukan. Ada perkara yang banyak ditimbulkan oleh Yang Berhormat Puan Hajah Mumtaz tadi. Saya sedar bahawa soal yang dikaitkan dengan nama-nama penggunaan bahasa misalnya. Kenapa guna "*enterprise*" di sini? Sebenarnya kalau dilihat dalam akta itu, banyak sekali penggunaan bahasa yang bukan bahasa asal kita. "Institut" pun bukan bahasa asal kita. Perkataan "eksekutif" misalnya, bukan perkataan bahasa kita. Akan tetapi ada alasan-alasan yang tertentu. Syarikat dia ada implikasi yang tertentu di bawah Akta-akta Syarikat negara kita - "*enterprise*" adalah suatu yang lebih umum dalam soal perkara ini, dan saya rasa ini bukanlah perkara yang boleh dikatakan begitu prinsipal untuk kita bahaskan.

Soal-soal yang berkaitan dengan ubat-ubatan halal dan sebagainya. Itu kita bekerjasama dengan pihak yang bertanggungjawab tentang menentukan halal haram, tentang soal pakaian. Dadah, ISN boleh mainkan peranan untuk menentukan ujian-ujian sekiranya ada di kalangan atlet kita menggunakan dadah kerana kita adalah sebahagian daripada anggota *World Anti-Doping Association* (WADA) dalam soal penggunaan dadah ataupun *drug*.

Kita juga kalau saya hendak maklumkan berapakah jumlah pakar-pakar yang ada sekarang ini.

PAKAR	BILANGAN (ORANG)
Pemakanan Sukan	17
Fisiologi Senam	12
Biomekanik	9
Suaian Fizikal	14
Analisis Sukan	9
Psikologi Sukan	14
JUMLAH	61

Jadi kalau kita sebutkan ini, bagi saya itu tidaklah begitu penting kerana kita hendak tambah lagi dengan adanya suatu institut yang diperbadankan. Kuasa untuk menambah itu lebih bebas lagi. Kalau tidak kita hanya bergantung..., kita perlukan mungkin sepuluh orang *psychologist* baru. Kita kena mohon daripada pihak JPA. JPA akan tanya apa kelulusannya. Ia hanya boleh diberikan gaji sebagaimana gaji kerajaan. Tidak ada orang hendak datang untuk membantu kita dan sebagainya. Akan tetapi percayalah. Kalau kita lihat di dalam konteks negara Asia Tenggara, *set-up* ataupun apa yang sudah ada di ISN sekarang, kita boleh banggakan bahawa ISN yang ada sekarang adalah merupakan *set-up* yang terbaik di dalam Asia Tenggara, yang hampir pada kita ialah Singapura ada satu dan kita adalah dianggap yang terbaik sekali.

Yang terbaik ini kita buktikan juga dengan kemajuan yang telah ditunjukkan oleh atlet kita. Misalnya di dalam beberapa sukan yang akhir-akhir ini di *Commonwealth Games* kita telah mencipta rekod dari segi pencapaian yang terbaik di Sukan Komanwel. Di Sukan Asia baru-baru ini kita kurang sedikit daripada Thailand tetapi di kalangan negara-negara Asia Tenggara, kita yang terbaik. Begitu juga di dalam sukan bola sepak. Betul kita kata bahawa tidak cukup tetapi beberapa keputusan yang telah ditunjukkan cukup memberangsangkan. Di *Sea Games* yang lepas kita mendapat pingat emas. Piala AFF Suzuki, juara bagi seluruh negara-negara ASEAN kita menang. Untuk kelayakan Olimpik, 12 negara telah terpilih di kalangan negara-negara ASEAN, terpilih di pusingan terakhir kelayakan.

■1540

Di kalangan 12 negara itu, di kalangan Negara Asian hanya Malaysia. Di kalangan Negara Asia Timur, hanya Malaysia, Jepun dan juga Korea Selatan. Lain-lainnya hanya dibolot oleh negara-negara Asia Barat dan Australia. Jadi, ini adalah antara petanda-petanda bahawa dari segi prestasi atlet kita sekarang ini, kita boleh banggakan adalah yang baik, yang boleh dibanggakan, penduduk kita tidak seramai penduduk Indonesia, penduduk kita tidak seramai penduduk Thailand, kita tidak perlu beli atlet sebagaimana yang dibuat oleh negara jiran kita. Akan tetapi, kita boleh banggakan bahawa pencapaian yang ditunjukkan oleh atlet kita adalah antara yang baik dan antara yang kita sebutkan bukan sahaja pemain, bukan sahaja atlet, bukan sahaja jurulatih, bukan sahaja persatuan, tetapi ada juga badan-badan sokongan seperti ISN yang telah ada dalam negara kita dan kita telah menunjukkan prestasi yang baik.

Terima kasih banyak-banyak kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat. Manamana yang tak terjawab, saya boleh jawab secara bertulis kiranya perlu jawapan secara *detail* yang berkaitan dengan akta ini. Semoga dengan keputusan yang diberikan, Institut Sukan Negara akan dapat melonjakkan nama negara ke tahap yang lebih tinggi lagi selepas ini. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

[Masalah dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui]

[Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa]

[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]

*[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa**]*

[Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa]

[Fasal-fasal 1 hingga 48 diperintah jadi sebahagian daripada rang undang-undang]

[Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang]

[Majlis Mesyuarat bersidang semula]

[Rang undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali ketiga dan diluluskan]

RANG UNDANG-UNDANG SARAAN HAKIM (PINDAAN) 2011

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

3.45 ptg.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Liew Vui Keong]: Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu bahawa rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Saraan Hakim 1971 [Akta 45] dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, Suruhanjaya Pelantikan Kehakiman telah ditubuhkan dengan berkuat kuasanya Akta Suruhanjaya Pelantikan Kehakiman 2009 [Akta 695] pada 2 Februari 2009. Antara lain fungsi Suruhanjaya Pelantikan Kehakiman selain untuk memilih orang berkeelayakan yang sesuai dan wajar dilantik sebagai Hakim Mahkamah Atasan sebagaimana yang diperuntukkan dalam Akta 695 adalah juga berfungsi untuk membuat syor lain yang berkenaan dengan badan kehakiman. Oleh demikian, SPK bercadang untuk membuat pindaan kepada Akta Saraan Hakim 1971 [Akta 45] mengenai:

- (i) pencen maksimum hakim-hakim mahkamah atasan sewajarnya mendapat $\frac{3}{5}$ daripada gaji yang diterimanya dengan menaikkan tempoh perkhidmatannya kepada 18 tahun;
- (ii) mengambil kira tempoh perkhidmatan sebagai pesuruhjaya kehakiman bagi Hakim yang bersara bagi tujuan faedah persaraan sebagaimana yang telah diberikan kepada hakim yang masih dalam perkhidmatan berkuat kuasa 28 Ogos 2008 bagi tujuan kesamarataan sebagaimana yang dilaksanakan kepada anggota perkhidmatan awam; dan
- (iii) bagi menghargai mereka yang telah menyandang jawatan Ketua Hakim Negara, Presiden Mahkamah Rayuan dan Hakim Besar, maka tempoh untuk layak mendapat pencen maksimum telah dibuat pindaan dalam peruntukan khas bagi Ketua Hakim Negara, Presiden Mahkamah Rayuan dan Hakim Besar iaitu mendapat pencen maksimum jika dia telah memegang salah satu atau kesemua jawatan itu selama satu tempoh yang kesemuanya tidak kurang daripada tiga tahun.

Oleh itu, dengan cadangan ini akan melibatkan pindaan kepada seksyen 4, subseksyen 5(1), seksyen 7A, seksyen 9, Jadual Ketiga dan Jadual Keempat [Akta 45].

Tuan Yang di-Pertua, dalam seksyen 4 menyatakan pencen Hakim hendaklah dihitung mengikut dasar $\frac{1}{360}$ daripada gaji akhir yang diterimanya bagi setiap bulan genap perkhidmatan sebagai Hakim dengan syarat bahawa tiada sekali-kali pencen yang dihitung sedemikian boleh lebih daripada $\frac{1}{2}$ daripada gaji yang diterimanya. Manakala subseksyen 5(1) adalah mengenai tempoh perkhidmatan bagi pencen maksimum menyatakan bahawa bagi maksud menghitung pencen seseorang Hakim, tempoh perkhidmatan untuk melayakkannya mendapatkan pencen maksimum ialah 15 tahun sebagai Hakim.

Adalah dicadangkan agar amaun pencen maksimum bagi hakim-hakim mahkamah atasan dinaikkan kepada $\frac{3}{5}$ daripada gaji akhir yang diterimanya dan tempoh perkhidmatan bagi pencen maksimum pula hendaklah dinaikkan daripada 15 tahun kepada 18 tahun. Pindaan ini adalah menyusuli pelaksanaan peningkatan maksimum tempoh perkhidmatan diambil kira bagi perhitungan pencen anggota perkhidmatan awam mulai 1 Januari 2009 berikutan pindaan kepada Akta Pencen (Pindaan) 2009.

■1550

Cadangan ini akan melibatkan pindaan kepada seksyen 4 dan subseksyen 5(1) [Akta 45] seperti berikut. Pertama, pindaan seksyen 4. Dipinda dalam *proviso* seksyen 4 dengan menggantikan perkataan "satu perdua" dengan perkataan "tiga perlima". Pindaan seksyen 5, subseksyen 5(1) Akta Ibu dipinda dengan menggantikan angka "15" dengan angka "18".

Tuan Yang di-Pertua, dalam subseksyen 7A(1) [Akta 45] (Pindaan) 2008 menyatakan bagi maksud "menghitung pencen" dan juga "ganjaran seseorang hakim" di bawah akta ini. Tempoh perkhidmatannya sebagai Pesuruhjaya Kehakiman sebelum pelantikannya sebagai hakim hendaklah dikira sebagai sebahagian daripada tempoh perkhidmatannya sebagai hakim. Pindaan tersebut hanya terpakai kepada hakim yang masih dalam perkhidmatan pada tarikh permulaan kuat kuasa akta ini pada 28 hari bulan Ogos 2008.

Oleh itu, pindaan dicadangkan supaya tempoh perkhidmatan Pesuruhjaya Kehakiman ini turut terpakai kepada hakim yang telah bersara bagi menepati prinsip kesamarataan dan juga selaras dengan prinsip yang terpakai kepada anggota perkhidmatan awam.

Oleh itu adalah di cadang supaya seksyen 7A dalam Akta 45 mengenai tempoh perkhidmatan sebagai Pesuruhjaya Kehakiman diganti seperti berikut:

- (i) tempoh perkhidmatan sebagai Pesuruhjaya Kehakiman. Seksyen 7A(1) bagi maksud menghitung pencen dan juga ganjaran hakim di bawah akta ini, tempoh perkhidmatannya sebagai Pesuruhjaya Kehakiman sebaik sebelum pelantikannya sebagai hakim hendaklah dikira sebagai sebahagian daripada tempoh perkhidmatannya sebagai hakim;
- (ii) subseksyen (1) hendaklah terpakai kepada seseorang hakim yang masih dalam perkhidmatan atau yang telah bersara sebelum permulaan kuat kuasa seksyen ini; dan
- (iii) walaupun subseksyen (1) jika apa-apa pencen ataupun ganjaran telah dibayar kepada seseorang hakim di bawah mana-mana undang-undang lain bagi tempoh yang sama dengan tempoh yang hendaklah dikira sebagai sebahagian daripada tempoh perkhidmatannya sebagai hakim, pencen dan juga ganjarannya di bawah akta ini hendaklah dikurangkan sebanyak amaun yang telah dibayar sedemikian.

Tuan Yang di-Pertua, dalam seksyen 9, [Akta 45] terdapat peruntukan khas bagi Ketua Hakim Negara, Presiden Mahkamah Rayuan dan Hakim Besar yang menyatakan walau apa pun, apa-apa yang terkandung dalam akta ini tetapi tertakluk kepada seksyen 8, seseorang yang memegang jawatan Ketua Hakim Negara, Presiden Mahkamah Rayuan dan Hakim Besar layak mendapat pencen maksimum, jika dia telah memegang salah satu atau kesemua jawatan itu selama suatu tempoh yang kesemuanya tidak kurang daripada tiga tahun dan telah memegang jawatan hakim selama tempoh kesemuanya tidak kurang daripada sepuluh tahun sebelum dia bersara termasuk tempoh perkhidmatannya sebagai Ketua Hakim Negara, Presiden atau Hakim Besar mengikut mana-mana yang berkenaan.

Jawatan Ketua Hakim Negara, Presiden Mahkamah Rayuan dan Hakim Besar adalah jawatan yang tertinggi dalam badan kehakiman. Berdasarkan kepada keadaan semasa, jawatan Ketua Hakim Negara, Presiden Mahkamah Rayuan dan juga Hakim Besar tidak semestinya dari kalangan anggota badan kehakiman yang berkhidmat bermula sebagai Hakim Mahkamah Tinggi. Pengamal undang-undang yang telah berumur lebih 60 tahun, berkedudukan tinggi, berpengalaman dan berjaya dalam bidang berkenaan boleh dilantik ke jawatan tersebut.

Oleh itu, nilai seseorang yang menyandang jawatan ini adalah berdasarkan umur dan juga pengalaman. Pelantikan mereka sebagai Ketua Hakim Negara, Presiden Mahkamah Rayuan atau Hakim Besar perlulah dihargai dan hasrat pindaan kepada seksyen 9, [Akta 45] adalah untuk memberi pengiktirafan khas kepada mana-mana hakim yang telah menyandang jawatan Ketua Hakim Negara, Presiden Mahkamah Rayuan dan juga Hakim Besar.

Oleh itu, di cadang supaya seksyen 9 dipinda seperti berikut. Peruntukan khas bagi Ketua Hakim Negara, Presiden dan Hakim Besar. Walau apa pun apa-apa jua yang terkandung dalam akta ini tetapi tertakluk kepada seksyen 8, seseorang yang memegang jawatan Ketua Hakim Negara, Presiden atau Hakim Besar adalah berhak mendapat pencen maksimum jika dia telah memegang salah satu atau kesemua jawatan itu selama suatu tempoh yang kesemuanya tidak kurang daripada tiga tahun.

Subseksyen (2), pindaan dalam subseksyen (1) hendaklah terpakai bagi seorang hakim yang masih dalam perkhidmatan atau yang telah bersara daripada perkhidmatan sebelum seksyen ini mula berkuat kuasa. Berikutan dengan pindaan kepada seksyen 4, subseksyen 5(1) dan subseksyen 7A kepada Akta 45, maka Jadual Ketiga dan juga Jadual Keempat kepada akta tersebut perlu dipinda. Jadual Ketiga dan Jadual Keempat dipindahkan seperti berikut.

Pindaan Jadual Ketiga dan Jadual Keempat. Jadual Ketiga dan Jadual Keempat Akta Ibu dipinda dengan menggantikan angka "180" yang terdapat dalam ruang formula dengan angka "216".

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang Akta Saranan Hakim (Pindaan) 2011 mengandungi tujuh fasal seperti berikut.

Fasal 1 mengenai tajuk ringkas dan tarikh permulaan kuat kuasa akta yang dicadangkan.

Fasal 2 bertujuan untuk meminda seksyen 4 [Akta 45] untuk membolehkan seseorang hakim untuk menerima pensen maksimum yang tidak lebih daripada tiga perlima daripada gaji akhir yang diterimanya.

Fasal 3 bertujuan untuk meminda seksyen 5 [Akta 45] untuk menaikkan tempoh perkhidmatan seseorang hakim untuk layak mendapat pensen maksimum daripada 15 tahun kepada 18 tahun.

Fasal 4 bertujuan untuk menggantikan seksyen 7A [Akta 45]. Dengan pindaan ini tempoh perkhidmatan bagi seseorang hakim hendaklah termasuk tempoh dia berkhidmat sebagai seorang Pesuruhjaya Kehakiman. Bagi maksud perhitungan pensen dan ganjaran. Pindaan ini akan terpakai bagi kedua-dua hakim yang sedang berkhidmat dan yang telah bersara.

Fasal 5 bertujuan untuk membuat pindaan kepada seksyen 9 [Akta 45] iaitu memperuntukkan bahawa seseorang yang memegang jawatan Ketua Hakim Negara, Presiden atau Hakim Besar berhak mendapat pensen maksimum jika telah memegang salah satu jawatan atau kesemua jawatan itu selama suatu tempoh yang kesemuanya tidak kurang daripada tiga tahun.

Fasal 6 bertujuan untuk meminda jadual ketiga dan jadual keempat kepada Akta 45. Pindaan ini adalah berikutan dengan pindaan pada seksyen 4, subseksyen 5(1) dan subseksyen 7A kepada Akta 45 yang memperuntukkan bagi peningkatan tempoh perkhidmatan bagi pengiraan pensen maksimum daripada 15 tahun kepada 18 tahun.

Fasal 7 memperkatakan peruntukan kecualian dan juga peralihan.

Tuan Yang di-Pertua, dengan itu saya mohon mencadangkan.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Ada sesiapa yang menyokong?

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon]: Saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Saraan Hakim 1971 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Silakan Yang Berhormat Dato' Zaitun binti Mat.

■1600

4.00 ptg.

Dato' Zaitun binti Mat: *Bismillaahi Rahmaani Rahiim.* Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kerana turut diberi kesempatan untuk membahas Rang Undang-undang Saraan Hakim (Pindaan) 2011 bagi meminda Akta Saraan Hakim 1971 [Akta 45].

Negara ini diurus tadbir oleh badan, eksekutif, perundangan, dan kehakiman atau *judiciary*, dengan izin. Dalam hubungan ini, ketiga-tiga badan ini saling berkait dan saling menyumbang atau *interrelated and complimentary*, dengan izin, antara satu dengan yang lain walaupun mempunyai kuasa yang berasingan atau *separation of powers* dengan izin, untuk mengukuhkan ketiga-tiga institusi dalam membangunkan negara dan memastikan keamanan negara.

Hakim adalah anggota institusi kehakiman negara yang merangkumi Ketua Hakim Negara, Presiden Mahkamah Rayuan, Hakim Besar Mahkamah Tinggi Malaya, Hakim Besar Mahkamah Tinggi Sabah dan Sarawak, Hakim Mahkamah Persekutuan, Hakim Mahkamah Rayuan dan Hakim Mahkamah-mahkamah Tinggi Malaya, Sabah, dan Sarawak. Akta Saraan Hakim 1971 [Akta 45] ini adalah merangkumi saraan hakim-hakim berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh iklan kekosongan jawatan hakim Mahkamah Tinggi Malaya, Sabah dan Sarawak oleh Suruhanjaya Pelantikan Kehakiman di bawah peruntukan Perkara 123 Perlembagaan Persekutuan pada tahun 2009 yang lalu. Tawaran gaji dan elaun yang ditawarkan adalah gaji bulanan sebanyak RM17,754,76, elaun keraian RM5,000, elaun bantuan sewa rumah RM3,000, elaun pembantu rumah RM2,000 dan elaun khas kehakiman RM6,000 serta elaun-elaun dan kemudahan-kemudahan yang lain, yang diperuntukkan di bawah Jadual 1 dan 2 subseksyen 2(1) Akta Saraan Hakim 1971.

Emolumen dari segi gaji, elaun, dan kemudahan yang ditawarkan adalah menarik dan berpadanan kerana terbuka kepada pengamal undang-undang yang mempunyai pengalaman lebih 25 tahun dalam bidang litigasi. Saya ingin menimbulkan apakah kewajarannya Suruhanjaya Pelantikan Kehakiman (SPK) mengiklankan kekosongan jawatan ini sedangkan hakim ini boleh dilantik dari kalangan Pesuruhjaya Kehakiman yang sedia ada dan sejauh manakah iklan kekosongan jawatan ini dari segi integriti badan kehakiman di mata umum?

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh seksyen 4 berhubung dengan perhitungan dengan amaun pencen hakim. Pindaan ini meningkatkan amaun pencen daripada 1/2 kepada 3/5 daripada gaji akhir diterima. Saya ingin mendapat penjelasan kerajaan tentang kewajaran meningkatkan saraan sebanyak 10 peratus ini. Seterusnya saya ingin menyentuh seksyen 5 berhubung tempoh perkhidmatan bagi pencen maksimum. Saya bersetuju dengan peruntukan mendapat pencen maksimum, tempoh perkhidmatan dinaikkan daripada 15 tahun kepada 18 tahun kerana tempoh perkhidmatan ini mengambil kira apa jua perkhidmatan yang dikehendaki oleh Yang di-Pertuan Agong di bawah seksyen 8C dan lain-lain jawatan seperti mana seksyen 5(2)(b) Akta ibu. Langkah meningkatkan bilangan tahun perkhidmatan untuk mendapat pencen maksimum akan memengikat lebih lama hakim dalam perkhidmatan kehakiman. Saya ingin mendapat penjelasan kerajaan, bilangan hakim dan pesuruhjaya hakim yang ada pada masa ini.

Tuan yang di-pertua, saya ingin menyentuh penggantian seksyen 7A berhubung tempoh perkhidmatan sebagai pesuruhjaya kehakiman tentang menghitung pencen dan ganjaran hakim yang mengambil kira perkhidmatan pesuruhjaya kehakiman sebelum dilantik sebagai hakim yang dikira sebagai sebahagian daripada tempoh perkhidmatannya sebagai hakim. Pertimbangan adalah wajar memandangkan tugas dan tanggungjawab pesuruhjaya kehakiman ini adalah sama dengan tugas hakim di samping memberikan pengiktirafan kepada pesuruhjaya kehakiman yang mahir dan pakar dari segi undang-undang serta dilantik terus dari kalangan profesional.

Saya ingin membangkit kewajaran peruntukan seksyen 7A(2) yang juga memperuntukkan dan ia juga terpakai kepada hakim yang masih dalam perkhidmatan tetapi juga yang telah bersara sebelum kuat kuasa seksyen ini. Sepatutnya hanya hakim yang bersara selepas kuat kuasa seksyen ini sahaja yang akan mendapat manfaat walaupun seksyen 7A(3) ada memperuntukkan bayaran pencen dan ganjaran yang telah dibayar sebelum kuat kuasa seksyen ini hendaklah dikurangkan sebanyak amaun yang telah dibayar sebelum ini. Saya juga ingin mencadangkan agar jawatan pesuruhjaya kehakiman dikaji semula termasuk mansuhkan dan sebaliknya Suruhanjaya Pelantikan Kehakiman (SPK) terus melantik hakim sebagai pengiktirafan kepada hakim dari segi kepakaran kebijaksanaan dan keilmuan hakim untuk menegakkan keadilan dalam penghakiman.

Tuan yang di-Pertua, saya ingin menyentuh tentang penggantian seksyen 9 yang saya dapati tiada perubahan dari segi ayat di bandingkan dengan Akta Ibu, malah perubahan adalah sekadar perubahan dari segi format. Selain dari itu, tambahan seksyen 9(2) tentang memasukkan peruntukan bahawa subseksyen (1), "*terpakai bagi hakim yang masih dalam perkhidmatan atau yang telah bersara daripada perkhidmatan sebelum seksyen ini berkuat kuasa.*"

Saya ingin mendapat penjelasan kerajaan tentang kewajaran kemasukan seksyen 9(2), saya ingin menyentuh tentang pindaan Jadual Ketiga dan Jadual Keempat yang menggantikan bilangan bulan perkhidmatan maksimum dinaikkan daripada 180 kepada 216 bulan iaitu pertambahan sebanyak 36 bulan atau tiga tahun.

Pindaan Jadual Ketiga adalah merupakan formula penyelarasan bagi pencen hakim manakala Jadual Keempat pula adalah bagi formula penyelarasan bagi pencen terbitan orang tanggungan. Penambahan 36 bulan ini akan meningkatkan kadar pencen yang bakal diterima hakim dan pencen terbitan orang tanggungan. Saya ingin mendapat penjelasan kerajaan dari segi implikasi kewangan. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk menyentuh tentang tempoh jawatan dalam saraan Hakim Mahkamah Persekutuan yang terhad sehingga mencapai 66 tahun. Saya ingin mendapat penjelasan kerajaan, adakah kerajaan bercadang untuk menaikkan umur persaraan hakim kepada 70 tahun?

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mencadangkan agar kerajaan juga menimbangkan saraan Hakim Mahkamah Syariah dan menaik taraf Hakim Mahkamah Syariah khususnya bagi memberi nafas baru bagi perundangan Islam di negara ini. Pindaan Perkara 121(1A) Perlembagaan Persekutuan pada 1988 memberi Mahkamah Syariah bidang kuasa berasingan daripada Mahkamah Sivil. Pindaan ini menjadikan Mahkamah Syariah bebas daripada campur tangan Mahkamah Sivil dan sekali gus menjadikan sepatutnya Mahkamah Sivil dan Mahkamah Syariah berdiri sama tinggi dan duduk sama rendah. Sekian, terima kasih, saya mohon menyokong.

■1610

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Seterusnya Yang Berhormat Puan Mariany binti Mohammad Yit.

4.10 ptg.

Puan Mariany binti Mohammad Yit: Terima kasih kerana memberi ruang kepada saya mengambil bahagian di dalam perbahasan rang undang-undang meminda Akta Saraan Hakim 1971.

Sebelum itu Tuan Yang di-Pertua, saya ingin merakamkan setinggi tahniah dan penghargaan kepada salah seorang daripada Ahli di Dewan ini, iaitu Yang Berhormat Dato' Sri Shahrizat Jalil selepas mendapat pengiktirafan daripada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Kabinet iaitu kewujudan peranan wanita 30 peratus di dalam sektor korporat kini telah mendapat award dari Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu. Awardnya *United Nations Economic and Social Council dan World Family Award* di atas usahanya dalam kebajikan wanita dan pembangunan keluarga...
[Tepuk]

Dalam gambar hari ini dia pun pakai baju merah. Rang undang-undang ini adalah untuk menetapkan pencen maksimum bagi hakim untuk memperuntukkan bahawa tempoh perkhidmatan sebagai Pesuruhjaya Kehakiman dikira sebagai sebahagian daripada tempoh perkhidmatan untuk melayakkan hakim bagi mendapatkan pencen maksimum yang berbangkit daripada pindaan Akta Pencen 1980. Hakim-hakim ini bererti Hakim-hakim di Mahkamah Tinggi dan mahkamah apex. Seksyen 4 rang undang-undang ini adalah satu tindakan baik menentukan kiraan untuk pencen dan gratuiti apabila hakim bersara.

Ini merupakan satu langkah yang baik dan akan menggalakkan lebih ramai peguam yang berpengalaman dan yang mahir untuk mahu berkhidmat dalam bidang kehakiman. Soalan saya ialah apa pula kelayakan untuk dilantik sebagai Pesuruhjaya Kehakiman selain daripada pengamal undang-undang yang telah berkhidmat selama sepuluh tahun atau lebih dan penjawat awam dari kehakiman atau perundangan?

Memandangkan masalah yang dirujuk ke mahkamah masa kini kian bertambah jenis dan rupa bentuknya, perspektif yang lebih luas dan baharu perlu dimasukkan di dalam mahkamah.

Adalah dicadangkan peluang-peluang juga dibuka kepada peguam-peguam korporat, pegawai-pegawai undang-undang, para akademik dan juga pegawai-pegawai undang-undang dari badan-badan berkanun bagi membawa masuk pengalaman ataupun membawa masuk perspektif yang baru ini ke dalam mahkamah.

Merujuk kepada pindaan kepada seksyen 5 rang undang-undang ini, bagi melayakkan untuk mendapatkan pencen maksimum tempoh perkhidmatan seorang hakim akan dinaikkan daripada 15 tahun hingga ke 18 tahun. Soalan saya adakah ini satu penambahbaikan atau sebaliknya, kerana tujuan pindaan ini adalah untuk melayakkan seberapa ramai yang boleh untuk layak menerima pencen maksimum dan juga untuk menggalak pelantikan sebagai Pesuruhjaya Kehakiman dari orang awam yang berkelayakan seperti yang disebut tadi?

Saya juga mohon penjelasan mengenai tahap umur yang hendak dilantik sebagai Pesuruhjaya Kehakiman kerana mereka perlu menghitung supaya mereka dapat menganggarkan sama ada boleh atau sempat berkhidmat selama 18 tahun lagi bagi melayakkan diri mereka mendapat gratuity dan pencen maksimum. Contoh, sekiranya pelantikan dibuat pada umur tahap 50 tahun dan kita campur 18 tahun lagi, sudah lebih umur pencen. Jumlah perkhidmatannya cuma 15 tahun sahaja bila sampai tarikh pencen. Cadangan saya biarlah pelantikan itu dibuat di kalangan yang muda sedikit, tetapi dengan pengalaman yang sewajarnya. Juga kita harus pastikan tidaklah terlalu muda kerana kini terdapat ada hakim-hakim yang bergantung kepada *interpreter* untuk membantu mereka.

Satu lagi pemerhatian saya ialah pada seksyen 5 dan seksyen 7A rang undang-undang ini ialah seolah-olah satu pemberian di tangan kanan dan ditarik balik di tangan kiri. Mula-mula dibenarkan tempoh perkhidmatan sebagai Pesuruhjaya Kehakiman dikira untuk mendapat 18 tahun untuk pencen maksimum, kemudian ditarik balik tempoh 15 tahun perkhidmatan ditambah menjadi 18 tahun untuk layak menerima pencen maksimum. Macam orang Kedah kata, "*Pi mai pi mai, duk tang tu juga*". Untuk itu saya mohon penjelasan.

Tuan Yang di-Pertua, sukacita saya berkongsi berita baik iaitu dalam kes-kes yang tertunggak, statistik menunjukkan ada kekurangan kes-kes yang tertunggak ini. Kes-kes yang terdapat di Mahkamah Tinggi, Mahkamah Tengah dan Majistret yang berjaya dikurangkan. Di Mahkamah Tinggi Sivil, September 2008 - 93,823 kes; September 2010 - 36,267 kes.

Dalam kes jenayah pula di *High Court*, September 2008 - 4,544 kes, September 2010 - 3,345 kes.

Di Mahkamah Tengah kes sivil 94,534 untuk September 2008 dan September 2010 - 44,921 kes. Jenayah pula 8,750 kes dan September 2010 - 7,267 kes.

Di *Magistrate Court* juga kes-kes sivil September 2008 - 156,053 kes dan September 2008 - 93,627 kes dan jenayah pula 68,221 dan September 2010 - 42,874 kes.

Kita mengucapkan tahniah kepada Jabatan Kehakiman kerana telah memperkenalkan teknologi dan pendekatan yang penuh inovatif untuk mengurangkan kes-kes tertangguh dan telah mempercepatkan percakapan kes-kes. Antara teknologi yang telah diperkenalkan ialah *filing* secara elektronik iaitu e-filing. Memfailkan kes-kes secara elektronik dan *hardcopy*nya tidak perlu digunakan lagi.

Di Singapura dan Hong Kong, *filing* kes-kes lebih canggih kerana ia boleh difailkan di pejabat guaman sendiri dan tidak perlu pergi ke mahkamah. Kita kena kejar sistem yang sedemikian untuk mencanggihkan lagi e-filing di negara kita.

Kedua ialah *Quality Management System* iaitu QMS. Dengan QMS ini peguam tidak lagi menunggu kes-kes mereka dipanggil di koridor-koridor mahkamah. Kini mereka hanya perlu memasukkan nombor dan nama kes dan tunggu mereka akan menerima mesej di telefon bimbit mereka bahawa kes mereka akan dipanggil. Sementara itu mereka tidak perlu berdiri menunggu di koridor-koridor mahkamah tetapi duduk di kantin mahkamah ataupun di mana-mana sahaja.

Pengalaman ini memang saya pernah lalui di mahkamah di mana kita menunggu kadang-kadang berjam-jam tidak berani bergerak takut kes kita dipanggil. Satu lagi ialah court sistem iaitu *Court Management System* (CMS).

Cara ini lebih baik kerana pendaftar mahkamah boleh memasukkan maklumat dari kedua-dua pihak ke dalam sistem dan bukan ke dalam fail. Ini boleh dilihat kembali iaitu *retrieve* oleh hakim ataupun pendaftar pada bila-bila masa. Satu lagi ialah *Court Recording and Transcription* (CRT). Ini memudahkan hakim-hakim kerana tidak perlu menulis lagi di buku nota mereka sewaktu perbicaraan dijalankan dan mereka biasanya menulis secara *verbatim* apa yang kita cakap mereka tulis satu persatu kadang-kadang diulang pula, tetapi kini tidak perlu lagi. Satu lagi ialah e-case *list* iaitu senarai kes elektronik. Dahulu peguam mesti datang ke mahkamah untuk melihat sendiri kes-kes mereka yang akan dibicarakan. Sekarang ini mereka boleh melihat kes-kes mereka melalui *website* sahaja sama ada dia disenaraikan atau tidak. Satu lagi ialah e-monitoring bagi memantau kes-kes mereka yang telah difailkan.

■1620

Seterusnya ialah tele ataupun *video conferencing* yang boleh dilakukan dengan peguam, hakim dan parti-parti yang berkenaan. Walau bagaimanapun, terdapat rungutan-rungutan di mana mengatakan bahawa banyak masalah dalam perubahan sistem ini dan ada yang mengadu bahawa kadang-kadang kes itu terlalu cepat dan tidak dapat dijalankan dengan memuaskan.

Ada peguam yang mencadangkan supaya masa lebih diberi untuk mengajar kakitangan-kakitangan mahkamah tentang sistem elektronik ini. Ini kerana ada *satu maxim* undang-undang yang mengatakan dengan izin, *justice hurried is justice denied*, ataupun keadilan yang terburu-buru itu adalah bukan keadilan namanya. Janganlah kita berkompromi dengan keadilan semata-mata untuk menyelesaikan kes-kes dengan segera. Dengan itu Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Seterusnya, Yang Berhormat Datuk Subbaiyah a/l Palaniappan. Sekiranya ada lagi yang ingin turut berbahas rang undang-undang ini, tolong hantar nama pada saya ya.

4.21 ptg.

Datuk Subbaiyah a/l Palaniappan: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana memberi saya ruang untuk turut serta dalam membahaskan rang undang-undang ini.

Saya mengalu-alukan langkah yang diambil oleh kerajaan untuk mengadakan peruntukan bagi tempoh perkhidmatan sebagai Pesuruhjaya Kehakiman ataupun *Judicial Commissioner* akan diambil kira sebagai sebahagian daripada tempoh perkhidmatan bagi tujuan untuk menaikkan pencen bagi hakim. Walaupun seseorang Pesuruhjaya Kehakiman berkhidmat atas nama jawatan *Judicial Commissioner* (JC), tetapi tugas, tanggungjawab dan kuasa adalah sama seperti seorang hakim. Dengan demikian, saya menyokong penuh rang undang-undang ini.

Saya juga mengalu-alukan langkah untuk memasukkan seksyen 7A di mana ia memperuntukkan bahawa hakim-hakim yang telah bersara akan juga menikmati kemudahan tersebut. Walau bagaimanapun, saya ingin menyatakan bahawa terdapat pada masa ini sebilangan mereka yang berkhidmat sebagai Pesuruhjaya Kehakiman sedang menunggu untuk pelantikan sebagai hakim. Sebahagian daripada mereka ada menunggu antara tiga hinggalah lima tahun. Kalau seseorang JC tidak dilantik sebagai hakim sehingga lima tahun, jadi dipersoalkan sama ada Pesuruhjaya Kehakiman berkenaan layak dilantik sebagai seorang JC. Sama ada peraturan-peraturan yang sedia ada untuk pelantikan seseorang JC itu perlu dikaji atau tidak.

Sebagai tambahan, terdapat satu trend di mahkamah-mahkamah di mana Pesuruhjaya Kehakiman dan hakim harus menjalankan tugas berdasarkan kepada KPI iaitu menyelesaikan sesuatu kes dengan cepat dan menunjukkan statistik bagi membolehkan mereka cepat dilantik sebagai seorang hakim dari jawatan Pesuruhjaya Kehakiman. Trend ini adalah berbahaya kerana sesuatu kehakiman yang dibuat dengan tergesa-gesa membuat kesimpulan kes-kes dengan cepat akan membawa risiko di mana keputusan kes akan membawa kepada ketidakadilan ataupun *injustice*, sama ada kepada plaintif atau defendan ataupun tertuduh dalam kes-kes jenayah.

Saya akui bahawa penyelesaian kes pada tempoh yang lebih awal daripada menunggu selama beberapa tahun adalah menggalakkan tetapi ia tidak harus mengorbankan atau menjejaskan keadilan.

Menyelesaikan kes dengan cepat tidak harus dipratic dengan ketat. Ini kerana keadilan yang cepat akan membawa kepada keadilan yang diabaikan seperti mana rakan saya katakan tadi, *justice hurried* ataupun *justice rush is justice denied*.

Satu lagi faktor yang saya ingin bertanya adalah sama ada hakim-hakim diminta untuk menulis dua atau lima halaman penghakiman untuk mempercepatkan keadilan. Salah satu peranan hakim juga untuk menyampaikan penghakiman yang telus dengan mengambil kira penghakiman yang mantap yang telah dibuat oleh hakim-hakim yang terdahulu ataupun *precedent*. Dengan berbuat demikian, seseorang hakim dapat *develop case lost*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua.

Akhir sekali Tuan Yang di-Pertua, kini prosedur yang diguna pakai semasa perbicaraan adalah peguam-peguam bagi kedua-dua pihak perlu menyampaikan hujah-hujah mereka dalam tulisan berbanding dengan hujah secara *oral* yang dilakukan dahulu. Bagi saya, prosedur ini akan menyekat skil *advocacy*, dengan izin. Ini tidaklah patut dipraktikkan. Oleh kerana kita hendak mempercepatkan perbicaraan, maka seseorang hakim di semua peringkat dari mahkamah majistret, mahkamah sesyen sampailah ke mahkamah tinggi, sekarang kita lihat semua hakim-hakim ini meminta peguam-peguam memberi hujah-hujah secara bertulis dan tidak ada lagi *advocacy*.

Jika seseorang hakim ingin hendak buat satu keputusan selepas mendengar kes-kes dan perbicaraan diakhiri, maka *advocacy* ini adalah mustahak untuk menentukan keadilan. Kalau kita cuma lihat dari segi masa untuk mempercepatkan kes itu, saya ingat keadilan tidak dapat diberi dengan elok. Jadi bagi saya, saya ingat kita lebih elok pergi balik ke cara *advocacy*. Itu sahaja Tuan Yang di-Pertua. Dengan ini saya memohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Silakan Yang Berhormat Tuan Saiful Izham bin Ramli.

4.29 ptg.

Tuan Saiful Izham bin Ramli: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pertama sekali terima kasih kerana membenarkan saya terlibat dalam perbahasan rang undang-undang untuk meminda Akta Saraan Hakim 1971.

Tuan Yang di-Pertua, akta ini diperbuat pada asasnya untuk meningkatkan saraan atau had saraan para-para hakim di negara ini yang bermula daripada peringkat Pesuruhjaya Kehakiman sehinggalah ke peringkat yang tertinggi. Saya menyambut baik usaha dan inisiatif pihak kerajaan untuk cuba mempertingkatkan saraan ataupun imbuhan kepada hakim-hakim di negara ini.

■1630

Kita mengharapkan agar dengan adanya inisiatif seperti ini ianya menjadi insentif agar kualiti kehakiman negara dapat dipertingkatkan serta integriti kehakiman negara dapat dikembalikan setelah sekian lama menjadi bahan momokan di seluruh dunia terutama di negara-negara Komanwel.

Tuan Yang di-Pertua, saya merujuk kepada penggantian seksyen 9 iaitu seksyen 5 yang baru yang berkenaan dengan peruntukan khas Ketua Hakim Negara, presiden dan hakim besar. Saya ingin menyambung saranan yang diberikan oleh teman-teman Yang Berhormat Dewan sebentar tadi agar umur persaraan para-para hakim terutamanya hakim berperingkat mahkamah apex dengan izin, iaitu mahkamah di peringkat rayuan dan persekutuan dipertingkatkan. Ianya sejajar dengan amalan yang dilakukan oleh negara-negara maju terutamanya di negara Komanwel khususnya negara Britain yang menjadi ikutan amalan kehakiman negara kita yang mana umur persaraan hakim-hakim kanan adalah di sekitar umur sehingga 85 tahun.

Ini adalah kerana kearifan, pemahaman dan kematangan tentang sistem perundangan sesebuah negara termasuklah inti pati kaedah dan tujuan sistem keadilan itu sendiri semakin bertambah dengan bertambahnya usia mereka. Mereka hanya dihentikan apabila berlaku masalah kesihatan yang melibatkan ketidakmampuan mental untuk melaksanakan tugas atau ketidakmampuan fizikal.

Saya tidak mengharapkan untuk ke peringkat ini umur persaraan itu dilanjutkan ke 85 tahun tetapi cukuplah untuk peringkat awal ketika mencadangkan kepada pihak kerajaan untuk mempertingkatkan umur itu sehingga ke 75 tahun.

Sekarang ini pun orang yang berumur 75 sihat *walafiat*. Boleh berjalan merata-rata boleh bercakap dengan lebih matang dan lebih berhemah bagi mempertingkatkan kualiti kehakiman negara.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga amat bersetuju dengan kita tentang soal pengiraan pencen. Kerana walaupun tempoh perkhidmatan sebagai pesuruhjaya kehakiman itu sebenarnya seolah-olah tempoh percubaan sebelum menjadi hakim penuh Mahkamah Tinggi, tetapi kualiti penghakimannya tetap sama. Harapan masyarakat umum dan juga pengamal undang-undang terhadap Pesuruhjaya Kehakiman sama sahaja dengan hakim-hakim Mahkamah Tinggi kerana itu saya amat bersetuju agar pencen tersebut di *retrospective*, dengan izin, pengiraannya dan diperpanjangkan seperti mana pindaan yang ada pada hari ini.

Cumanya berkaitan dengan perkara yang sama yang melibatkan Pesuruhjaya Kehakiman Negara ini saya juga ingin memohon mencadangkan agar Pesuruhjaya Kehakiman atau hakim-hakim Mahkamah Tinggi yang akan dilantik pada masa hadapan harus diperluaskan juga kepada pengamal-pengamal undang-undang yang bebas atau *legal practitioner among the practicing lawyers* dengan izin.

Ini kerana dalam sistem keadilan ataupun penghakiman negara kita mahupun negara-negara Komanwel kepakaran dalam bidang undang-undang tertentu sebenarnya hanya boleh diperolehi melalui amalan undang-undang secara praktikal iaitu pengamal undang-undang tersebut. Ianya akan memberikan perspektif baru dan pengalaman yang terkini terhadap sistem kehakiman negara. Mana mungkin untuk kita membawa dan menghakimi soal yang melibatkan *commercial law*, kita meletakkan harapan tersebut sepenuhnya kepada mereka yang dilahirkan daripada sistem perundangan yang hanya daripada pejabat peguam negara hingga ke Mahkamah Persekutuan. Ianya harus datang dari pengamal undang-undang itu sendiri.

Kita punya ramai pakar undang-undang komersial daripada kalangan pengamal undang-undang, pakar undang-undang jenayah dan undang-undang Perlembagaan. Ianya juga harus diperluaskan kepada tokoh-tokoh akademik yang bukan hanya mengajar tetapi juga memberikan pelbagai inisiatif baru sejajar dengan perkembangan semasa sistem perundangan seluruh negara.

Tuan Yang di-Pertua, Malaysia agak jauh ketinggalan dalam soal perkembangan undang-undang komersial. Singapura sudah lama jauh melangkaui kita antara sebabnya ialah peruntukan undang-undang serta penguatkuasaan yang agak lemah di negara kita berbanding dengan Singapura. Ianya juga kerana pandangan umum masyarakat terhadap keyakinan sistem dan integriti sistem kehakiman negara. Ini bukan perkara baru dan ini bukan perkara yang kita cuba untuk ada-adakan. Saya ingin meminjam kata-kata Allahyarham Tan Sri Harun Hashim, bekas Hakim Tertinggi Negara ini semasa merasmikan satu persidangan undang-undang antarabangsa di negara Kuala Lumpur di sekitar awal tahun 2000.

Saya ada ketika itu, beliau dengan nada sindiran yang agak *cynical* memberikan satu frasa kata-kata *we have the best judge, the money can buy*. Walaupun ini hanya nada sindiran tetapi ianya merupakan satu manifestasi persepsi umum dan juga antarabangsa terhadap sistem kehakiman negara. Kita mengharapkan dengan wujudnya undang-undang seperti ini integriti sistem kehakiman negara dapat dikembalikan dan seterusnya masyarakat dunia merujuk kepada kita dalam membuat sebarang rujukan nilai undang-undang ataupun sumber undang-undang khususnya di negara Komanwel.

Tuan Yang di-Pertua, berkaitan dengan pindaan undang-undang yang sama saya ingin mencadangkan satu harapan kepada kerajaan melalui pindaan undang-undang ini agar para hakim kita boleh terus mampu mempertingkatkan integriti negara dan integriti kehakiman negara tanpa rasa dengan izin, *fear or favor*. Apa yang penting dalam soal mengembalikan kepercayaan rakyat adalah keprihatinan para hakim dan kemampuan para hakim menguasai ilmu kehakiman dan melaksanakan prinsip tersebut iaitu *rules of law* dalam melaksanakan kehakiman. Bukannya *rules by law* dalam sistem amalan kehakiman ataupun keadilan negara ini.

Integriti hakim ini jangan lagi dikaitkan dengan sindiran seumpama yang saya sebutkan awal tadi kerana ianya bukan lagi menjadi harapan kita di masa depan untuk sistem keadilan negara ini terus di momok dan dipersendakan.

Saya pengamal undang-undang Tuan Yang di-Pertua, banyak dalam undang-undang komersial negara bila kita mengadakan perjanjian dengan negara luar atau syarikat luar tidak pernah mahu sistem kehakiman negara ini dirujuk sebagai pusat arbitrase sampai ke semua syarikat asing kadang-kadang syarikat negara ini sendiri yang mengadakan perjanjian dengan syarikat negara ini sendiri, "*intra-company agreement*" mohon merujuk agar sekiranya berlaku sebarang perbalahan undang-undang percanggahan dalam kontrak yang dimeterai dirujuk ke Singapura sedangkan kita punya sistem kehakiman yang tersendiri.

Apa mesej yang ingin disampaikan kepada masyarakat umum? Saya tidak mahu menuduh tetapi kita mahu turut sama memberikan sumbangan kepada negara, mengukuh dan mengembalikan integriti kepada sistem kehakiman negara. Ianya penting untuk masa hadapan, ianya penting untuk Malaysia terus maju mencapai hasrat Wawasan 2020 baik, 1Malaysia baik yang penting dalam kita membina sebuah negara maju negara berintegriti, negara berharmoni asas utama kebebasan sistem kehakiman harus diwujudkan dan dipertahankan oleh Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin merujuk sedikit ada statistik yang diberikan beberapa hari lalu oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri berkenaan dengan sistem *e-filing* di negara ini. Saya mohon menasihatkan kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri jangan terlalu taksud melihat kepada statistik yang diberikan tempoh hari. Statistik kes yang diselesaikan itu tidak menggambarkan sama sekali keadilan yang diperolehi. Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua, kebanyakan kes sivil yang diselesaikan pada tahun ini sejak mula sistem KPI diperkenalkan di mahkamah negara ini, ianya selesai atas dasar teknikal. Kes-kes dibuang atas dasar teknikal bukannya selesai kerana perbincangan *substantive law*, dengan izin, atau *substantive facts*. Ini menjadi kekusaran kami pengamal undang-undang kerana ini hanya akan mencantikkan statistik buat menjustifikasikan satu sistem yang tidak pernah dinilai daripada awal.

■ 1640

Apa gunanya statistik yang cantik sedangkan nilai kehakiman yang kita harapkan, keadilan untuk masyarakat umum, rakyat negara ini terus dinafikan hanya sebab-sebab teknikal. Kita seharusnya bersama-sama membantu pengamal undang-undang, sistem kehakiman untuk mengembalikan integriti ini sama ada daripada undang-undang sivil, jenayah mahupun percanggahan tentang perlembagaan negara. Ini bukan persoalan perbezaan fahaman politik, agama mahupun kaum, ini soal integriti negara dan ini harus kita sama-sama menjadi tulang belakang membina dan mempertahankan integriti ini.

Tuan Yang di-Pertua, sedikit lagi tentang nilai dan kualiti penghakiman, agak sedih hendak menyampaikannya di Dewan yang mulia ini kerana kita mengharapkan, saya sebenarnya sangat serius mengharapkan pindaan ini benar-benar memberikan satu insentif baru kepada para hakim kita ataupun bakal-bakal hakim kita terutama yang mungkin akan dilantik sebagai pesuruhjaya kehakiman. Insentif kewangan ini bukan insentif yang sedikit, banyak komitmen negara terhadap sistem ini melalui pindaan Akta Saraan ini terlalu tinggi, kita mohon agar dengan wujudnya, dengan terlulusnya pindaan rang undang-undang ini, kualiti penghakiman dapat kita pertingkatkan.

Kita mohon agar penguasaan bahasa baik bahasa Inggeris mahupun bahasa Malaysia dipertingkatkan, bukan bahasa yang sekerat-sekerat, kadang-kadang Tuan Yang di-Pertua penghakiman hakim di peringkat mahkamah tinggi kadang-kadang kita hendak rasa malu kepada budak-budak sekolah, mencampuradukkan bahasa di mana kadang-kadang bahasa Inggeris separuh pula Bahasa Malaysia berlaku dengan sewenang-wenangnya.

Kita minta kalau hendak buat penghakiman bahasa Malaysia buat betul-betul, kalau hakim kurang pandai di dalam Bahasa Malaysia boleh minta pertolongan Dewan Bahasa dan Pustaka, kerana kita ada tokoh pejuang bahasa di sini, kalau hendak membuat di dalam bahasa Inggeris buat betul-betul, jangan buat sekerat-sekerat. Ini soal kewibawaan kita bukan kewibawaan hakim itu sendiri tetapi kewibawaan negara keseluruhannya, kita tidak mahu hakim yang celup sekerat-sekerat. Tidak mahu! Kita hendak yang betul-betul serius, kalau hakim tersebut tidak serius kita punya ruang dalam sistem pelantikan hakim kita untuk memberhentikannya.

Ini penting kerana seperti yang saya katakan awal-awal tadi bahawa integriti kehakiman negara mesti dikembalikan.

Kedua tentang soal kualiti kehakiman bukan hanya bahasa tetapi juga jangka masa penghakiman bertulis mesti dipercepatkan. Kalau hakim tidak larat untuk melakukannya seorang-seorang, saya minta tolong kepada kerajaan untuk membantu sistem kehakiman kita bagi bantuan teknikal, tambahkan lagi *researcher*, tambah lagi komputerkah, kalau hendak tambah tambahkanlah tetapi pastikan penghakiman bertulis ini berjalan dengan cepat, masalahnya bukan pengamal undang-undang, kadang-kadang apabila berlaku rayuan di peringkat mahkamah tinggi atau mahkamah apex, yang menjadi masalahnya penghakiman bertulis hakim itu memakan masa bukan hanya berbulan-bulan tetapi bertahun-tahun. Sudah dapat kita tunggu setahun setengah penghakiman bertulis, datang penghakiman bertulis satu muka setengah sahaja tetapi setahun setengah digunakan untuk menulis satu muka setengah, berat sangatkah untuk seorang hakim itu menulis penghakiman? Individu yang menjadi mangsa ialah rakyat yang menuntut keadilan melalui sistem kehakiman negara.

Selain daripada itu, nilai penghakiman itu juga harus dipertingkatkan, saya hendak membandingkan sedikit dengan hakim-hakim kanan yang terdahulu yang telah lama meninggalkan kita. Walaupun mereka sudah lama sekali menghadap Allah SWT tetapi kesan dan nilai mereka telah tinggalkan itu masih ada sehingga ke hari ini. Susah lagi untuk kita mendapatkan hakim-hakim yang cukup hebat, *the 'walking dictionary'* seperti Allahyarham Tan Sri Eusoffe Abd Kadir, *'the walking dictionary'* bahasanya cukup indah, cukup cantik, cukup puitis tetapi pada masa yang sama nilai kehakimannya cukup baik, sehingga ke hari ini penghakiman Allahyarham Tan Sri Eusoffe Abd Kadir, menjadi rujukan di mahkamah-mahkamah tertinggi di negara Komanwel.

Akan tetapi hari ini saya mohon maaf untuk mengatakan sudah tidak ada penghakiman negara ini sejak sepuluh ke dua belas tahun yang ke belakang tidak ada lagi penghakiman daripada mahkamah tertinggi di negara ini menjadi bahan rujukan kepada mahkamah-mahkamah tertinggi negara Komanwel yang lain. Bahkan dahulu kita pernah ada Sultan Azlan Syah, penghakimannya cukup hebat, hakim-hakim kanan kita, Ketua Hakim Negara, Hakim Besar Malaya pun penghakiman mereka dirujuk sehingga ke peringkat mahkamah tinggi di negara Komanwel. Hari ini amat malang sekali kerana penghakiman kita menjadi bahan ketawa dan momokan di negara-negara Komanwel.

Kita mohon kualiti penghakiman dipertingkatkan serta dipercepatkan agar kes-kes yang tertangguh yang melibatkan masalah orang ramai iaitu orang awam tidak lagi dilewatkan, jangan letakkan kesalahan kepada pengamal undang-undang, lihat dahulu sistem yang kita ada. Jangan memperkenalkan sistem yang baru semata-mata ia baru ataupun mempunyai nilai komersial kepada mereka yang akan membekalkan peralatan-peralatan yang baru, pastikan sistem baru yang diperkenalkan itu mempunyai kemampuan untuk memperbaiki sistem dan kaedah kehakiman. Saya memohon kepada kerajaan untuk meneliti semula bukan hanya sistem *e-filing* tetapi juga sistem KPI yang diperkenalkan.

Saya bersetuju secara keseluruhannya dengan saranan teman Yang Berhormat di dalam Dewan ini bahawa keadilan yang digopohkan itu sebenarnya keadilan yang dinafikan dan kerana itu Tuan Yang di-Pertua saya memohon sekali lagi kepada pihak kerajaan agar pindaan ini bukan hanya melibatkan soal pindaan angka dan wang tetapi ia juga akhirnya membawa perubahan yang besar, satu transformasi yang besar di dalam sistem kehakiman negara, sekian terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Seterusnya Yang Berhormat Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah.

4.47 ptg

Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua yang saya hormati. Tuan Yang di-Pertua secara prinsip saya tidak mempunyai apa-apa bantahan terhadap pindaan-pindaan ini.

Akan tetapi saya mengambil maklum perbelanjaan sebanyak RM1.85 juta yang melibatkan duit pembayaran cukai, *tax payers money* yang akan ditanggung oleh kerajaan dan saya ingin berucap sedikit sebanyak tentang duit yang akan dibelanjakan oleh kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, duit pembayar cukai perlu dibelanjakan secara bijak dan ia perlu berasaskan kepada keperluan, tetapi sejak kebelakangan ini kita mendengar seperti yang diucapkan oleh Yang Berhormat Tuan Saiful Izham bin Ramli tadi tentang keluhan-keluhan peguam-peguam dan juga kritikan-kritikan mengenai kualiti penyampaian keadilan. Ini merupakan satu aduan yang penting kerana ia secara langsung mencerminkan imej sistem penghakiman di negara kita. Saya juga sering kali mendengar aduan tentang kualiti hakim-hakim kita dan di antaranya aduan-aduan yang dikemukakan adalah mengenai:

- (i) alasan penghakiman yang terlalu ringkas iaitu dua hingga empat muka surat sehingga menimbulkan kemusykilan sama ada hakim yang terlibat telah menghalusi segala isu-isu fakta dan undang-undang dengan teliti serta adil;
- (ii) pendengaran kes dipercepatkan sehingga segala isu-isu pertikaian dihalang daripada dibangkitkan di dalam perbicaraan;
- (iii) hakim-hakim tidak mempunyai pengetahuan yang cukup tentang isu-isu yang melibatkan prinsip-prinsip undang-undang yang secara langsung menjejaskan kes litigan-litigan;
- (iv) hakim-hakim yang membuat keputusan secara terburu-buru dan bukan berlandaskan undang-undang atau fakta tetapi kepada emosi, perasaan, prejudis dan kepada perkara-perkara teknik, misalnya di mahkamah rayuan baru-baru ini terdapat banyak rayuan yang ditolak di atas isu teknikal seperti ketiadaan penghakiman yang termeterai daripada mahkamah rendah dimasukkan di dalam rekod rayuan;
- (v) hakim-hakim ini tidak mempunyai *judicial temperament* yang baik yang sering saling marah-marahi pihak-pihak yang terlibat, tidak mempunyai kesabaran, menggunakan perkataan-perkataan yang kesat dan tidak senonoh terhadap peguam-peguam dan litigan; dan
- (vi) hakim-hakim yang sering memaksa litigan-litigan menyelesaikan kes mereka.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak mendakwa bahawa semua Hakim di negara kita adalah tidak bagus oleh kerana alasan-alasan yang tersebut di atas. Akan tetapi, terdapat segelintir hakim-hakim yang jelas dan ketara tidak layak menjadi Hakim. Maka, saya mengambil kesempatan ini untuk sekali lagi mengingatkan pihak-pihak yang bertanggungjawab melantik hakim-hakim dan pesuruhjaya kehakiman termasuk Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita untuk melantik calon-calon yang betul-betul berwibawa dan *credible* berdasarkan hanya kepada merit dan *track record* kehakiman yang amat bagus dan bukan berdasarkan kepada bangsa calon semata-mata, apa-apa *racial* kuota ataupun berdasarkan kepada *connection politics or otherwise*.

■1650

Apa yang berlaku dalam tahun 1988 *the constitutional crisis* yang terlibat lima hakim tertinggi di Malaysia telah *affect* martabat dan kewibawaan *judiciary* pada keseluruhannya. *Judiciary* belum keluar dari *crisis of confident* ini. Peristiwa sebegini mesti menakutkan pihak pelabur dan masyarakat seluruhnya. Maka, saya tekan sekali lagi bahawa duit pembayar cukai perlu digunakan dengan bijak dengan hanya melantik pesuruhjaya kehakiman dan hakim-hakim yang benar-benar berwibawa. Kerajaan tidak boleh berkompromi dengan keperluan asas ini. Rakyat Malaysia semestinya *deserve the best as judges and not anything less*. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Ada lagi Yang Berhormat turut berbahas rang undang-undang ini?

Dato' Haji Idris bin Haji Buang: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Dato' Haji Idris bin Haji Buang.

4.52 ptg.

Dato' Haji Idris bin Haji Buang: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana mengizinkan saya turut berbahas di dalam rang undang-undang untuk meminda Akta Saraan Hakim 1971. Saya ingin menyentuh beberapa perkara yang sudah berlaku sejak beberapa tahun ini mengenai kehakiman itu sendiri dan juga persepsi rakyat tentang apa yang ada pada negara kita mengenai sistem kehakiman. Satu persepsinya adalah di mana seseorang itu diberi keistimewaan sangat lebih daripada yang lain. Jikalau kerana ia berpegang kepada pengaruh politik ataupun status, banyak persepsi yang menjalur kepada perkara tersebut.

Saya hendak menyentuh iaitu memang benar kata pujangga perundangan dari dahulu, jika kita melengah-lengahkan proses pengadilan, pengadilan itu akan membawa kepada penganiayaan sendiri. *Justice delayed is justice denied*. Pada masa yang sama, ada baru-baru ini kita dengar perkataan, "*justice rushed, justice denied*" dengan izin. Saya rasa ini rekaan-rekaan baru yang tidak ada dalam buku panduan, tidak ada dalam buku rujukan, tidak ada dalam apa jua *philosophy* (falsafah) dengan izin, *jurisprudence*, perundangan langsung. Sejak saya tahulah saya kenal apa itu undang-undang daripada saya belajar dahulu hingga sekarang ini, tidak ada wujud istilah tersebut, perumpamaan tersebut di dalam pembelajaran undang-undang seluruh dunia. Mungkin kalau kita hendak bawa orang ke pengadilan tanpa saksi, lepas itu hukum itu lainlah. Itu perkara lain.

Akan tetapi, saya rasa *justice delayed is justice denied*, dengan izin, adalah benar-benar telah diterima seluruh masyarakat *jurist* ataupun pakar di dalam hukum-hukum perundangan tertakluk kepada prinsip iaitu satu-satu pertuduhan itu mestilah diketengahkan, padat dengan pembuktian yang kukuh dan seorang itu tidak boleh dihukum melainkan dengan pembuktian yang nyata *beyond reasonable doubt* dengan izin, iaitu melampaui had keraguan munasabah.

Saya tidak ingin hendak menyentuh nama-nama sesiapa ataupun peribadi sesiapa jua, tetapi harus rakyat kita memahami di dunia yang ada sekarang ini begitu canggih, dunia teknologi, sains, siber dan serba-serbinya. Kita tidak dapat lari daripada perkara yang melibatkan penggunaan teknologi canggih dan di dalam penghakiman pun hakim-hakim akan diberi, kata kita masalah untuk mengendalikan apa-apa juga kes dan membuat penghakiman mereka dengan adil dan saksama dan terdapat pembuktian menerusi teknologi-teknologi canggih. Ada kita lihat pembuktian menerusi video-video dan foto-foto. Ini pun canggih, tetapi tidaklah begitu baru.

Di United Kingdom, tempatnya mula-mula bertapak *common law* pun, tempatnya ketamadunan pemikiran para *jurist* atau pakar undang-undang mula diambil kira oleh dunia dan tempat bermulanya risalah-risalah dan juga rekod-rekod mengenai kes-kes menerusi *common law* dan juga prosiding-prosiding dari mahkamah tertentu mula-mula dirakamkan dan diambil kira sebagai *references* (sebagai rujukan). Di United Kingdom, pembuktian ataupun *evidence* menerusi foto yang diambil menerusi kamera dan di *print* menjadi salinan. Tiap-tiap foto itu adalah salinan kepada yang asal, yang asal mungkin menggunakan negatif, tetapi sekarang ini kita menggunakan *memory card* - *memory card* itu adalah originalnya. Tiap-tiap yang di *print* keluar itu ataupun yang dicetak adalah *copy*nya. Akan tetapi, tiap-tiap *copy* itu pun adalah sebaik-baik original juga jika dibuktikan kamera itu ataupun video kamera itu, alat perakam itu adalah alat yang benar-benar berfungsi.

■1700

Maka tiap-tiap hasil percetakan daripadanya dianggap *evidence* yang boleh diambil sebagai *admissible* di dalam mahkamah sebagai *real evidence*, ini saya hendak tekankan, *real evidence*. Ini adalah kata-kata di dalam banyak kes yang telah dihakamkan di United Kingdom dan telah diambil kira dan dipakai di Amerika Syarikat dan juga di seluruh benua Eropah dan juga seluruh benua di bawah naungan Komanwel termasuklah kita Malaysia. Banyak orang tidak tahu fasal *real evidence* ini - *real evidence* ini adalah seperti mana juga cermin mata saya ini, ini *real evidence*, nyata.

Kamera, hasil percetakan daripada perakaman dari kamera, video kamera atau apa juga alat perakam itu adalah *real evidence* kerana *real evidence* tidak boleh berbohong. Ia tidak ada lidah bercabang dua, tiga atau empat, tidak ada. *What do you see, is what you see*, tidak boleh berbohong. Akan tetapi ia ada syarat, perakamannya, percetakannya hendaklah *authentic*. Untuk ia menjadi *authentic* itu tidak susah, pakar-pakar banyak seluruh dunia, dua orang, tiga orang pakar, kalau tiga orang pakar cakap "Yes, it's authentic" dengan izin, siapa kita hendak cakap ia bukan *authentic*. Cakap pakar adalah *experts, expert witness evidence*, dengan izin, ada termaktub di dalam Kanun Acara Jenayah dan juga termaktub di dalam Akta Kesaksian atau *Evidence Act* kita sendiri untuk menerima jenis-jenis kesaksian daripada pakar-pakar ini dan untuk menolong mahkamah.

Hakim yang bertanggungjawab membuat adil dengan saksama akan menerimanya sebaik-baik mungkin. Jadi tidak perlulah kita politikkan perkara seperti ini, tidak perlu kita cakap ini, itu dan sebagainya mengelirukan perkara yang sedang dan dalam perhatian mahkamah ataupun penyiasatan dan rakyat keliru, tidak adil untuk rakyat. Rakyat berhak untuk mendapat apa yang sebenarnya dan kita sebagai Ahli Parlimen ataupun sebagai ahli badan peguam haruslah sama-sama, jangan kita cuba hendak mengeruhkan keadaan lagi, mengelirukan rakyat dengan memutarbelitkan perkara *real evidence* yang ada.

Memang benar pihak polis pun macam kita juga, dia perlukan kepakaran. Mereka susah, kerja mereka susah, jadi susah, lebih susah dan lama-lama *justice delayed, justice denied*. *Justice delayed, justice denied* dengan izin Tuan Yang di-Pertua, bukan sahaja berlaku di dalam mahkamah, ia berlaku sejak proses penyiasatan polis pun hingga dibawa kepada mahkamah. Ini berapa lama dah, belum lagi. Di dalam perkara, saya tidak mahu sebut peribadi sesiapa dan saya tidak mahu dikatakan menyalahgunakan imuniti saya sebagai Ahli Parlimen tetapi apa yang saya tahu, apa yang terjadi di dalam satu video yang *the world has known* dengan izin. Ini berlaku perlakuan seks yang tidak bermoral, yang abnormal, luar tabii di bawah seksyen 377 sebab ia melibatkan *oral sex*. Dengan sendirinya tidak perlu laporan sesiapa, polis boleh bertindak tanpa laporan sesiapa, polis boleh bertindak dan membawa sesiapa ke arah pengadilan sebab ada seks luar tabii di bawah seksyen 377. Seksyen 377 ini banyak, bukan sodomi sahaja, ada *oral sex* juga. Jadi di situ, kesnya menjadi kes yang dikatakan boleh ditangkap, *seizable case*, ada definisi *seizable case* dengan izin dalam Kanun Acara Jenayah dengan jelas, undang-undang begitu jelas...

Tuan Saiful Izham bin Ramli: *Arrestable offence...*

Dato' Haji Idris bin Haji Buang: Saya tidak mahu bagi dulu, saya hendak habis, you gulung nanti ya. *Seizable case*, boleh ditangkap, *immediately* boleh kena tangkap. Kenapa polis tidak tangkap, saya tidak tahulah, terlalu prihatin polis kita di Malaysia ini. Kalau di negara lain, Singapura, Amerika, *sorry* lah, tengok IMF *managing director* sendiri, tidak sampai 24 jam, tidak sempat dia naik kapal pesawat pun sudah digari empat lima orang. Saya bukan hendak menghasut, ini kehendak undang-undang, hak undang-undang. Kalau kita tidak jalankan undang-undang, kalau kita perlekehkan undang-undang, beginilah jadinya, dipolitikkan, berlanjutan begitu sekali. Itu sebab kita mesti ingat tiap-tiap kesalahan itu tetap kesalahan dan mesti diadili tetapi sebelum orang itu salah, adililah sebaik-baiknya sebab *a man must be presume innocent until proven guilty*.

Itu memang ketamadunan proses pengadilan dari dulu hingga sekarang. Sebenarnya berkaitan dengan sunah Rasulullah sendiri, kita tidak boleh menghukum orang yang tidak bersalah melainkan dengan bukti yang nyata. *Beyond reasonable doubt* itu memang keraguan munasabah itu, melampaui had keraguan munasabah itu memang kehendak keadilan yang sebenar-benarnya sebab kita tidak mahu orang yang tidak berdosa dihukum. Akan tetapi haruslah semua pihak bekerjasama, percayalah dengan proses kehakiman, semua pihak mempunyai saluran sekarang ini, mengetahui tiap *detail* yang dibicarakan. Kita boleh tahu dengan sedikit kepincangan pun kita boleh dapat *gauge the defect in the system*, dengan izin. Tidak perlu kita risau fasal itu sebab kecanggihan sekarang ini cukup menyeluruh. Sekarang mahkamah telah menjadi begitu *transparent, translucent*, telus, mereka begitu telus.

Jadi saya rasa pihak polis terlalu prihatin dengan perkara ini. Harusnya perkara ini telah dibawa dengan baik dan beberapa kes dikatakan *justice rush, justice denied* dengan izin. Dalam satu perkara, saya tidak mahu sebut nama orang itu, tetapi ini sudah berapa tahun, hendak *rush* apa lagi?

Belum *start* apa pun, biarlah semua pembuktian itu dikeluarkan dengan baik, dengan adil. Keadilan itu datang daripada mulanya dari semua pihak yang bekerjasama, barulah keadilan dapat dikendalikan oleh hakim dengan sebaik-baiknya sebab hakim pun tidak boleh dikacau dengan begitu banyak *pressure, influence*, pengaruh dengan izin, tekanan. Bila hakim dah buat penghakiman, lepas kena *pressure*, kasihan-kasihan seseorang hakim itu, dia sendiri dah menjadi mangsa politik negeri, bukan mangsa kenapa, tekanan. Ahli Parlimen pun menerima tekanan daripada beberapa pihak dalam kawasan, kan? *We know what* tekanan *is*, ini tidak boleh bohong punya.

Perdana Menteri banyak tekanan, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, tekanan. Apa dia buat yang baik pun dipolitikkan supaya digambarkan berlainan daripada apa yang dihasratkan, itu satu tekanan juga. Hendak *explain* sesuatu barang yang mudah, membuang masa, membuang duit untuk *explain* kepada semua orang supaya jangan rakyat dikelirukan sebab politik ini hanya sebab *perception* kata orang.

■1710

Akan tetapi bagi saya, kalau politik itu semata-mata untuk *perception* maka *deception* boleh masuk. *It's a political deception*. Kalau boleh *perception* daripada *deception*, kita ambillah perkataan baru "*poliception*". Saya minta *Hansard* sebutlah – "*poliception*". Kalau *poliception* ini adalah penipuan politik, rakyat menjadi mangsa. Kalau saya cakap ini merah. Baju siapa yang merah? Ha! Ini tudung merah. Kalau 'dipoliceptionkan', ini boleh jadi biru, kuning! Ini bahayanya *poliception*. Bagi saya, janganlah dipolitikkan apa juga proses kalau melibatkan pengadilan, kalau melibatkan apa juga perkara yang benar-benar kita hendak orang mengadili dengan baik. Jadi hakim, bagilah mereka bukan sahaja suasana yang baik tetapi berilah mereka peluang untuk membuat kerja mereka seadil-adilnya seperti mereka telah di *train* atau dilatih begitu lama dan kepakaran mereka kita mesti bagi sebaik-baik mungkin kepercayaan untuk ianya dijalankan dengan baik.

Kita harus ingat kalau berlaku satu-satu kesalahan dan kita menegakkan satu-satu kesalahan tanpa mengira apa, kita ingin hendak menegakkan satu-satu kesalahan, itulah ketidakadilan yang paling besar. *If you are to maintain a rock, uphold a rock that is injustice itself*, dengan izin.

Ini tidak boleh kita pegang sebagai prinsip hidup rakyat Malaysia kerana ini akan memakan kita sendiri. Anak-anak kita tidak bolehlah didedahkan dengan ilmu sebegini. Ini ilmu jahat. Bukan sahaja untuk orang politik tetapi untuk sesiapa sahaja. Ini ilmu jahat dan boleh bagi saya sebagai seorang Islam membawa kepada dosa besar sebab hak sesama manusia kita, hanya sesama manusia kita sahaja yang boleh *settle*. Allah, *wallahualam* ya, mungkin memberi ruang kepada kita manusia *settle* sesama sendiri. Itu pakar-pakar lain boleh memberi hujah. Kalau sesiapa hendak berhujah, di situ kita minta ya. Jadi, dengan sedemikian saya ingin menyatakan iaitu saya menyokong Rang Undang-undang Akta Saraan Hakim (Pindaan) 2011. Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Selesai sudah Rang Undang-undang Saraan Hakim. Sekarang saya mempersilakan Yang Berhormat Menteri menjawab.

5.13 ptg.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Liew Vui Keong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah pun mengambil bahagian dalam perbincangan rang undang-undang ini. Saya akan hanya menjawab soalan yang relevan mengenai rang undang-undang yang telah pun dibangkitkan oleh Yang Berhormat Ahli-ahli Senator tadi.

Yang Berhormat Senator Dato' Zaitun binti Mat telah pun bertanya mengenai berapakah bilangan hakim-hakim dan pesuruhjaya kehakiman yang ada pada setakat ini. Untuk makluman Yang Berhormat Senator Dato' Zaitun binti Mat dan Ahli-ahli yang mulia di Dewan ini, setakat ini hakim Mahkamah Persekutuan ada tujuh orang hakim dan terdapat pula 24 orang hakim di Mahkamah Rayuan dan 55 orang hakim di Mahkamah Tinggi dan 42 orang hakim sebagai Hakim Pesuruhjaya Kehakiman.

Yang Berhormat Dato' Zaitun binti Mat juga bertanya adakah kerajaan bercadang untuk menaikkan umur persaraan hakim daripada 66 tahun. Untuk makluman Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini dan Tuan Yang di-Pertua, buat masa ini kerajaan belum lagi berhasrat untuk membuat pindaan kepada Perlembagaan Persekutuan untuk menaikkan umur persaraan hakim daripada 66 tahun. Pada masa yang sama, Yang Berhormat Senator Dato' Zaitun binti Mat juga bertanya, diperhatikan bahawa fasal 5 yang meminda seksyen 9 dan tiada ubahan katanya tetapi hanya daripada segi format sahaja yang telah pun berubah.

Untuk maklumat Yang Berhormat Dato' Zaitun binti Mat, peruntukan dahulu menyatakan seseorang yang memegang jawatan Ketua Hakim Negara, Presiden atau Hakim Besar adalah berhak mendapat pencen maksimum jika dia telah memegang salah satu atau kesemua jawatan itu selama suatu tempoh yang kesemuanya tidak kurang daripada tiga tahun dan dia telah memegang jawatan hakim selama tempoh yang kesemuanya tidak kurang daripada sepuluh tahun. Akan tetapi peruntukan sekarang ialah, seseorang hakim yang memegang salah satu atau kesemua jawatan itu selama satu tempoh yang kesemuanya tidak kurang daripada tiga tahun adalah layak mendapat pencen maksimum berbanding terdahulu yang memerlukan sekurang-kurangnya sepuluh tahun berkhidmat barulah dia berhak kepada pencen maksimum.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Dato' Zaitun binti Mat juga menyentuh mengenai iklan gaji dan juga emolumen yang diterima oleh hakim dan bertanya adakah kewajaran jawatan ini diiklankan. Untuk makluman Yang Berhormat Senator, iklan ini dibuat untuk menarik minat dan juga penglibatan dan penyertaan pengamal undang-undang supaya kata orang *the best brain* dengan izin, dapat berkhidmat dalam badan kehakiman untuk bangsa dan negara. Pada masa yang sama juga, Yang Berhormat Senator Dato' Zaitun binti Mat juga bertanya sama ada kewajaran menaikkan amaun pencen daripada "1/2" kepada "3/5" daripada gaji akhir yang diterima.

Untuk makluman Yang Berhormat, pindaan ini adalah menyusuli pelaksanaan peningkatan maksimum tempoh perkhidmatan diambil kira bagi peruntukan pencen anggota sektor awam mulai daripada 1 Januari 2009 berikutan pindaan kepada Akta Pencen (Pindaan) 2009. Pindaan ini Tuan Yang di-Pertua juga wajar memandangkan tempoh kelayakan pencen maksimum telah dinaikkan daripada 15 tahun kepada 18 tahun. Justeru tempoh perkhidmatan hakim-hakim ini telah pun meningkat dan mereka layak diberi lebih pencen. Selain daripada itu kenaikan amaun pencen daripada "1/2" kepada "3/5" juga adalah merupakan salah satu cara untuk menarik minat mereka dari sektor swasta yang mempunyai pengalaman dan juga pengetahuan untuk menyertai kehakiman sebagai seorang hakim.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Puan Mariany binti Mohammad Yit telah pun bertanya mengenai apakah kelayakan umur bagi melantik pesuruhjaya kehakiman supaya tempoh perkhidmatan mereka boleh mencapai maksimum pencen iaitu 18 tahun perkhidmatan. Untuk makluman Yang Berhormat, setakat ini tiada kelayakan umur tertentu yang diperlukan untuk dilantik sebagai pesuruhjaya kehakiman. Oleh itu seseorang yang dilantik sebelum mencapai umur 50 tahun boleh mencapai pencen maksimum 18 tahun.

Yang Berhormat Puan Mariany juga bertanya mengenai implikasi kewangan yang terlibat dengan cadangan pindaan seksyen 4, seksyen 5, seksyen 7A dan seksyen 9.

■ 1720

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat bahawa implikasi kewangan yang terlibat dalam keempat-empat pindaan seksyen ini ialah tambahan wang perbelanjaan sebanyak RM1,854,000,488 setahun iaitu pindaan seksyen 4, dan seksyen 5 yang melibatkan 45 orang mantan hakim. Amaunnya adalah sebanyak RM1,078,031.99 sen.

Pindaan pada seksyen 7A yang melibatkan 23 orang Pesuruhjaya Kehakiman yang mempunyai perkhidmatan sebelum 28 Ogos 2008. Amaunnya ialah sebanyak RM476,968.38 sen. Pindaan pada seksyen 9 yang melibatkan seramai lima orang pesara penerimaan Pencen Terbitan yang mempunyai tempoh perkhidmatan sekurang-kurangnya tiga tahun. Amaunnya ialah RM299,488.32 sen.

Yang Berhormat Senator Puan Mariany juga bertanya apakah kelayakan untuk dilantik sebagai Pesuruhjaya Kehakiman selain daripada mempunyai sepuluh tahun pengalaman. Untuk makluman Yang Berhormat, kelayakan pelantikan hakim mahkamah atasan termasuk Pesuruhjaya Kehakiman adalah sebagaimana yang diperuntukkan oleh seksyen 23 Akta Suruhanjaya Pelantikan Kehakiman selain berkhidmat selama sepuluh tahun adalah iaitu calon itu tidak berat sebelah, adil, berperibadi moral yang baik. Kedua, tegas dan berkebolehan membuat penghakiman dengan tepat. Ketiga, rajin dan berkebolehan mengurus kes dengan baik dan mempunyai kesihatan fizikal dan mental yang baik Tuan Yang di-Pertua.

Yang Berhormat Senator Datuk Subbaiyah a/l Palaniappan Tuan Yang di-Pertua, juga bertanya sama ada hakim diminta untuk menulis lima helai alasan penghakiman dalam membuat penghakiman sekali gus menghalang skil invokasi hakim berkenaan berkembang. Untuk makluman Yang Berhormat Senator, semua hakim sebenarnya bebas dalam menulis seberapa banyak alasan penghakiman berdasarkan prinsip undang-undang yang sedia ada dan juga terpulang pada fakta-fakta kes. Oleh yang demikian, tiada sebarang had muka surat bagi seseorang hakim ataupun sesiapa hakim untuk menulis alasan penghakiman.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Datuk Subbaiyah juga bertanya adakah seorang hakim bekerja untuk *Key Performance Indicator* (KPI) supaya akan dinaikkan pangkat dan keputusannya kononnyalah dibuat dengan tergesa-gesa. Untuk makluman Yang Berhormat Senator, hakim-hakim yang ada di mahkamah ini mendengar dan juga membicarakan kes serta memutuskan kes menurut keterangan yang diberikan oleh saksi-saksi. Ini terpulang pada bilangan saksi yang dipanggil oleh pihak berkenaan seperti sekiranya dalam kes jenayah, daripada pihak pendakwaan ataupun sekiranya tertuduh diwakili oleh peguam dan saksi-saksi tertuduh sekiranya tertuduh dipanggil membela diri dan pula di dalam kes-kes sivil, terpulang kepada saksi-saksi yang terdiri daripada pihak plaintif ataupun daripada pihak defendan.

Ini sebagai seorang peguam, Yang Berhormat Senator boleh faham bahawa kepanjangan sesuatu kes itu terpulanglah pada dokumen-dokumen yang telah pun dihantar masuk sebagai *bundle of documents* dan juga pada fakta-fakta kes yang dikemukakan di hadapan mahkamah. Jadi, kes-kes ini dibicarakan mengikut prinsip-prinsip keadilan yang tertakluk pada undang-undang kita. Jadi, tidak adalah *Key Performance Indicator* ataupun *Key Performance Index* (KPI) yang ditetapkan oleh badan kehakiman untuk membuat sebarang penilaian kenaikan pangkat seseorang hakim.

Setiap kes Tuan Yang di-Pertua, akan diputuskan berdasarkan pada keterangan yang saya katakan tadi, yang dikemukakan dan tidak akan dibuat secara tergesa-gesa. Ini telah pun diamalkan dalam sistem penghakiman yang kita telah pun amalkan selama ini.

Yang Berhormat Datuk Subbaiyah juga bertanya Tuan Yang di-Pertua, adakah pelantikan Pesuruhjaya Kehakiman perlu dikaji semula. Untuk makluman Yang Berhormat Senator, pada masa ini kerajaan tidaklah bercadang untuk mengkaji semula pelantikan Pesuruhjaya Kehakiman ini. Pelantikan seperti yang diperuntukkan di bawah Perkara 122AB, Perlembagaan Persekutuan dan juga mengikut seksyen 23, Akta Suruhanjaya Pelantikan Kehakiman 2009.

Yang Berhormat Senator Tuan Saiful Izham telah pun menyoal mengenai pelantikan Pesuruhjaya Kehakiman perlu melibatkan pengamal undang-undang yang mempunyai kepakaran yang pelbagai. Untuk makluman Yang Berhormat, pelantikan Pesuruhjaya Kehakiman pada masa ini tidak hanya terhad kepada pegawai perundangan dan juga kehakiman semata-mata, tetapi juga meliputi pengamal undang-undang. Malah Pesuruhjaya Kehakiman juga telah dilantik daripada kalangan pensyarah.

Yang Berhormat Senator Tuan Saiful Izham juga telah pun membangkitkan mengenai isu hakim-hakim yang lemah dalam bahasa Inggeris dan ini telah pun dikatakan melemahkan ataupun mengurangkan kualiti kehakiman di negara ini. Di sini saya ingin menegaskan bahawa kelemahan dalam sesuatu bahasa terutamanya dalam bahasa Inggeris tidaklah semestinya mengurangkan kualiti kehakiman kita.

Sekiranya kita lihat daripada negara-negara seperti Rusia, Perancis, negara China, Taiwan dan banyak lagi yang tidak menggunakan bahasa Inggeris, tetapi ini tidak bermakna kualiti kehakiman mereka adalah lemah.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator Tuan Saiful Izham bertanya mengenai statistik pelupusan kes tidak menggambarkan ataupun *defect* perkara sebenar kerana pelupusan yang banyak tidak menggambarkan keadilan. Banyak kes yang diselesaikan adalah disebabkan isu teknikal. Untuk makluman Yang Berhormat Senator, statistik adalah bertujuan untuk badan kehakiman mengkaji keperluan sama ada perlu ditambah hakim-hakim di sesebuah mahkamah bagi mengatasi kes-kes tertunggak dengan kadar segera tanpa mengorbankan prinsip-prinsip keadilan.

■1730

Daripada statistik juga dapat dikaji keperluan untuk penambahan mahkamah dan juga pegawai serta kakitangan mahkamah. Dengan itu, dalam mana-mana sahaja organisasi Tuan Yang di-Pertua, statistik selalunya digunakan untuk menjadi panduan untuk memantau perkembangan sesuatu *business* ataupun industri dalam organisasi tersebut.

Terakhir, Yang Berhormat Senator Tuan Saiful Izham juga bertanya, kenapakah hakim-hakim menunggu masa yang terlalu lama untuk menulis penghakiman.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator, dalam menulis sesuatu alasan kehakiman, penelitian terhadap keterangan yang diberikan oleh saksi-saksi kadangkala kita dapat maklum bahawa sesuatu kes melibatkan bukan sahaja dua atau tiga orang saksi tetapi terlibat lebih daripada 50 orang saksi dan juga kadangkala terlibat dengan dokumen-dokumen yang dimasukkan oleh pihak-pihak berkenaan dan ini melibatkan dokumen sampailah beribu-ribu keping. Juga, bukti-bukti yang dikemukakan serta peruntukan undang-undang yang jelas yang perlu dirujuk terutama sekali apabila kes itu adalah kes yang amat kompleks yang memerlukan masa yang panjang untuk hakim memahami isu-isu yang telah pun diujahkan oleh pihak-pihak peguam yang mewakili plaintif ataupun defendan ataupun tertuduh dalam kes jenayah. Selain daripada itu, alasan penghakiman juga perlu disemak sebelum ia diedarkan kepada pihak-pihak yang berkaitan. Justeru, masa yang munasabah patut diberikan kepada hakim dalam menulis sesuatu alasan penghakiman.

Tuan Yang di-Pertua, dengan itu, itu sahajalah yang saya dapat menjawab setakat ini dan yang mana yang saya tidak dapat jawab, saya berjanji akan memberikan jawapan secara bertulis. Dengan itu sekali lagi saya ambil kesempatan ini untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah pun mengambil peranan dalam perbincangan rang undang-undang ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

[Masalah dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui]

[Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa]

[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa]***

[Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa]

]Fasal-fasal 1 hingga 7 diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]

[Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang]

[Majlis Mesyuarat bersidang semula]

[Rang undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan]

RANG UNDANG-UNDANG PERIHAL DAGANGAN 2011**Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

5.35 ptg.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan [Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya rang undang-undang bernama suatu akta bagi maksud untuk menggalakkan amalan perdagangan yang baik dengan melarang perihal dagangan palsu dan pernyataan, pengendalian dan amalan palsu atau mengelirukan berhubungan dengan pembekalan barang-barang dan perkhidmatan serta untuk mengadakan peruntukan bagi perkara-perkara yang berkaitan atau bersampingan dengannya di bacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua serta Ahli-ahli Yang Berhormat, dalam usaha membangunkan negara sebagai sebuah negara maju, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) sentiasa memastikan undang-undang di bawah pentadbirannya melindungi dan memberikan manfaat kepada rakyat sejajar dengan konsep Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan. Oleh itu, peruntukan undang-undang sentiasa di kaji dari semasa ke semasa agar ianya relevan pada tuntutan dan kehendak masa kini. Dalam menggubal rang undang-undang ini, KPDNKK berpandangan masih terdapat keperluan untuk mengekalkan sebahagian peruntukan Akta 87 terdahulu di samping menambah baik dengan memasukkan peruntukan-peruntukan baru demi memastikan kesesuaian akta selari dengan keperluan semasa.

Tuan Yang di-Pertua serta Ahli Yang Berhormat, selain daripada mengekalkan beberapa peruntukan di bawah Akta 87, rang undang-undang ini turut mengemas kini peruntukan yang sudah lapuk di samping menggubal beberapa peruntukan baru. Antara peruntukan-peruntukan utama yang baru diwujudkan dalam rang undang-undang adalah seperti berikut.

Tajuk panjang - Perubahan tajuk panjang di mana tajuk panjang yang dicadangkan di bawah rang undang-undang ini lebih bersifat am atau *exhaustive* dengan izin, dan ini akan membolehkan lebih banyak perkara diperuntukkan di dalam akta. Namun, pendekatan ini tidak akan bersifat *ultra vires*, dengan izin.

Selain daripada penggunaan perihal dagangan palsu, pernyataan palsu dan mengelirukan mengenai harga barang-barang juga akan dijadikan suatu kesalahan yang diperuntukkan di bawah rang undang-undang baru ini. Selepas rang undang-undang baru ini diluluskan kelak, peniaga tidak lagi dibenarkan membuat pernyataan palsu bahawa harga barang-barang yang ditawarkan olehnya adalah menyamai atau kurang daripada harga yang ditawarkan oleh peniaga lain atau harga yang ditawarkan itu kurang daripada harga yang disyorkan.

Peruntukan baru juga digubal bagi menyekat kegiatan penipuan ke atas orang ramai yang dijalankan melalui sama ada peraduan, permainan dan sebagainya yang menggunakan konsep ala skim gores dan menang yang banyak di kesan ketika ini. Selain daripada itu, rang undang-undang ini turut melarang penggunaan perihal dagangan palsu berhubung cap dagangan yang didaftarkan di bawah Akta Cap Dagangan 1976. Dengan adanya perlindungan hak penggunaan cap dagangan di bawah rang undang-undang ini, secara tidak langsung akan lebih memberikan lebih keyakinan tentang perlindungan hak harta intelek kepada pelabur.

Bagi menentukan perlindungan kepada pengguna sentiasa terjamin, rang undang-undang ini juga akan memperuntukkan kuasa kepada Menteri untuk melantik pihak berkuasa berwajib dan menetapkan kaedah tertentu berhubung tanda atau logo bagi membekalkan apa-apa makanan, barangan dan perkhidmatan. Secara khususnya, pendekatan yang diambil ini akan membolehkan pihak berkuasa berwajib dinamakan sebagai badan yang menguruskan pensijilan halal di negara ini.

■1740

Sebagai contoh, bagi membolehkan pihak kerajaan melantik hanya JAKIM dan juga Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) di dalam mengeluarkan sijil dan juga bagi menyeragamkan logo halal.

Pendekatan ini akan memerlukan pindaan sewajarnya dibuat ke atas dua perlindungan *subsidiary* sedia ada di bawah Akta 87 iaitu Perintah Perihal Dagangan (Penggunaan Perbahasan Halal) 1975 dan Perintah Perihal Dagangan (Penandaan Makanan) 1975. Pemakaian peruntukan ini tidaklah terhad kepada penetapan pihak berkuasa berwajib bagi urusan halal sahaja.

Penalti - manakala dalam aspek hukuman pula, penalti yang berat yang ditetapkan di dalam rang undang-undang ini adalah bertujuan memperlihatkan ketegasan kerajaan dalam memastikan peniaga tidak sewenang-wenangnya melakukan penyelewengan ataupun melakukan tindakan-tindakan lain yang bertentangan dengan kepentingan pengguna.

Tuan Yang di-Pertua serta Ahli Yang Berhormat, izinkan saya seterusnya memaklumkan beberapa ciri utama dalam fasal-fasal yang terdapat dalam rang undang-undang ini yang mengandungi lapan bahagian dan merangkumi 71 fasal, iaitu:

Bahagian I, merangkumi fasal 1 hingga 4 iaitu mengandungi peruntukan-peruntukan berkaitan tajuk ringkas permulaan kuat kuasa, peruntukan kuasa kepada menteri untuk melantik pegawai-pegawai bagi melaksanakan peruntukan akta.

Bahagian II, merangkumi fasal 5 hingga fasal 12 mengandungi peruntukan-peruntukan yang menjadikan cap dagangan yang didaftarkan di bawah Akta Cap Dagangan 1976 sebagai petunjuk perihal dagangan dan menetapkan kesalahan menggunakan perihal dagangan palsu pada barang-barang.

Bahagian III, merangkumi fasal 13 hingga fasal 21 mengandungi peruntukan berkaitan salah penyataan selain daripada perihal dagangan palsu dan mengelirukan mengenai harga barangan bekalan atau kelulusan barang-barang atau perkhidmatan serta larangan penyataan palsu atau yang mengelirukan di dalam iklan dan juga penyataan palsu atau yang mengelirukan mengenai peraduan, pertandingan dan sebagainya.

Bahagian IV, merangkumi fasal 22 hingga fasal 25. Mengandungi peruntukan-peruntukan berkaitan pembelaan bagi orang yang melakukan kesalahan.

Bahagian V, mengandungi fasal 26 dan 27 iaitu mengandungi peruntukan-peruntukan berkaitan larangan pengimportan barang-barang yang mengandungi petunjuk palsu mengenai tempat asal.

Bahagian VI, merangkumi fasal 28 hingga 29 mengenai peruntukan-peruntukan berkaitan kuasa Menteri untuk mentakrifkan apa-apa ungkapan dan bagi menghendaki maklumat berhubung pembekalan barang-barang dan perkhidmatan.

Bahagian VII, merangkumi fasal 30 hingga 55 mengandungi peruntukan berkaitan kuasa penyiasatan dan penguatkuasaan.

Bahagian VIII, merangkumi fasal 56 hingga 71 mengandungi peruntukan-peruntukan berkaitan perkara-perkara am, penalti am. Kesalahan-kesalahan bagi akta ini dan kuasa menteri untuk membuat peraturan-peraturan.

Tuan Yang di-Pertua serta Ahli-ahli Yang Berhormat, kementerian mempunyai keyakinan bahawa rang undang-undang ini akan memantapkan lagi kaedah pengawal seliaan dan penguatkuasaan undang-undang bagi memberikan perlindungan yang sewajarnya kepada pengguna di samping menggalakkan persaingan kepada peniaga-peniaga. Oleh itu sokongan Ahli-ahli Yang Berhormat di dalam Dewan yang mulia ini adalah amat diharapkan. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air [Puan Noriah binti Kasnon]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta bagi maksud untuk menggalakkan amalan perdagangan yang baik dengan melarang perihal dagangan palsu dan pernyataan, pengendalian dan amalan palsu atau mengelirukan berhubungan dengan pembekalan barang-barang dan perkhidmatan serta untuk mengadakan peruntukan bagi perkara-perkara yang berkaitan atau bersampingan dengannya dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

Saya persilakan Yang Berhormat Datin Paduka Datuk Nor Hayati binti Tan Sri Dato' Seri Onn, selepas itu mengikut rekod di sini saya hendak mempersilakan nombor dua, Yang Berhormat Datuk Hajah Wan Hazani binti Haji Wan Nor dan seterusnya, Yang Berhormat Puan Doris Sophia ak Brodi dan seterusnya, Yang Berhormat Yang Berhormat Dato' Haji Abdul Rahim bin Haji Abdul Rahman.

5.45 ptg.

Datin Paduka Datuk Nor Hayati binti Tan Sri Dato' Seri Onn: *Bismillaahi Rahmaani Rahiim. Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh* dan salam sejahtera. Salam 1Malaysia. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua atas kebenaran laluan kepada saya sekali lagi untuk membahaskan Rang Undang-Undang Perihal Dagangan 2011.

Tuan Yang di-Pertua, rang undang-undang ini lebih ke arah untuk menggalakkan amalan perdagangan yang telus dan *transparent* dengan melarang dagangan yang palsu dan tidak telus atau maklumat yang mengelirukan pengguna dari segi harga, nilai barangan, dan perkhidmatan dalam usaha menjaga kepentingan pengguna. Saya melihat rang undang-undang ini sebagai satu langkah yang proaktif dan berkesan oleh pihak kementerian untuk melindungi para pengguna dan mengawal sektor dagangan barangan pengguna yang kerap kali dimanipulasi serta penyediaan maklumat salah dan tidak tepat kepada para pengguna keseluruhannya. Harapan saya dengan adanya rang undang-undang ini, kepentingan pengguna akan lebih terjamin dan mengurangkan insiden pengguna tertipu di dalam urusan transaksi pembelian barangan dan juga perkhidmatan.

Fasal 5, maklumat palsu pada barangan dan perkhidmatan oleh pembekal. Ramai di kalangan pengguna sebenarnya tidak mengetahui dan kurang arif maksud sebenar di sebalik aktiviti jualan murah yang dijalankan oleh para pengusaha mahupun peniaga setiap kali promosi dijalankan. Banyak aktiviti promosi mengelirukan para pengguna telah dilakukan oleh para peniaga.

Sebenarnya adalah menjadi suatu kesalahan kepada peniaga apabila mempamerkan iklan promosi dengan menyatakan peratus potongan yang diberi seperti 70 peratus, 50 peratus, 30 peratus dan sebagainya. Ia sebenarnya begitu mengelirukan para pengguna. Notis jualan murah telah diluluskan sebenarnya adalah berdasarkan kepada peratusan stok yang ada di dalam simpanan peniaga yang mana perlu ada dalam stok peniaga dalam tempoh enam bulan terlebih dahulu.

Untuk memudahkan pemahaman, ianya adalah stok yang tidak laku atau tidak habis dijual sepanjang enam bulan. Maksud peraturan yang diluluskan untuk jualan murah pula membawa maksud peraturan daripada stok dan bukannya daripada item yang dijual. Sebagai contoh, notis jualan murah yang diluluskan adalah 70 peratus. Ianya membawa maksud daripada stok yang ada di dalam simpanan peniaga, 70 peratus daripadanya dibenarkan dijual dengan harga murah dan diskaun. Malangnya, rata-rata pengguna memahaminya sebagai diskaun ke atas item itu sendiri. Jelas majoriti rakyat masih terkeliru, malah saya sendiri pun sebelum ini tidak faham maksud jualan murah yang didefinisikan oleh kementerian sendiri.

Soalan saya, sejauh manakah kebenaran kenyataan ini dan bagaimana kementerian memantau aktiviti jualan murah ataupun *sales throughout the year* sepanjang tahun ini kerana di Malaysia jualan murah sepanjang tahun tanpa perlu menunggu promosi bulan jualan murah atau *mega sale* atau yang dilancarkan oleh kementerian sendiri, bagaimana pemantauannya.

Bagi fasal 8, Akta Cap Dagangan 1976. Cap dagangan atau lebih dikenali sebagai tanda, jenama, logo atau tanda niaga ialah tanda yang diletakkan pada barang atau perkhidmatan yang dikeluarkan oleh seseorang pengeluar untuk mengenal dan membezakannya daripada barang atau perkhidmatan yang dikeluarkan oleh pihak lain.

■ 1750

Malaysia kini terkenal sebagai pusat transit peniruan barangan asal original di mana banyak barangan tiruan yang dirampas oleh pihak berkuasa yang sebenarnya diimport masuk dari luar negeri dan dipasarkan di Malaysia menyebabkan pengguna tertipu dengan barangan tiruan.

Soalannya hari ini kita lihat cap eksklusif *right* sewenang-wenangnya ditiru dan diguna pakai secara terbuka tanpa takut dikenakan tindakan. Apakah langkah Kementerian di dalam isu ini? Bagaimana hak eksklusif mereka ini dilindungi daripada segi hak dan kedudukan yang sah daripada segi undang-undang?

Apakah fungsi-fungsi cap dagangan ini dari segi fungsi asal, fungsi pemilihan, fungsi kualiti, fungsi pemasaran dan juga fungsi ekonomi, apakah ciri-ciri cap dagangan yang dilarang digunakan di negara kita? Ini kerana masih ada yang menggunakan paten-paten sensitif seperti paten yang di-Pertuan Agong dan sultan-sultan, ATM, PDRM, *pattern* seperti *Swiss* bulan sabit merah- *red cross* di peringkat antarabangsa.

Peranan MyIPO SMIDEX dan kepentingan pendaftaran harta intelek. Terdapat banyak produk tempatan yang berjaya menembusi pasaran antarabangsa tetapi tidak mempunyai pendaftaran cap dagangan di Malaysia. Ini akan mengakibatkan kerugian di pihak pengusaha kerana pihak ketiga boleh menggunakan cap dagangan yang sama bagi barangan yang sama tanpa memohon kebenaran pengusaha tersebut. Lazimnya apabila sesuatu produk yang hendak dipasarkan di luar negara adalah menjadi keperluan pengusaha untuk memfailkan permohonan, pendaftaran cap dagangan di negara tersebut.

Ini adalah untuk mengelakkan masalah seperti pelanggaran cap dagangan atau isu berkaitan kelirupan ataupun *passing off* atau *parallel import*. Apakah saranan dan matlamat MyIPO dan Kementerian sendiri agar pengusaha-pengusaha tempatan memberikan keutamaan kepada pendaftaran cap dagangan? Ini kerana pendaftaran cap dagangan dapat memberikan perlindungan kepada kepentingan perniagaan para pengusaha. Mengenai komitmen Malaysia di peringkat antarabangsa. Malaysia khabarnya sedang menimbang untuk menyertai beberapa perjanjian dan *treaty* antarabangsa iaitu *WIPO Performances and Phonogram Treaty* (WPPT). Ia memberi perlindungan harta intelek bagi pelaku *performances* termasuklah pelakon, penyanyi, pemuzik serta perlindungan bagi penerbit rakaman bunyi *phonogram*.

WIPO Copyright Treaty (WCT) memberi perlindungan hak cipta bagi program komputer dan kompilasi data atau *material* lain pangkalan data. *I-Budapest Treaty* memberikan pengiktirafan simpanan mikroorganisma bagi tujuan memudahkan prosedur permohonan *pattern* yang melibatkan mikroorganisma. *I-protocol relating to Madrid Agreement Concerning International Registration of Marks*- protokol ini berkenaan sistem pendaftaran antarabangsa bagi cap dagangan. Di bawah *ASEAN Economic Community*, Malaysia dan negara-negara ahli *ASEAN Committee* menyertai protokol ini pada 2015. Soalnya bagaimanakah status penyertaan Malaysia bagi *treaty* antarabangsa di atas?

Saya ingin mencadangkan dalam usaha Malaysia untuk menjadi lebih kompetitif dan berdaya saing suatu kajian terperinci perlu dilaksanakan. Sebelum kita menandatangani apa-apa perjanjian atau *treaty* bagi memastikan Malaysia bersedia dari perundangan dan pelaksanaannya. Bagaimana pula status dan prestasi serta peranan Malaysia sebagai ahli kepada *Berne Convention Paris* dan juga *treaty* kerjasama *pattern* buat masa ini? Apakah kelebihanannya dinikmati oleh Malaysia?

Bagi Bahagian III fasal 15 larangan membuat petunjuk palsu dan mempamerkan harga mengelirukan dan iklan palsu. Soalan saya bagaimana isu penipuan logo dan sijil halal palsu dan status logo dan sijil halal yang dikeluarkan oleh pihak yang tidak bertanggungjawab? Apakah tindakannya yang boleh diambil kepada mereka ini yang terlibat di dalam pengeluaran sijil halal yang palsu ini? Apakah peraturan yang dikenakan oleh JAKIM untuk mendapatkan sijil dan logo halal terlalu ketat? Ini yang menyebabkan banyak pihak mengambil jalan mudah menggunakan sijil halal yang palsu ini.

Sejauh manakah langkah Kementerian dan Jabatan Perdana Menteri iaitu JAKIM dalam usaha mengeluarkan sijil dan logo halal tunggal yang dikenali sebagai Logo Halal Malaysia bagi mengelak tindakan memalsukan sijil serta logo halal ini. Saya percaya akan memberi kuasa Kementerian untuk melantik Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN) sebagai pihak bertanggungjawab mengeluarkan sijil dan logo halal Malaysia seperti yang disebutkan oleh Menteri sebentar tadi.

Bagi fasal 30 - kuasa penolong pengawal menahan atau menggeledah dan menyita produk yang tidak menepati piawaian. Isunya mengenai produk makanan daripada Taiwan.

Contohnya *Uni-President Asparagus Juice* keluaran syarikat *Uni-President Enterprise Corporation* serta beberapa produk makanan lain yang diimport daripada Taiwan seperti jus buah-buahan, jeli, jem, yogurt dan minuman sukan yang telah tercemar. Saya memuji langkah berani dan telus oleh *Taiwan Food and Drugs Administration (FDA)* yang memaklumkan kepada Kementerian Kesihatan mengenai beberapa produk makanan dari negara itu yang disahkan tercemar dengan DEHP dan telah dieksport ke Malaysia.

Soalannya, bagaimana kementerian memantau produk ini yang telah masuk ke pasaran dan dijual ke pasaran terbuka tempatan dan memantau kemasukan produk-produk baru di pintu-pintu masuk negara? Adakah Malaysia bercadang untuk menyertai negara seperti Australia, Kanada, Singapura senarai negara yang melarang import makanan daripada Jepun yang dilanda gempa bumi dan tsunami baru-baru ini yang dikhuatiri mengandungi wap radio aktif dan pencemaran radiasi daripada loji nuklear.

Bagi fasal 34 kebenaran pengawal dan penolong pengawal untuk mengakses rekod data statistik dan maklumat. Bagaimana bentuk kerjasama dengan kementerian lain serta agensi berkaitan seperti Kastam, Imigresen, APMM, PDRM serta *intellectual property* serta Jabatan Kimia, Jabatan Haiwan bagi haiwan dan tumbuhan herba yang di seludup masuk. Dengan soalan-soalan ini Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya mohon menyokong. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat saya persilakan Yang Berhormat Datuk Hajah Wan Hazani binti Haji Wan Mohd. Nor dan seterusnya tadi saya sebut juga Yang Berhormat Puan Hajah Zainun binti A. Bakar dan juga Datuk Paul Kong Sing Chu. Di samping itu kalau sekiranya ada Ahli-ahli Yang Berhormat yang hendak berbahas dalam tajuk ini sila kemukakan nama. Seterusnya dipersilakan Yang Berhormat Datuk Hajah Wan Hazani binti Haji Wan Mohd. Nor.

5.58 ptg.

Datuk Hajah Wan Hazani binti Haji Wan Mohd. Nor: *Bismillaahir Rahmaanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh*, salam 1Malaysia, salam sejahtera.

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana memberi ruang kepada saya untuk sama-sama membahaskan Rang Undang-undang Perihal Dagangan 2011. Sememangnya pembentangan rang undang-undang ini memang tepat pada masanya demi untuk menjaga dan melindungi kepentingan rakyat sejajar dengan konsep Rakyat Didahulukan Pencapaian Diutamakan.

Saya mengucapkan terima kasih dan tahniah kepada kementerian kerana membuktikan bahawa Gagasan 1Malaysia bukanlah slogan semata-mata tetapi adalah satu usaha yang berterusan untuk memberi kesejahteraan kepada semua rakyat Malaysia. Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana sesi ini adalah sesi terakhir saya sebelum meninggalkan Dewan Negara yang mulia ini, saya memohon izin akan diberi ruang yang secukupnya untuk membahaskan rang undang-undang ini sepanjang enam tahun perkhidmatan saya sebagai Ahli Dewan Negara.

Saya telah melihat sendiri bagaimana Kerajaan Persekutuan telah berusaha dengan bersungguh-sungguh melalui pembentangan berbagai-bagai akta-akta baru dan pindaan-pindaan kepada akta-akta lain, demi memastikan kesejahteraan rakyat tetap dipelihara dan kecekapan pentadbiran kerajaan dipertingkatkan.

■1800

Peruntukan undang-undang sentiasa dikaji dari semasa ke semasa supaya ianya relevan, berkesan dan selari dengan matlamat pembangunan negara. Saya berdoa ke hadrat Allah SWT agar Dewan Negara di bawah teraju Tuan Yang di-Pertua akan terus memainkan peranannya dengan berkesan demi untuk memastikan keamanan, kesejahteraan dan kestabilan negara kita yang tercinta ini, tanah tumpah darahku.

Tuan Yang di-Pertua, rang undang-undang ini dibentangkan bagi maksud untuk menggalakkan amalan perdagangan yang baik dengan melarang perihal dagangan palsu dan penyertaan pengendalian dan amalan palsu atau mengelirukan.

Selain daripada itu, matlamat rang undang-undang ini juga adalah untuk memantapkan keadaan pengawalseliaan dan penguatkuasaan amalan perdagangan di dalam Malaysia.

Saya ingin menarik perhatian kementerian kepada perihal dagangan palsu atau pengendalian dagangan palsu yang dijalankan melalui *internet*. Ini adalah kerana jumlah dagangan melalui *internet* ini telah meningkat dengan tinggi dan mendadak sejajar dengan keadaan masyarakat kita yang semakin celik IT. Saya ingin bertanya sama ada pihak kementerian mempunyai satu unit khas untuk memantau dagangan yang dijalankan melalui *internet* di mana terdapat iklan-iklan yang agak mengelirukan yang boleh memperdayakan pengguna. Kita difahamkan bahawa peruntukan rang undang-undang ini juga merangkumi transaksi perdagangan tanpa sempadan iaitu dagangan melalui *internet*. Soalan saya, apakah cabaran-cabaran yang dihadapi oleh kementerian di dalam mengawal selia dagangan palsu melalui *internet* dan apakah strategi kementerian untuk memastikan bahawa pengiklanan yang demikian tidak berleluasa.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh fasal 15 di dalam rang undang-undang ini menyentuh mengenai harga apa-apa barang atau perkhidmatan yang disebut di dalam iklan. Harga itu hendaklah memainkan melainkan jika ternyata sebaliknya disifatkan termasuk semua cukai dan duti kerajaan. Masalahnya masih banyak iklan menunjukkan sesuatu harga yang murah, tetapi di dalam *small print* menyebut bahawa ianya tertakluk kepada cukai dan duti kerajaan. Sebagai pengguna, kadang-kadang kita terlepas pandang. Meletakkan harga *small print* ini adalah pandangan kementerian mengenai hal yang sedemikian. Tidakkah pihak kementerian bercadang untuk memastikan bahawa harga yang dicetak itu mestilah harga yang sepenuhnya yang perlu dibayar oleh pengguna dan tidak dibenarkan sama sekali *small print* ini. Ini adalah kerana masih banyak syarikat-syarikat yang berselindung di sebalik keadaan yang meletakkan harga lain daripada harga sebenar.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh mengenai fasal 2 iaitu berkaitan tafsiran barang-barang. Mohon penjelasan, adakah barang-barang keperluan harian seperti makanan sama ada yang segar atau diproses, barang-barang kecantikan dan barang-barang keperluan bayi adalah tertakluk di dalam rang undang-undang ini.

Fasal 7(4) iaitu mengenai perihal dagangan palsu. Kita maklum bahawa rang undang-undang ini adalah akhirnya ingin memberi kelebihan kepada pengguna. Namun di bawah seksyen ini, saya mohon penjelasan bagaimanakah perihal sesuatu dagangan ini disahkan palsu? Mungkin bagi pihak kementerian mempunyai kaedah-kaedah tertentu untuk mengenal pastinya barang-barang tersebut.

Namun begitu, pihak pengguna sering kali tertipu oleh pihak penjual yang menjual barangan atau perkhidmatan palsu ini. Banyak contoh yang kita lihat sama ada barangan makanan, pakaian, alat-alat elektronik, produk kecantikan dan sebagainya telah di ciplak atau dipalsukan oleh penjual. Di keadaan ini pengguna-pengguna hanya tahu untuk membeli atau mereka tertipu apabila pihak berkuasa membuat penguatkuasaan atau keluar dengan berita-berita mengenai perkara ini. Justeru itu memohon penjelasan daripada pihak kementerian, aakah kaedah yang dilakukan oleh pihak kementerian bagi menyedarkan pihak pengguna bagi menghindari keadaan ini terutamanya kepada barang yang boleh memudaratkan kesihatan seperti barangan kesihatan dan produk-produk kecantikan untuk wanita-wanita muda dan wanita-wanita di pertengahan umur.

Saya ingin mencadangkan agar pihak kementerian menyediakan satu maklumat data lengkap mengenai maklumat terutamanya kandungan makanan dan standard keperluan selamat yang boleh diakses oleh pengguna agar perbandingan sama ada produk ini palsu atau tidak palsu boleh dilakukan supaya mereka tidak berterusan ditipu oleh ahli perniagaan.

Saya juga ingin menyentuh mengenai fasal 20 iaitu menyentuh palsu kenyataan palsu berhubung dengan peraduan, permainan dan sebagainya. Kita faham setengah-setengah peniaga atau penjual menggunakan pelbagai kreativiti dan kaedah bagi melariskan jualan barang atau perkhidmatan mereka. Sebagai contoh, pengeluaran barangan makanan ringan, makanan segera terutamanya untuk kanak-kanak, stesen minyak, produk kesihatan dan kecantikan dan lain-lain sentiasa mengadakan iklan-iklan yang menarik untuk meningkatkan penjualan mereka.

Kita faham iklan dan promosi ini penting, namun persoalannya di sini ada ketikanya iklan atau promosi yang dilakukan satu ketika atau mengelirukan seperti baru-baru ini iklan seperti ada minuman arak yang halal ataupun *bak kut teh* halal yang jelas mengelirukan pengguna terutamanya pengguna orang-orang Islam.

Begitu juga dengan iklan-iklan barangan permainan dengan makanan segera yang langsung tidak memberi manfaat kepada pengguna terutamanya kepada anak-anak kecil dan anak-anak sekolah rendah. Mohon penjelasan, bagaimanakah pihak Kementerian memantau isu ini dan selepas rang undang-undang ini diluluskan, apakah kaedah pemantauan yang akan dilaksanakan oleh pihak kerajaan bagi mengatasi isu pemalsuan iklan ini.

Saya ingin menyentuh perihal barangan yang didagangkan yang mengandungi bahan-bahan terlarang terutamanya berkenaan dengan penggunaan dadah. Walaupun terdapat Akta Dadah Berbahaya 1952, apakah jaminan kita bahawa barangan yang dikeluarkan itu tidak mengandungi *precautious* yang berkaitan dengan dadah. Terdapat barangan misalnya gam yang melibatkan tabii menghidu atau tabiat anak-anak muda yang menghidu yang suka sangat di mana gam tidak dapat dikelaskan sebagai dadah paling berbahaya dan barangan-barang terutamanya yang tertentu kerana gam adalah barangan di kategori sebagai peralatan di dalam industri.

■1810

Campuran-campuran tertentu mungkin digunakan sebagai bahan untuk memastikan bahawa dadah tersembunyi itu terus berkekalan di dalam barangan yang dijual oleh ahli perniagaan. Persoalannya ialah selama manakah kita harus disogok dengan barangan-barangan sedemikian apatah lagi jika ia merupakan barangan makanan untuk anak-anak kita dan keluarga kita. Kita tidak akan dapat lari daripada penyakit-penyakit yang didatangkan daripada kesan secara terus atau sampingan yang berlarutan bertahun-tahun kemudian. Apakah cara terbaik pihak Kementerian di dalam memastikan barangan ini tidak mengandungi dadah berbahaya dan apakah tindakan terhadap mereka yang mengeluarkan barangan yang menyebabkan kematian?

Jika diambil kira contoh susu yang tercemar dan pernah terjual dengan bahan melamin buatan China satu masa dahulu, kerajaan negara itu iaitu negara China menjatuhkan hukuman mati kepada tuan empunya susu itu. Apakah perkara ini perlu kita ambil kira untuk dijalankan di Malaysia demi keselamatan anak-anak kita dan generasi akan datang. Mana-mana pengeluaran barangan yang menyebabkan kematian, maka hukuman mati perlulah dikenakan kepada mereka kerana hukuman berbentuk kewangan memang mampu dilunaskan atau dibayar oleh pengilang-pengilang ataupun yang membuat barangan-barangan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyeru kepada pihak Kementerian berkenaan supaya sentiasa dapat memastikan bahawa pegawai penyemak atau pegawai penguat kuasa sentiasa berwaspada pada setiap masa dan laporan mengenai barangan yang sedemikian rupa hendaklah sentiasa diuar-uarkan kepada orang awam atau setiap masa di media tempatan atau gunakanlah hebahan melalui televisyen Malaysia semua *channel* yang penting untuk pengguna-pengguna yang menggunakan barang-barang tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak menyentuh sedikit berkenaan dengan isu yang hangat masa kini. Kita semua tahu kesenangan dan kemakmuran di dalam negara adalah dengan usaha dan kepintaran kepimpinan tetapi sayangnya pihak pembangkang masih lagi mencari-cari dan benda yang kecil diperbesarkan dan dituduh adu domba yang melampau batas. Kenapakah kita tidak menggunakan saluran yang sah dan yang betul di sisi undang-undang? Alangkah nikmatnya hidup ini kalaulah kita semua bertanggungjawab terutamanya Ahli-ahli Yang Berhormat sama-sama kita pikul bersama demi kepentingan negara. Berat sama kita pikul, ringan sama-samalah kita jinjing demi negara yang tercinta.

Satu perkara, sesiapa yang menang di dalam pilihan raya, dialah yang menjadi hero pemerintah. Terimalah kenyataan hidup ini, undang-undang negara. Hormatilah undang-undang negara kita yang kita sayangi. Kalau tengok pada tindakan, kata-kata dusta yang dipamerkan dan kelakuan sesetengah pemimpin, apatah lagi hendak kita jadikan pemimpin atau hendak jadikan contoh untuk generasi kepimpinan akan datang atau hendak dibuat contoh atau hendak dihormati oleh kepimpinan dunia.

Untuk anak-anak kita dan generasi yang akan datang, kebimbangan saya, anak-anak muda belia hari ini atau kepimpinan kita untuk menentukan negara kita cemerlang dan terus dihormati.

Buatkanlah kenyataan yang benar. Kenyataan yang membawa manfaat kepada negara. Buangkanlah rasa kemegahan, kekayaan, kesombongan, takbur, angkuh, mengikut bisikan syaitan dan iblis yang membisikkan manusia untuk memporak-perandakan perpaduan terutamanya perpaduan di kalangan orang-orang Islam. Sampai masa kita, bangsa-bangsa di dalam satu Malaysia akan dicabar dan diporak-perandakan perpaduan di kalangan kita. Biarlah mereka yang segelintir ini merosakkan kemakmuran dan keharmonian. Ingatlah apabila Melayu bangun, kita kebimbangan akan jadi porak-peranda perpaduan di kalangan kita. Hanyalah undang-undang negara sahaja yang dapat menyelamatkan kita semua. Kalau ikut peraturan dan kemanusiaan, jangan ragu-ragu demi bangsa 1Malaysia. Sebagai rakyat Malaysia yang cintakan bangsa dan kemakmuran negara, saya merayu kepada Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri bertindaklah setegas-tegasnya kepada mereka yang menjadi petualang bangsa, tali barut musuh negara, pemecah perpaduan, adu domba dan fitnah pengacau keharmonian negara. Tangkap dan sumbatkanlah mereka di dalam jail atau di bawah ISA.

Jangan ada tolak ansur dengan mereka ini yang sengaja mencari pasal ataupun hendak menjadi hero bangsa dan agama. Saya memohon kepimpinan negara Malaysia, jangan sekali-kali memandang remeh di dalam perkara ini. Kehancuran bangsa menakutkan kita dan generasi akan datang, *nauzubillah*. Jangan terjadi di dalam kehidupan kita dan kehidupan anak cucu kita akan datang. Saya menyeru kepada semua terutama di dalam Dewan ini dan di luar sana sedarlah diri bahawa kita semua bukan lama di muka bumi ini. Hanya sekejap sahaja. Masanya cukup pendek di dunia ini dan di akhirat cukup lama kita diami. Alangkah baiknya kita yang masih ada peluang hidup dengan penuh kasih sayang di dalam negeri dan negara yang damai harmoni. Bahagiakanlah keluarga, jiran tetangga, negeri dan negara.

Alangkah bahagiannya kita hidup dengan tiada buruk sangka di antara kita. Semua bangsa, semua agama. Alangkah bahagiannya, damainya, tenteramnya dan tenangnya kita duduk dan hidup di dalam pelukan kasih sayang Allah. Masing-masing tolong-menolong di antara satu dengan lain. Dengan muka yang ceria, bebas ke sana ke sini tanpa ada gangguan penjahat, petualang yang mengganggu keharmonian dan kedamaian hidup di dalam negara Malaysia yang kita cintai.

Sesiapa yang jujur dan ikhlas di dalam perjuangan yang baik, yang takutkan seksa Allah SWT, *insya-Allah* satu masa dan ketika mereka akan diangkat oleh Allah. Percayalah Allah itu maha besar, maha berkuasa dan maha mengetahui apa yang kita buat.

■1820

Apa hamba-Nya buat, walau di mana sahaja kita berada. Saya harap, saya berharap sangat supaya anak-anak kita, bangsa negeri dan negara kita akan cemerlang dan terus cemerlang dengan bangsa Malaysia tak kira keturunan, kaya miskin, kita adalah sama. Siapalah kita di sisi Allah SWT. Apalah ada pada nama yang bersih, kita letakkan nama bersih, yang kita letak jenama yang tidak melambangkan rupa sebenar. Kita mahu mengaku bersih tetapi lihatlah tindakan kita yang mengaku bersih. Fikirlah dengan mata hati yang penuh keimanan. Sebagai orang Islam yang bertakwa dan beragama, janganlah berkompromi dengan mereka-mereka ini. Saya berdoa mudah-mudahan dimasukkan iman diadili diri kita, muhasabah diri kita. Malulah pada anak-anak yang melihat telatah kita sebagai pemimpin. Kita semua adalah cermin-cermin mereka. Anak-anak muda kecil yang bakal menjadi pemimpin masa hadapan negara menuju ke Wawasan 2020. Mereka berdepan dengan cabaran teknologi moden, langit yang terbuka tanpa sempadan.

Sepatutnya kitalah yang menyediakan tunjang yang kuat, kukuh diiringi dengan kepintaran khazanah bioteknologi yang lebih canggih kepada mereka dan generasi yang akan datang supaya kita dapat bersaing dengan negara-negara yang lebih besar. Bagaimanakah kepimpinan datuk nenek kita yang meninggalkan kepada kita semua hidup harmoni damai seperti hari ini. Fikirkanlah, jangan ikut bisikan syaitan yang menyesatkan kita. Di manakah ayat-ayat al-Quran yang kita amalkan, yang kita baca.

Di manakah sembahyang dan amalan baik yang ibu bapa dan datuk nenek kita ajar dan peninggalan mereka, menyedihkan. Satu madah untuk saya sebagai kenangan,

*Kalau hatimu sejernih air,
jangan biarkan ia keruh,
Kalau hatimu seputih awan,
jangan biarkan ini mendung,
Kalau hatimu secantik kilauan bintang zarah,
jangan biarkan ia malap,
Kalau wajahmu secantik bunga mawar putih,
jangan biarkan ia layu sebelum dipetik.*

Betul kata nyanyian arwah Tan Sri P.Ramlee, “*Demi bangsa, demi negara, berkorban apa sahaja, harta atau nyawa, itulah kasih mesra, sehati dan sejiwa. Kepentingan sendiri kita tidak pun diingini, bahagialah negeri dan negara sejati yang kita hajati*”. Saya memohon maaf kepada semua Ahli-ahli Dewan Negara terutamanya sepanjang pergaulan kita enam tahun berlalu, hubungan baik, tegur-menegur demi akta negara yang terbaik kita inginkan.

Kita Ahli Dewan Negara, masing-masing kepakaran, kematangan tersendiri. Ahli-ahli Dewan Negara dengan bimbingan Tuan Yang di-Pertua dan Timbalan Yang di-Pertua yang kita sayangi terutamanya. Saya merasa saya bertuah mendapat Tuan Yang di-Pertua dan Timbalan Yang di-Pertua yang bijaksana, sabar, tekun, sentiasa tersenyum... [Tepuk]

Tuan Yang di-Pertua: [Ketawa] Takkan saya seorang sahaja kan?

Datuk Hajah Wan Hazani binti Haji Wan Mohd. Nor: Jutaan terima kasih kepada Setiausaha, jutaan terima kasih kepada Datuk Setiausaha dan pegawai-pegawai, terima kasih kepada pegawai-pegawai, bentara-bentara di dalam Dewan, di luar Dewan dan anak-anak yang melayan kita di kantin dan terima kasih kepada Datuk Ketua Setiausaha dan Datuk Setiausaha, KP, pegawai-pegawai tinggi dan semua kakitangan, Menteri-menteri yang bertanggungjawab di Parlimen, Dato' Seri Nazri. Terima kasih kepada Tan Sri, terima kasih kepada Dato' Sri Perdana Menteri, terima kasih kepada Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri dan Menteri-Menteri, timbalan-timbalan, setiausaha dan semua kementerian yang terlibat secara langsung dan tidak langsung. Jutaan terima kasih kepada bekas Perdana Menteri, Tun Abdullah Ahmad Badawi dan junjung kasih saya yang tidak terhingga kerana memberi penghargaan dan kehormatan, pengorbanan perkhidmatan kami sebagai orang politik, sebagai hamba rakyat biasa dihargai.

Terima kasih. Kenanglah daku dalam doamu. Salam kasih, salam sayang daripada keluarga saya dan seluruh keluarga. Sekian. *Wabillahi taufik walhidayah, assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh*. Saya ingin menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: *Walaikumsalam warahmatullaahi wabarakaatuh*. Yang Berhormat, yang membuatkan agaknya bila Yang Berhormat bercakap macam ini, hai! Saya rasa agaknya, *this is not the end of the world* dengan izin Yang Berhormat. Yang Berhormat sebagai pejuang yang telah lama berjuang, semangat juang akan teruskan sama ada kita berada dalam Dewan ini ataupun di luar Dewan. Masa masih jauh lagi dan perjuangan kita belum selesai Yang Berhormat. Teruskan perjuangan dan seterusnya – Yang Berhormat belum sampai masa lagi, agaknya masih ada masa lagi.

Sekarang ini saya teruskan menjemput Yang Berhormat Puan Doris Sophia ak Brodi, silakan.

6.28 ptg.

Puan Doris Sophia ak Brodi: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi saya peluang sebagai orang ketiga untuk membahaskan Rang Undang-undang Perihal Dagangan 2011.

Tuan Yang di-Pertua, seperti rakan-rakan saya yang telah dulu berhujah, saya juga melihat rang undang-undang ini lebih ke arah untuk menggalakkan amalan perdagangan yang terbuka dan berkonsepkan pasaran terbuka dengan hasrat untuk mengekang urusan jual beli yang terdedah kepada penipuan, penyeludupan, ketidakseimbangan daripada segi harga atau maklumat yang mengelirukan pengguna, daripada segi kualiti nilai barangan dan perkhidmatan.

Saya percaya ini semua dilakukan oleh kementerian demi menjaga kepentingan pengguna. Saya juga melihat rang undang-undang ini sebagai suatu langkah yang proaktif dan berkesan oleh pihak kementerian untuk melindungi para pengguna dan mengawal sektor dagangan barangan pengguna yang kerap kali di manipulasi serta penyediaan maklumat salah dan tidak tepat kepada para pengguna keseluruhannya.

Harapan saya Tuan Yang di-Pertua, dengan adanya undang-undang ini, kepentingan pengguna akan lebih terjamin dan diharap dapat mengurangkan insiden pengguna tertipu dalam urusan transaksi pembelian barangan dan perkhidmatan. Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengetengahkan isu-isu di peringkat dasar seperti isu bekalan petrol dan ketidakseimbangan harga serta rebat kenderaan bermotor. Izinkan saya menyentuh isu berkaitan yang berlaku di negeri saya, Sarawak. Tuan Yang di-Pertua, saya terpanggil untuk menyentuh isu seperti ketidakstabilan harga minyak petrol dan diesel yang sering kali membelenggu rakyat Sarawak khususnya di pedalaman dan kawasan yang sukar dihubungi dengan jalan darat.

■1830

Saya melihat masalah yang dihadapi penduduk di kawasan pedalaman Sarawak ekoran ketidaktentuan harga minyak dan kenaikan tarif elektrik cukup memeritkan. Saya percaya ramai tidak menyedari masalah yang dihadapi kerana kampung dan penempatan penduduk ini jauh dan kurang terdedah hinggalah saya percaya wakil kementerian dan agensi berkaitan susah melawati untuk tujuan memberi kebajikan atau memantau isu yang boleh diselesaikan.

Tuan Yang di-Pertua sebenarnya inilah keluh kesah yang sering saya dengar jika berkunjung ke daerah-daerah ataupun tempat-tempat ini. Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana kekurangan atau ketiadaan jalan raya, pengangkutan utama penduduk ke bandar terutama sekali— pengangkutan utama penduduk ke bandar hanyalah menggunakan sampan dan bot, terutama sekali sepanjang batang Sungai Igan di Sibu.

Saya berpendapat mungkin ramai yang sedia maklum enjin bot menggunakan bahan api sekali ganda lebih kuat berbanding enjin kereta atau motosikal. Apa yang pasti kesan kenaikan harga minyak dan barangan harian membebaskan penduduk yang bergantung kepada enjin bot untuk bergerak. Oleh itu Tuan Yang di-Pertua saya amat mengalu-alukan langkah kerajaan dalam bajet lalu di mana setiap pemilik kereta dan motosikal diberi rebat tunai apabila mereka membayar cukai jalan.

Tuan Yang di-Pertua saya berpandangan bagi kenderaan berenjin di sungai seperti perahu dan bot yang kerap digunakan penduduk pedalaman Sarawak sudah tentunya tidak ada cukai sungai. Jadi tentunya golongan ini tidak layak menerima kemudahan yang disediakan sekali gus ini memang membebaskan mereka. Saya juga difahamkan mereka ini juga membeli minyak setiap hari.

Dan saya berharap kerajaan mengkaji semula pemberian rebat tunai ini kerana sebagai contoh ada lebih 5,000 penduduk tinggal di sepanjang batang Sungai Igan di Sibu yang tidak menerima kemudahan jalan raya, sebaliknya menggunakan sungai untuk bergerak. Saya harap pihak kementerian boleh memberi pertimbangan yang sewajarnya pada mereka ini.

Tuan Yang di-Pertua seterusnya berkenaan dengan isu harga bekalan elektrik yang tinggi. Di sini saya ingin menyentuh isu bantuan bekalan elektrik bagi kawasan pedalaman yang selama ini bergantung pada sistem generator. Ini terutama sekali semasa menerangi suasana malam. Saya ingin memberi contoh di sini ketiadaan bekalan elektrik juga memaksa penduduk di perkampungan seperti sepanjang batang Sungai Igan di Sibu menggunakan generator untuk menghidupkan lampu, menonton TV dan mendengar radio. Generator dihidupkan dalam tempoh kurang lebih empat jam iaitu dari jam kurang lebih daripada pukul tujuh malam hingga pukul 11 malam. Akan tetapi kalau ada keramaian generator dihidupkan lebih masa.

Tuan Yang di-Pertua setiap bulan saya difahamkan mereka membelanjakan RM300 hingga RM400 semata-mata untuk mendapatkan bahan api untuk menghidupkan generator. Selama ini mungkin ada di antara kita yang tidak sedar bahawa masih ada masyarakat negara ini yang menggunakan bot sebagai pengangkutan utama dan bergantung kepada generator untuk mendapatkan tenaga elektrik. Jadi saya harap dengan adanya rang undang-undang ini nanti masalah ini nanti akan dapat ditangani.

Tuan Yang di-Pertua isu penyeludupan diesel dan kaitannya dengan isu gengsterisme juga menjadi-jadi di Bumi Kenyalang ini. Menurut rekod Polis Diraja Malaysia (PDRM) kumpulan gengster dikatakan menguasai beberapa aktiviti perniagaan dari sektor pembalakan hinggalah ke penjualan getah serta penyeludupan diesel subsidi di Sarawak.

Oleh yang demikian saya ingin mengetahui sejauh manakah pemantauan oleh pihak penguatkuasaan kementerian dengan kerjasama PDRM ke atas aktiviti penyeludupan ini setakat ini. Walaupun jumlahnya sudah menurun seperti yang dilaporkan oleh kementerian dan PDRM saya sedar aktiviti ini masih berleluasa.

Tuan Yang di-Pertua, juga ingin saya ketengahkan ialah isu ketidakseimbangan harga barang dan perkhidmatan di Sarawak. Di Sarawak sendiri terdapat jurang perbezaan harga di antara bandar dan luar bandar serta daerah pedalaman. Saya ambil contoh perbezaan harga barang-barang di luar bandar dan daerah pedalaman memang mahal berbanding di bandar raya seperti di Miri dan Bintulu.

Namun itulah realiti perbandingan harga yang dicatat di sebuah kedai di Long Merkaba iaitu tempat penduduk tempatan dari Ba Purau dan Long Jekitan membeli keperluan harian mereka. Peruntukan kerajaan sebanyak RM69 juta bagi melaksanakan program penyeragaman harga barang perlu gas, petroleum cecair ataupun LPG dan bahan bakar untuk faedah rakyat di pedalaman negeri ini seolah-olah tidak sampai ke kawasan tersebut ataupun ke kawasan-kawasan luar bandar yang mengalami nasib yang sama.

Persoalannya Tuan Yang di-Pertua mengapakah ini boleh berlaku. Saya menggesa agar penguat kuasa dari pihak kementerian berkenaan menyiasatlah perkara ini. Menurut laporan juga kenaikan harga yang mahal itu dikenakan kerana peniaga kecil sendiri terpaksa membeli dan mengangkut barang-barang tersebut dari Bintulu. Maka berlakulah *cost transfer*, dengan izin, antara pengilang, pembekal dan peruncit dengan *cost of transportation*, dengan izin, dijadikan alasan barangan di daerah pedalaman dijual mahal.

Seterusnya Bahagian VII, di sini saya ingin menyentuh isu siasatan pemantauan dan juga penguatkuasaan. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengulas keberkesanan operasi yang dijalankan oleh kementerian dalam usaha menumpaskan penjualan dan penyeludupan diesel di Sarawak dan begitu juga dengan penyeludupan gas ke negara jiran Indonesia.

Soalannya sejauh manakah pihak kementerian bercadang untuk meningkatkan usaha risikan dan penguatkuasaan bagi menangani isu penyelewengan diesel subsidi di negeri Sarawak yang disifatkan semakin serius. Menyentuh isu penyeludupan diesel dan gas, bahan-bahan tersebut adalah bahan-bahan yang diberi subsidi oleh kerajaan. Saya Tuan Yang di-Pertua melihat perbuatan yang terkutuk ini sebagai *total abused of our subsidies scheme* dengan izin, dan betul-betul tidak adil kepada rakyat dan Kerajaan Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua bagi memberi peluang dan ruang kepada rakan-rakan yang lain yang mahu mengambil bahagian dalam membahaskan rang undang-undang ini maka setakat ini sahajalah hujah-hujah saya. Saya mohon menyokong. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Saya persilakan Yang Berhormat Puan Hajah Zainun A. Bakar.

6.38 ptg.

Puan Hajah Zainun binti A. Bakar: *Bismillaahi Rahmaani Rahiim. Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh.* Salam sejahtera dan Salam 1Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, saya terlebih dahulu mengucapkan terima kasih kerana turut dibenarkan – diberi kesempatan untuk membahaskan Rang Undang-undang Perihal Dagangan 2011. Saya ingin mengucapkan tahniah kepada kerajaan yang memperkenalkan rang undang-undang khususnya bagi memastikan negara kita tidak menjadi barangan ASPA atau asli tapi palsu.

Sejak sedekad lalu negara-negara Asia Tenggara seperti Thailand, Vietnam dan Indonesia termasuklah negara kita telah menjadi negara lambakan barangan berjenama akan tetapi palsu. Barangan berjenama tetapi palsu ini meliputi kasut, baju, beg tangan, tali pinggang, minyak wangi, beg pakaian, jam tangan dan lain-lain seperti jenama Polo, Prada, Dunhill, Channel, Coach dan sebagainya malah termasuk Jimmy Choo.

Harga yang ditawarkan amat rendah, serendah RM50 berbanding dengan barangan asli yang berharga ratusan dan mencapai ribuan ringgit. Ramai pengguna yang terpengaruh untuk membeli barangan berjenama walaupun menyedari ianya barangan palsu.

■1840

Akibatnya ramai pengguna yang tertipu kerana terbeli barangan palsu kerana barangan berjenama palsu ini antaranya ada yang 99 peratus betul dari segi *design* tetapi menggunakan bahan yang rendah mutunya. Asia Tenggara juga khususnya Thailand dan Vietnam menjadi negara pengeluar utama barangan berjenama palsu kerana upah buruh yang murah menyebabkan kos pengeluaran yang rendah berbanding negara ASEAN lainnya. Selain itu, banyak syarikat memberikan kebenaran *under license* kepada pengeluar-pengeluar di negara ini. Pengeluaran barang jenama palsu ini tidak disekat kerana membuka peluang pekerjaan di negara-negara ini. Barangan ini sebahagian besarnya dieksport ke Malaysia, Indonesia dan Singapura.

Saya ingin menyentuh seksyen 5(1) yang jelas menyatakan menjadi kesalahan bagi individu atau perbadanan yang menggunakan, membekal, menawarkan atau memiliki barangan yang palsu. Saya ingin memuji langkah kerajaan yang mengenakan denda yang sesuai iaitu bagi individu didenda RM100,000 atau penjara tiga tahun dan jika perbadanan didenda RM250,000. Saya ingin mencadangkan agar individu yang menjadi pengurus, pemilik, dan pekerja perbadanan turut dikenakan denda dan penjara.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya ingin menyentuh seksyen 7(2) yang menyentuh barangan walaupun tidak palsu tetapi mengelirukan dari segi jenis dan nama kandungan, standard ketulenan dan sebagainya sebagaimana yang dinyatakan dalam seksyen 6(1). Saya menyentuh kedua-sua seksyen ini khususnya dari segi ubat-ubatan, makanan, dan kosmetik. Walaupun ubat-ubatan atau makanan kesihatan tidak palsu tetapi iklan barangan ini amat mengelirukan seperti dapat menyembuhkan kencing manis, darah tinggi, mengurangkan kegemukan, menguatkan tenaga batin, dan sebagainya, sedangkan tiada ujian klinikal terhadap produk-produk ini.

Saya ingin mendapat penjelasan kerajaan, adakah kerajaan bercadang mengenakan syarat-syarat supaya barangan ini diwajibkan melalui ujian klinikal dan kelulusan Kementerian Kesihatan Malaysia sebelum dibenarkan diedarkan dan dipasarkan? Bagi barangan yang diimport, apakah langkah kerajaan bagi memastikan barangan yang diimport itu tulen dan tidak palsu? Saya ingin mendapat penjelasan kerajaan, apakah langkah kerajaan bagi menangani barang palsu atau barangan yang mengelirukan ini khususnya bagi menjaga kepentingan pengguna?

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh seksyen 11(3) berhubung dengan iklan yang disiarkan dari segi bentuk dan kandungan iklan barangan di media seperti surat khabar, majalah, televisyen, *internet* sebagaimana yang kawan-kawan saya katakan tadi, akhirnya didapati adalah palsu atau mengelirukan. Malah, iklan-iklan ini disiarkan secara meluas dan menggunakan artis sebagai duta barangan.

Saya ingin mendapat penjelasan kerajaan, apakah langkah kerajaan bagi memastikan barangan yang diiklankan adalah barangan yang tulen serta memberi manfaat kepada pengguna?

Sehubung dengan itu, saya ingin menyentuh seksyen 15 yang mewajibkan iklan harga barangan dan perkhidmatan hendaklah termasuk semua cukai dan duti kerajaan dan apa-apa caj lain. Sering kali harga barangan yang ditawarkan khususnya melalui iklan tidak termasuk bayaran cukai, duti kerajaan, dan lain-lain caj menyebabkan pengguna terpaksa membayar 15 peratus lebih daripada harga asal. Ada juga didapati syarikat yang mengenakan cukai perkhidmatan dan cukai kerajaan tetapi sebenarnya tidak menyerahkan cukai-cukai ini kepada kerajaan. Apakah langkah kerajaan bagi memastikan syarikat-syarikat ini menyerahkan kutipan cukai kepada kerajaan?

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya saya ingin menyentuh tentang Bahagian VII berhubung dengan penyiasatan dan penguatkuasaan berhubung dengan Akta Perihal Dagangan ini yang terkandung dalam seksyen 30 hingga 55 bagi memastikan tindakan yang wajar dan lebih berkesan kerana iklan yang tidak benar seperti iklan jualan murah yang didapati tidak benar atau mengelirukan dan juga produk-produk palsu. Saya ingin membangkitkan tentang seksyen 42 iaitu berhubung kuasa memasuki dan menggeledah serta menyita tanpa waran. Saya ingin mendapatkan penjelasan kerajaan, sejauh manakah seksyen 42 akan dipraktikkan dalam tindakan penguatkuasaan?

Sekian, terima kasih. Saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Saya persilakan Yang Berhormat Dato' Haji Abdul Rahim.

6.46 ptg.

Dato' Haji Abdul Rahim bin Haji Abdul Rahman: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, di atas kesempatan untuk saya bersama-sama membahaskan Rang Undang-undang Perihal Dagangan 2011. Terlebih dahulu saya mengucapkan tahniah kepada Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi, dan Kepenggunaan di atas inisiatif yang telah diambil untuk menggubal undang-undang ini bagi memastikan supaya perdagangan di negara ini berjalan dengan tulus untuk kepentingan pengguna.

Saya ada dua perkara spesifik untuk komen. Pertama, dalam perihal dagangan, akta ini- selain daripada barang, ianya juga merangkumi perkhidmatan dan ini termasuklah perkhidmatan profesional.

Tuan Yang di-Pertua, seperti yang kita tahu, tiap-tiap badan profesional di negara ini telah ada lembaga atau pun badan profesional masing-masing yang menentukan kaedah-kaedah kerja masing-masing. Misalannya dalam profesion juruukur ada pertubuhan atau lembaga juruukur, dalam profesion arkitek ada pertubuhan arkitek yang masing-masing mempunyai undang-undang berhubung dengan cara kerja profesion ini.

Persoalannya, apakah yang akan terjadi jika syarat-syarat dan undang-undang pertubuhan profesion ini bercanggah dengan syarat-syarat yang ditentukan dalam undang-undang perdagangan yang kita bincang? Undang-undang manakah yang kita hendak pakai? Misalannya, angka denda yang berlainan dalam satu-satu kesalahan perilaku. Saya berharap perkara ini telah pun diteliti dan saya minta penerangan daripada Yang Berhormat Menteri.

Kedua ialah berhubung dengan denda yang dikenakan ke atas kesalahan yang dilakukan di bawah akta ini. Dalam akta ini, kesalahan yang dilakukan oleh satu pertubuhan berlainan dengan kesalahan yang dilakukan oleh individu. Misalannya, di bawah seksyen 8, denda yang dikenakan kepada pertubuhan ialah denda dengan tidak melebihi RM15,000, tetapi seorang individu di didenda tidak melebihi RM10,000 tetapi boleh dipenjarakan selama tiga tahun.

Untuk pengetahuan Yang Berhormat Menteri, dalam menjalankan satu-satu kerja profesion, ada syarikat-syarikat profesional sendirian berhad yang dibentuk. Jika kesalahan dibuat berdasarkan keputusan yang dibuat oleh dua, tiga atau empat lembaga pengarah, saya fikir jika seseorang individu boleh dipenjarakan, ahli-ahli lembaga pengarah syarikat profesion itu pun sepatutnya boleh dipenjarakan juga kerana merekalah yang membuat keputusan yang menjadikan salah lakunya satu-satu kerja.

Itu sahaja komen saya dan saya berharap mendapat penerangan daripada Yang Berhormat Menteri. Terima kasih.

■1850

Tuan Yang di-Pertua: Bagus Yang Berhormat, sungguhpun pendek tetapi ada inti pati yang sangat penting... [Tepuk] Seterusnya saya mempersilakan Yang Berhormat Datuk Paul Kong Sing Chu.

6.50 ptg.

Datuk Paul Kong Sing Chu: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk menyatakan penghargaan saya kerana diberi peluang untuk membahaskan Rang Undang-undang Perihal Dagangan 2011. Pertama sekali, saya ingin menyatakan bahawa tiada perkataan yang lebih sesuai selain daripada mustahak untuk menghuraikan betapa pentingnya rang undang-undang ini dari segi ekonomi dan sosial untuk pembangunan negara kita. Saya mesti memuji kementerian dan pihak yang berkenaan untuk inisiatif dan usaha yang diambil untuk menyediakan rang undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun nama Rang Undang-undang Perihal Dagangan berbunyi agak teknikal dan tidak signifikan dari sebutan tetapi kita harus tahu inti pati dan semangat asal dari mana rang undang-undang ini ditubuhkan iaitu semangat mulia yang memastikan perlindungan yang berkesan bagi para pengguna di negara serta pelancong akan hak-hak serta kebajikan mereka di depan ahli peruncit dan peniaga. Pada masa yang sama, dengan pengembangan pesat dalam pelbagai jenis produk baru, pengiklanan inovatif serta pemasaran saluran yang sesuai mesti disediakan untuk kehadiran mereka di pasaran.

Tuan Yang di-Pertua, kepentingan rang undang-undang ini tidak boleh dipandang remeh terutamanya dalam konteks Malaysia di mana etnik budaya dan kepelbagaian merupakan satu daripada sebab utama tarikan pelancongan. Walaupun ia merupakan satu keajaiban tetapi kita harus akui bahawa dalam pasaran akan wujudnya keadaan di mana peniaga-peniaga tidak jujur yang akan mengamalkan amalan perdagangan yang tidak adil dengan helah serta penipuan dalam menjalankan perniagaan untuk memanfaatkan mereka sendiri. Ini bukan sahaja akan menyebabkan kemerosotan hak-hak pengguna dan kebajikan rakyat di mana kita diamanahkan untuk melindungi serta mendahului tetapi juga reputasi negara sebagai satu destinasi pelancongan yang terutama yang pasarannya sebesar RM56 bilion. Kesan kemerosotan ini terlalu dahsyat untuk diabaikan.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman, menurut banci terbaru terdapat 281,721 buah perusahaan yang terlibat dalam perdagangan edaran di Malaysia di mana 39,056 buah didaftarkan sebagai perusahaan borong, 199,260 buah didaftarkan sebagai perusahaan runcit dan 43,396 buah didaftarkan sebagai pengedar kenderaan.

Seterusnya, bagi tempoh tahun 2007 hingga 2010, terdapat 2,526,291 pemeriksaan dijalankan pada pengusaha perniagaan. Bagi tempoh yang sama ada dari pemeriksaan yang dijalankan oleh pihak berkuasa, sebanyak 3,631 dakwaan difailkan ke atas peniaga-peniaga yang tidak jujur dan 531 dari dakwaan ini difailkan pada tahun 2010. Pada tahun yang sama, 405 dakwaan telah diselesaikan.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun angka-angka ini yang didapati dari agensi-agensis penguatkuasaan agak membimbangkan tetapi kluatirnya bahawa angka-angka ini bukanlah angka keseluruhan di negara. Bagi tempoh yang sama, Tribunal Tuntutan Pengguna telah menerima 27,139 aduan daripada para pengguna terhadap peniaga-peniaga. Sejumlah 5,107 aduan ini adalah difailkan pada tahun 2010. Dari jumlah aduan yang difailkan, 14,353 aduan adalah berhubung dengan barangan dan 12,786 aduan adalah berhubung dengan perkhidmatan.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa dari angka-angka ini kita boleh mengatakan bahawa usaha-usaha perlu dipertingkatkan untuk memastikan sifat tidak bertanggungjawab para peniaga ini perlu dikawal untuk kepentingan dan kebajikan pengguna yang mudah terdedah kepada penyelewengan.

Tuan Yang di-Pertua, seperti yang difahami, rang undang-undang ini adalah bertujuan untuk menggantikan Akta Perihal Dagangan 1972 di mana perlindungan sebelum ini adalah tidak mencukupi dalam menangani amalan penyelewengan oleh peniaga yang tidak jujur. Justeru, dalam usaha untuk menggugurkan perlindungan pengguna, peruntukan khusus untuk cabutan bertuah atau gores yang palsu yang juga dikenali sebagai peraduan palsu juga telah dimasukkan dalam rang undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, peraduan palsu telah lama dalam masyarakat di mana rakyat ditipu dengan wang simpanan mereka oleh orang lain dengan alasan sudah memenangi peraduan. Bagi tempoh tahun 2007 hingga tahun 2010 sahaja, terdapat 3,994 kes peraduan palsu dilaporkan. Kejadian ini harus ditangani sekeras-kerasnya kerana penjenayah-penjenayah ini menipu mangsa dan wang simpanan mereka. Kebanyakan daripada mangsa itu adalah golongan orang tua dan wang simpanan yang ditipu adalah sepatutnya menyokong persaraan mereka. Pengenalan rang undang-undang ini akan memastikan penjenayah-penjenayah akan dikenakan hukuman berat.

Tuan Yang di-Pertua, rang undang-undang ini juga menyediakan peruntukan khusus untuk menangani pelanggaran hakcipta serta cetak rompak yang merupakan salah satu isu penting dalam pembangunan negara dari segi ekonomi serta sosial. Pelanggaran hak cipta serta cetak rompak adalah masalah yang serius yang bukan sahaja menyebabkan usahawan dalam perniagaan antarabangsa yang bergantung kepada hak cipta berasa ragu-ragu untuk melaporkan di Malaysia. Akan tetapi juga menafikan bakat tempatan kami ganjaran yang sepatutnya untuk kreativiti dan inovasi mereka.

■ 1900

Tuan Yang di-Pertua, yang lebih serius ialah cetak rompak ini akan melemahkan semangat dan usaha kreativiti di kalangan rakyat di mana mereka rasa bahawa ganjaran untuk harta intelektual mereka akan dirompak oleh cetak rompak dan ganjaran untuk usaha mereka akan diabaikan.

Pada tahun 2010, jumlah barangan yang dirampas melibatkan pelanggaran hak cipta serta cetak rompak melebihi RM13.7 juta dengan 1,378 kes dilaporkan. Pengenalan rang undang-undang ini akan menyediakan pihak berkuasa dengan lebih kuasa untuk memastikan perhitungan harta intelektual yang lebih berkesan. Tuan Yang di-Pertua, selepas meneliti rang undang-undang ini saya memahami bahawa isu asas dakwaan perihal dagangan palsu ini pada hal yang palsu atau mengelirukan pengguna hingga tahap yang tertentu.

Definisi agar terus terang dan sepatutnya sudah menepati tujuannya tetapi saya ingin mencadangkan bahawa definisi juga patut merangkumi maklumat tidak lengkap. Mengapa khususnya langkah ini kerana saya percaya bahawa ini adalah sebab utama bagi peniaga yang tidak jujur untuk berkemampuan menjalankan amalan perdagangan yang tidak adil dan menahan maklumat tertentu yang mungkin berkaitan pada masa kan datang atau yang sepatutnya dimaklumkan pada pengguna.

Tuan Yang di-Pertua, hal ini adalah betul terutamanya apabila produk atau perkhidmatan yang dilangani ialah melalui perjanjian lisan, produk atau perkhidmatan yang memerlukan perkhidmatan dengan izin, *after sale* atau aksesori tambahan yang penting bagi fungsi produk seperti kenderaan automotif, barangan elektrik atau perkhidmatan teknikal.

Dengan memerlukan maklumat lengkap sebagai satu daripada kriteria untuk perihal dagangan, peniaga perlu memastikan pengguna dimaklumkan mengenai semua maklumat yang berkaitan malah dinasihatkan maklumat tambahan dicatat pada kertas atau invois supaya pengguna dapat membuat pilihan yang bijak, berkesan dan kepentingannya serta kebajikan mereka dapat dilindungi.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi isu yang saya ingin bangkitkan ialah untuk membuktikan sama ada bersalah atau tidak pada sub suatu kesalahan yang bercanggah dengan rang undang-undang adalah pada defendan.

Pada pendapat saya, peruntukan tanggungjawab untuk membuktikan bahawa defendan bersalah atau tidak dengan kesalahan yang dicatat dalam rang undang-undang akan memberi peluang kepada peniaga-peniaga yang tidak jujur untuk melepaskan diri. Peniaga hanya perlu membuktikan bahawa maklumat yang telah diberikan oleh mereka kepada peniaga adalah mencukupi untuk membuat keputusan bahawa maklumat yang diberikan ada cukup tetapi penerima maklumat iaitu pengguna yang tersalah faham tentang maklumat yang diberikan.

Selain itu, defendan juga boleh menyatakan bahawa keadaan minda mereka terganggu lalu menyebabkan ganggu kepada pertimbangan mereka. Justeru menyebabkan maklumat diberi palsu dan mengelirukan. Dari contoh yang dibangkitkan saya percaya terdapat banyak peluang untuk peniaga-peniaga yang tidak jujur untuk melepaskan diri dari hukuman mereka yang sepatutnya jika *honour* untuk membuktikan sama ada tidak bersalah adalah pada mereka. Sebaliknya, saya ingin mencadangkan yang *honour* untuk membuktikan bahawa defendan bersalah jatuh pada pihak pendakwa.

Berdasarkan pendapat saya adalah kemukakan saya berharap Kementerian akan mengambil pertimbangan terhadap perkara yang saya telah sebutkan tadi kerana ia melibatkan perlindungan hak pengguna serta kebajikan rakyat di mana kita di amanah untuk melindungi. Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk menyatakan sokongan kepada rang undang-undang dan terima kasih kepada Kementerian untuk usaha mereka dalam penyediaan. Saya mohon menyokong. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Banyak ada peningkatan nampaknya. Teruslah Yang Berhormat berusaha. Seterusnya, saya mempersilakan Yang Berhormat Dato' Dr. Johari bin Mat. Ini Ahli Yang Berhormat yang baru sahaja dilantik pagi ini kita hendak dengarlah Yang Berhormat Dato' Dr. Johari bin Mat kita berbahas. Dipersilakan Yang Berhormat.

7.06 mlm.

Dato' Dr. Johari bin Mat: *Bismillaahi Rahmaani Rahiim. Assalammualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Buat pertama kalinya saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua telah memberi peluang kepada saya untuk bersama membincangkan dan membahaskan rang undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua: Tentu sekali Yang Berhormat, sama juga.

Dato' Dr. Johari bin Mat: Ya.

Tuan Yang di-Pertua: Kalau baru lantik pun begitu juga, sama sahaja. Teruskan.

Dato' Dr. Johari bin Mat: Dalam kesempatan ini saya ingin mengucap terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri Besar Kelantan yang telah dan juga Dewan Undangan Negeri Kelantan dan juga Parti Islam Malaysia yang telah memilih saya untuk menjadi Ahli Dewan Negara.

Tuan Yang di-Pertua, rang undang-undang yang telah dibentangkan pada hari ini dan pada petang ini adalah untuk memberi perlindungan kepada pengguna dan sememangnya pengguna adalah masyarakat dan golongan yang terbesar di dalam setiap negara termasuk negara kita Malaysia.

Ini merupakan tanggungjawab pihak Kementerian yang telah menjaga kemaslahatan ummah di dalam makan minum dan urusan kehidupan yang menyeluruh. Kita melihat pengguna ini bukan sahaja perlu dilindungi daripada perkara yang besar tetapi daripada perkara yang sekecil-kecilnya sampailah kepada perkara yang sebesar-besarnya. Kita melihat juga rang undang-undang yang telah dibentangkan ini ialah walaupun ia sudah dirangka dengan begitu rupa tetapi kadang-kadang kita melihat kalau insan itu tidak dididik dengan sebaik-baiknya maka berapa banyak rang undang-undang pun tidak dapat mengawalinya.

Ini kerana saya melihat kita perlu ada kesepaduan di dalam semua sektor kerajaan, tidak kira dalam semua kementerian dan bukan hanya tertumpu kepada kementerian ini sahaja. Kenapa Ahli-ahli Yang Berhormat saya berkata begitu? Sebabnya ialah kita sebagai sebuah kementerian tidak dapat mengelak daripada berhubung dengan kementerian-kementerian lainnya. Ahli-ahli Yang Berhormat, Tuan Yang di-Pertua terlalu banyak perkara yang berkaitan dengan pengguna ini telah disentuh oleh rakan-rakan Senator tadi. Saya ingin memperkatakan sedikit daripada perkara-perkara yang disentuh. Sebagai contoh ialah dalam hal ini sijil halal. Tadi Yang Berhormat Menteri ada menyebut menyinggung sedikit berhubung dengan sijil halal. Sijil halal ini kita tahu yang mempunyai autoriti ialah JAKIM dan pihak Majlis Agama Islam Negeri-negeri.

■1910

Namun begitu, kita sering melihat pelbagai logo halal yang tidak halal telah muncul di pelbagai tempat dan premis yang ada di dalam negara kita terutama ialah kedai-kedai makan. Jadi, saya rasa perkara ini perlu diberi perhatian oleh pihak kementerian dan juga pihak kerajaan supaya masyarakat tidak terkeliru. Dan hal ini banyak kita apabila bertanya kepada pengguna-pengguna dan masyarakat mereka mengatakan bahawa sudah ada sijil halal, ada logo halal sedangkan logo itu tidak mendapat kehalalan daripada pihak yang berautoriti.

Halal ini juga Tuan Yang di-Pertua, bukan sahaja melibatkan makan dan minum tetapi ia juga cara pemerosesan kerana itu kita sering mendengar ada serbuan-serbuan dibuat oleh pihak-pihak yang berwajib untuk menentukan kehalalannya dan pihak penguat kuasa hanya akan bertindak atas laporan. Oleh kerana itu saya melihat perlu ada proaktif, tidak perlu kepada menunggu laporan tetapi proaktif untuk memastikan bahawa yang halal itu betul-betul halal.

Seterusnya saya melihat halal itu juga termasuk yang sekarang ini saya belum dapati tanda halal kepada ubat-ubatan di farmasi-farmasi dan hal ini juga ialah perlu diberi logo halal supaya pengguna yang ingin menggunakan yang betul-betul halal, mereka yakin dan tidak ada waswas. Oleh kerana itu saya mencadangkan supaya perkara ini diberi perhatian oleh pihak kementerian.

Selain daripada itu Tuan Yang di-Pertua, halal bukan sahaja makan dan minum tetapi juga ia berkait dengan sikap dan juga pegangan pemikiran dan juga keyakinan hidup. Oleh kerana itu banyak perkara yang kita istilah halal dan haram ini kebanyakannya di dalam makan dan minum. Akan tetapi dalam urusan solat umpamanya, kita tidak kata halal atau haram, kita kata sah atau batal tetapi natijahnya sama. Begitulah juga perkara-perkara lain yang perlu kita berikan perhatian dalam hal ini.

Selain daripada itu, saya ingin membangkitkan berhubung dengan iklan memancing. Sekarang ini iklan di akhbar-akhbar selalu kita lihat banyak pertandingan memancing. Saya menaruh kebimbangan pertandingan ini akan terbawa kepada perjudian. Ini kerana rata-rata yang pergi bukan hendak dapat ikan, tetapi hendak dapat ganjaran. Saya ingin meminta supaya perkara ini dibuat kajian supaya masyarakat kita tidak terjebak dengan perjudian yang diharamkan. Ada macam-macam helah yang telah dibuat oleh pelbagai pihak untuk membolehkan yang tidak boleh supaya jadi boleh atau yang tidak halal jadi halal. Jadi, saya meminta supaya pihak kementerian memberikan perhatian kepada perkara ini supaya masyarakat kita tidak terlibat dengan perjudian yang tidak disedari.

Begitulah juga Tuan Yang di-Pertua, skim cepat kaya masih lagi berleluasa dengan cara internet dan juga berbagai-bagai cara yang telah dilakukan. Saya yakin dan percaya pihak kementerian mengetahui perkara ini dengan agensi-agensi yang lain. Oleh kerana itu saya melihat bahawa perkara seperti ini perlu diberi penegasan dan juga tindakan yang sewajarnya kerana daripada skim itu, ramai orang yang jadi bankrap. Kita telah tahu hal ini telah berlaku lama dan masih berlaku sampai sekarang.

Saya juga tadi mendengar daripada Ahli Yang Berhormat tentang hal gores dan kita semacam tertekan apabila pergi ke pasar, ditarik tangan untuk menyertai supaya kita menggores dan apabila kita menggores atau mengoyak sampul surat, kita dikatakan dapat satu hadiah yang besar. Ini sebagai telah menipu pengguna sebenarnya dan mereka mengatakan hanya untuk dua minit sahaja, tetapi mereka akan memaksa kita untuk duduk sampai lebih daripada setengah jam atau berjam-jam.

Ini adalah di antara perkara yang perlu diberi perhatian supaya masyarakat kita, pengguna ini tidak ditipu.

Rang undang-undang ini saya melihat bukan hanya sekadar untuk melindungi pengguna, tetapi ia juga memberikan peringatan kepada peniaga supaya tidak memanipulasikan orang yang tidak mengetahui. Pengguna biasanya akan terpengaruh dengan pelbagai daya dan helah yang telah dibuat dengan perancangan yang begitu rapi dan akhirnya mereka akan terpedaya dengan bujukan-bujukan. Tadi saya mendengar barangan palsu telah dibuat dengan jenama yang mahal. Sebagai contoh, jam *Rolex*. Jam *Rolex* ini memang harganya mahal, tetapi ada orang yang sanggup ditipu sejak awal di mana mereka akan memakai jam *Rolex* dengan harga RM50 dan hal ini memang berlaku. Ini saya melihat kadang-kadang pengguna juga perlu dididik, mereka jangan dari awal senang untuk dimanipulasikan oleh pihak lain.

Tuan Yang di-Pertua, bagi saya satu pendidikan kepenggunaan yang menyeluruh supaya masyarakat kita faham tentang tanggungjawab sebagai pengguna dan juga tanggungjawab sebagai peniaga. Kita di dalam melindungi pengguna, kita juga perlu mendidik peniaga supaya mereka betul-betul berniaga untuk mendapat kebaikan untuk diri mereka dan kepada orang Islam berniaga adalah satu amalan yang sangat besar dan boleh membawa keuntungan yang berlipat kali ganda.

Ada sebuah hadis Rasulullah SAW yang menyebut yang bermaksud sembilan daripada sepuluh (9/10) harta adalah dari perniagaan. Oleh kerana itu perniagaan yang jujur adalah memberi kebaikan-kebaikan bukan sahaja di dunia, tetapi membawa keberkatan di akhirat di mana Rasulullah SAW juga menyebut dalam sebuah hadis yang berbunyi... [*Membaca sepotong hadis*] Antara maksudnya, peniaga atau *businessman* yang benar akan dibangkit bersama para nabi. Bagi orang Islam, mereka apabila berniaga dengan jujur, dengan berlandaskan syariat, mereka bukan sahaja mendapat keuntungan dan kesenangan di dunia, namun di akhirat nanti mereka akan mendapat layanan yang istimewa daripada Allah SWT. Itulah Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. *Assalamualaikum*.

Tuan Yang di-Pertua: *Walaikumsalam*. Terima kasih Yang Berhormat. Seterusnya saya hendak mempersilakan Yang Berhormat Hajah Dayang Madinah Tun Abang Haji Openg. Silakan.

7.19 mlm.

Puan Hajah Dayang Madinah binti Tun Abang Haji Openg: Terima kasih Tan Sri di-Pertua. *Bismillaahi Rahmaani Rahiim. Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh* dan salam 1Malaysia.

Terlebih dahulu saya ucapkan ribuan terima kasih kepada Tan Sri di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk turut serta dalam perbahasan rang undang-undang ini. Saya ingin mengucapkan tahniah dan syabas kepada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan atas kejayaan membentangkan rang undang-undang ini khususnya untuk kebaikan para pengguna dan juga pembeli. Saya terpanggil untuk menarik perhatian kementerian berkenaan mengenai satu perkara iaitu tarikh luput (*expiry date*), dengan izin.

■1920

Ini kerana rakan-rakan yang lain telah menyentuh perkara-perkara lain jadi saya hanya ingin memfokuskan mengenai perkara "tarikh luput" barangan jualan. Dalam dunia perniagaan ini, kadang-kadang hendak mendapatkan keuntungan banyak atau hendak kaya dengan cepat dengan cara penipuan dan kepalsuan boleh membawa seseorang peniaga itu sanggup untuk melanggar syarat-syarat dan peraturan-peraturan tertentu malah mengesampingkan kepentingan dan keselamatan para pembeli serta pengguna.

Tarikh luput biasanya dilabelkan di atas barangan jualan khususnya makanan, minuman, bahan-bahan masakan sama ada di dalam botol, tin atau bungkusan juga didapati pada ubat-ubatan, produk-produk pencucian seperti sabun dan sebagainya termasuk juga produk-produk kosmetik dan juga produk yang digunakan oleh para wanita. Jadi saya ingin menarik perhatian kementerian kerana selalunya barangan yang ada *level* tarikh luput tempoh masanya tiga tahun kalau tidak silap saya, daripada tarikh pengeluarannya sehinggalah tarikh luput.

Akan tetapi kita juga masih mendapati bahawa barang-barangan ini seperti yang saya sebutkan tadi tetapi masih dijual di pasaran, di *supermarket* contohnya, walaupun kadang-kadang *expiry date* nya hanya tinggal satu hari, satu minggu atau sudah berlalu. Jadi kita berharap kementerian boleh menentukan sama ada tarikh luput ini kalau sudah terlalu dekat sama ada ia masih boleh dijual untuk kegunaan para pengguna kerana kita mementingkan keselamatan dan kesihatan para pengguna juga.

Kita takut ia boleh mengakibatkan kesan-kesan sampingan jika tarikhnya hampir ataupun telah luput dan mutu kandungan barangan tersebut telah tidak elok lagi. Khususnya saya mendapati barang-barang yang dijual sewaktu jualan murah selalunya berlonggok-longgok dan didapati ada tarikh luputnya hampir tamat dan ada yang telah luput pun masih dipamerkan untuk dijual, selalunya ketika *clearance stock*.

Jadi kita berharap kementerian akan mengambil perkara ini secara serius demi keselamatan pengguna khususnya dari segi kesihatan. Apa yang penting sekali barangan makanan dan minuman termasuk juga makanan untuk bayi seperti susu di dalam tin, jika sudah atau hampir luput mungkin boleh mengakibatkan kesan sampingan yang memudaratkan kesihatan bayi.

Itu sahaja Tan Sri di-Pertua, perkara yang saya kira penting untuk dikemukakan kepada pengetahuan kementerian. Dengan itu saya menyokong rang undang-undang ini, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Akhir sekali saya mempersilakan Yang Berhormat Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawi, lima minit sahaja ya, jangan panjang sangat ya.

7.24 mlm.

Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawi: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana membenarkan saya untuk saya membahaskan Rang Undang-undang Perihal Dagangan 2011. Ada dua tiga isu yang saya hendak kemukakan iaitu pertama berkaitan dengan seksyen 58 iaitu eksperimen penyelidikan pasaran di mana kita dimaklumkan bahawa sekiranya barang itu digunakan untuk penyelidikan maknanya mereka berhak mungkin tidak mematuhi undang-undang sebagaimana yang disebutkan di dalam perihal dagangan.

Cuma saya hendak tahu sekarang ini dari sudut kuantiti, berapa banyak benda ini dibenarkan, kuantiti barang-barang penyelidikan di dalam seksyen 58. Katakanlah mereka menjual barang, benda yang dijual itu mungkin ada had sebanyak 100,000 atau 1,000 dan sesetengah barang-barang kita lihat ia dibuat untuk penyelidikan ini dia akan ditulis dengan, "*not for sale*" tetapi tidak semua barang yang akan ditulis sedemikian, adakah kita dengan ini mewajibkan mereka mesti cap dan tidak boleh hanya ditampal dengan tulisan "*not for sale*" tadi dan berapakah kuantiti yang akan dibenarkan dan adakah ini akan dipantau oleh pihak kementerian itu yang pertama.

Saya mengucapkan tahniah kepada pihak kerajaan satu benda baru yang kita lihat ganjaran bagi maklumat di bawah seksyen 66 yang menyebut bahawa orang-orang yang mengadu itu mereka akan mendapat tidak melebihi setengah daripada jumlah denda sekiranya kes itu disabitkan. Walau bagaimanapun apa yang saya hendak persoalkan di sini ialah apabila disebut di atas permohonan pegawai pendakwa, maknanya tanpa permohonan pegawai pendakwa orang yang mengadu atau memberi maklumat tidak berhak kepada sebahagian daripada denda yang telah dikenakan kepada yang tertuduh ataupun yang bersalah, jadi diletakkan di atas permohonan pendakwa, jadi kalau dia tidak minta tidak kan dapatlah kepada orang yang memberikan maklumat tersebut. Jadi saya rasa perkara ini sepatutnya boleh kita perjelaskan supaya ini akan menggalakkan rakyat untuk bercakap dan menyebut tentang perkara ini tetapi maklumat kepada kerajaan.

Seterusnya berkaitan dengan pemantauan slogan-slogan, kita lihat ada slogan yang menyebut, "*Malaysia on Sale*", jadi saya berharap perkara seperti ini boleh dikawal supaya ini tidak mengelirukan dan juga bagaimanakah tempoh masa yang dikuatkuasakan oleh pihak kementerian bagi pasar raya yang telah meletakkan *tagline* mereka, "*Dijamin Harga Terendah*".

Jadi jika mereka membuat *sale*, kita mungkin boleh kesan daripada 15 sehingga 20, tetapi kalau mereka meletakkan dengan menulis, "*Dijamin Harga Terendah*", bilakah tempoh masa yang akan dipantau oleh pihak kementerian bagi memastikan *tagline* seperti ini tidak mengelirukan dan kita minta informasi tertentu untuk memastikan perkara ini boleh dikawal oleh pihak kementerian dan ia merupakan benar-benar harga yang terendah?

Terakhir adakah pihak kementerian mempunyai tribunal baru apabila kita meneruskan Undang-undang Perihal Dagangan pada hari ini dan adakah aduan boleh dibuat melalui *website* ataupun aduan oleh pengguna seperti juga dengan cara bertulis dan kalau dengan cara lain tidak diterima, jadi kalau boleh dibuat dengan cara aduan menggunakan *website* ini berapa lama kah perkara ini akan diambil tindakan. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Sekarang masa sudah 5.30 petang. Saya teruskan dengan satu usul. Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan ditangguhkan untuk dikemukakan Usul Penangguhan.

USUL

MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH PERATURAN MESYUARAT 15(3)

7.27 mlm.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan I [Dato' Tan Lian Hoe]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

"Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 15(3), Mesyuarat ini ditangguhkan sekarang."

Timbalan Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air [Puan Noriah binti Kasnon]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

UCAPAN-UCAPAN PENANGGUHAN

Impak Kenaikan Tarif Elektrik dan Jaminan Bekalan Tenaga.

7.29 mlm.

Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawi: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Impak kenaikan tarif elektrik dan jaminan bekalan tenaga.

Tanggungjawab kerajaan ialah menyediakan prasarana dan semua bahan asas yang diperlukan oleh rakyat di antara keutamaan di dalam dunia moden ialah bekalan elektrik, sebarang kenaikan atau penurunan harga atau cas kepada bekalan elektrik akan memberikan impak kepada kelangsungan hidup rakyat terbanyak. Oleh itu apabila kerajaan menaikkan cas elektrik dan rakyat sebagai pelanggan telah mula menerima bil setelah tarif baru. Oleh itu saya ingin mengemukakan beberapa persoalan asas berkaitan dengan bahan dan sumber tenaga, penjana ekonomi negara untuk diperjelaskan oleh Kementerian Tenaga Teknologi Hijau dan Air.

Pertama rizab margin elektrik sebagai bekalan dan jaminan bagi berdasarkan kepada populasi dan perkembangan ekonomi negara dan berapakah rizab margin standard yang diperkenalkan di peringkat antarabangsa. Kedua, sejauh manakah kenyataan Tan Sri Ani Arope mengenai perjanjian terma berat sebelah dalam IPP memberikan impak positif dan negatif kepada industri bekalan tenaga kita. Kalau ia tidak benar kenapa kerajaan tidak mengambil tindakan.

Ketiga, siapakah yang bertanggungjawab untuk membayar bagi memastikan rizab-rizab tersebut dan berapakah bayaran yang dibuat kepada IPP sebagai perjanjian kuasa bebas bagi pembekalan rizab margin.

Seterusnya, berapakah jumlah rakyat yang telah menerima subsidi bil di bawah RM20 sebelum dan selepas kenaikan tarif elektrik dan yang kelima, berapakah jumlah perbandingan cas ataupun pembayaran tarif elektrik terhadap pengguna sebelum dan selepas kenaikan tarif elektrik.

Keenam, berapakah jumlah tenaga yang dikeluarkan oleh empangan-empangan di seluruh Malaysia berbanding keperluan pengguna elektrik Malaysia dan juga jumlah tenaga yang dibeli daripada IPP.

■1930

Apakah dan bagaimanakah kerajaan memastikan untuk penggunaan dan pengurusan maksimum bekalan tenaga elektrik yang dijana oleh Empangan Bakun kepada Semenanjung Malaysia. Berapakah jumlah *blackout* yang diterima oleh TNB sebelum dan selepas kenaikan tarif elektrik? Kenapakah bekalan tambahan elektrik di Kelantan tidak ditingkatkan sejajar dengan perkembangan populasi dan ekonomi negeri yang mengakibatkan terputusnya bekalan elektrik di Kelantan? Sejauh manakah bekalan tenaga elektrik dan kekurangannya akan membahayakan keselamatan negara dan jaminannya? Berapakah jumlah masa yang diambil oleh TNB bagi menyelesaikan permohonan lampu jalan individu dan swasta bagi memberikan manfaat kepada awam.

Oleh kerana isu ini amat kritikal pada masa sekarang, saya memohon jawapan dan fakta terkini untuk dijawab oleh pihak kementerian. Kita mahu dengan kelebihan tenaga dan bekalan elektrik yang mencukupi akan melonjakkan industri pembuatan perkilangan dan ekonomi dalam negara kita. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Ya, silakan Yang Berhormat Timbalan Menteri.

7.32 mlm.

Timbalan Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air [Puan Noriah binti Kasnon]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Senator Puan Hajah Mumtaz. Kedudukan *reserve margin* di Semenanjung pada masa ini adalah sekitar 40 peratus. Walau bagaimanapun, berdasarkan unjuran pertumbuhan dalam permintaan serta mengambil kira loji-loji jana kuasa yang akan henti tugas, tahap *reserve margin* ini akan merosot kepada 18 peratus pada tahun 2015.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, penetapan *reserve margin* adalah berdasarkan saiz sesebuah sistem pembekalan elektrik. Tahap *reserve margin* yang diperlukan akan menurun apabila kedudukan keupayaan terpasang atau *install capacity* dengan izin, sesuatu sistem itu meningkat. Keperluan tahap *reserve margin* ini juga tertakluk Tuan Yang di-Pertua, kepada reka bentuk sesuatu sistem bekalan elektrik. Bagi negara-negara yang mempunyai sambung tara dengan negara jiran, tahap *reserve margin* yang diperlukan adalah rendah kerana sebarang lonjakan dalam permintaan atau kehilangan kapasiti apabila loji jana kuasa terpelantik dibendung dengan menggunakan kapasiti penjanaan dari negara-negara jiran. Sistem pembekalan elektrik di Malaysia masih belum mencapai tahap sambung tara bekalan elektrik antara negara sepertimana yang wujud di negara-negara Eropah.

Tuan Yang di-Pertua, selain itu kedudukan *reserve margin* hanya merupakan salah satu pengukur kepada keutuhan sebuah sistem bekalan elektrik. Kedudukan tahap *loss of load probability*, dengan izin, adalah pengukur utama bagi menentukan keutuhan dan daya harap sesuatu sistem bekalan elektrik. Seterusnya mengenai pembayaran *reserve margin* tersebut keperluan *reserve margin* akan diambil dalam penyediaan keperluan kapasiti penjanaan secara keseluruhan. Ia tidak diagih mengikut TNB atau IPP.

Tuan Yang di-Pertua, kenyataan oleh Yang Berbahagia Tan Sri Ani Arope dalam laman sesawang sosial tersebut adalah merupakan pendapat peribadi beliau. Sebagaimana yang kita tahu, TNB adalah sebuah syarikat GLC yang menjadi majikan kepada lebih 20,000 orang pekerja dan merupakan pembekalan utiliti elektrik utama negara yang memastikan aktiviti ekonomi dalam negara berjalan lancar. Di sini saya ingin menegaskan bahawa kerajaan akan sentiasa melindungi TNB dan syarikat-syarikat GLC lain bagi memastikan daya saing serta keupayaan syarikat untuk beroperasi tidak terjejas.

Seterusnya berhubung dengan jumlah tenaga yang dikeluarkan oleh empangan di seluruh Malaysia. Di sini saya ingin menjelaskan bahawa jumlah tenaga yang boleh dihasilkan daripada loji jana kuasa hidro adalah bergantung kepada kedudukan bekalan air dalam empangan hidro dalam sesuatu tempoh tertentu. Sekiranya kadar hujan yang turun bagi satu tempoh tertentu itu adalah rendah maka jumlah tenaga elektrik yang boleh di hasil juga akan merosot.

Jumlah purata tenaga elektrik yang akan dihasilkan daripada sumber hidro adalah antara 4 peratus hingga 5 peratus atau lebih kurang 1,900 megawatt daripada jumlah keseluruhan tenaga elektrik yang dihasilkan.

Tuan Yang di-Pertua, jumlah tenaga yang dihasilkan oleh pihak IPP di Semenanjung adalah sebanyak 49 peratus atau 10,781 megawatt dari jumlah keseluruhan keperluan tenaga pada tahun 2010. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan Negeri Sarawak pula mempunyai perancangan sendiri mengenai penggunaan sumber tenaga elektrik daripada Projek Hidroelektrik Bakun. Walau bagaimanapun, potensi penjanaan tenaga elektrik dari sumber hidro Sarawak masih banyak dan sedang diambil kira dalam perancangan jangka panjang bekalan elektrik negara.

Tuan Yang di-Pertua, kenaikan tarif baru elektrik yang diumumkan oleh kerajaan baru-baru ini tidak akan membebankan pengguna di mana sebanyak 75 peratus atau 4.4 juta daripada 5.94 juta pengguna domestik tidak akan mengalami kenaikan bil elektrik bulanan selagi mereka mengekalkan penggunaan elektrik pada kadar 300 kilowatt jam sebulan atau kurang. Jumlah ini merangkumi pengguna-pengguna atas *lifeline band*, dengan izin, yang menggunakan elektrik kurang daripada 200 kilowatt jam sebulan, yang dikekalkan pada kadar unit 21.8 sen per kilowatt jam dan pengguna domestik yang menggunakan elektrik di antara 201 hingga 300 kilowatt jam sebulan, yang dikekalkan pada kadar unit 33.40 sen per kilowatt jam. Struktur tarif elektrik juga telah disusun semula pada satu blok penggunaan sahaja bagi membolehkan semua pengguna domestik menikmati kadar tarif *lifeline band*, dengan izin, bagi pengguna 200 unit pertama.

Di samping itu bagi membantu golongan yang berpendapatan rendah kerajaan akan terus mengamalkan sikap prihatin kepada golongan ini dengan memberikan pengecualian daripada membayar bil elektrik bulanan RM20 dan ke bawah sehingga bulan Disember 2011. Langkah ini akan melibatkan kerajaan menanggung perbelanjaan yang dianggarkan sebanyak RM122 juta bagi tahun 2011 di Semenanjung Malaysia.

Seterusnya untuk senarai terperinci Yang Berhormat, saya akan menyerahkan jadual terperinci kenaikan tarif mengikut julat selepas ini Yang Berhormat kerana ianya terlalu panjang untuk dibacakan satu persatu.

Tuan Yang di-Pertua, bilangan rakyat atau pengguna domestik yang menerima subsidi bayaran bil di bawah RM20 iaitu bagi penggunaan elektrik kurang daripada RM20 sebulan, di Semenanjung Malaysia bagi tempoh sebelum kenaikan tarif ialah seramai 928,179 orang setakat bulan Mei 2011. Manakala selepas kenaikan tarif ialah seramai 939,607 orang pada bulan Jun 2011. Jumlah subsidi yang terlibat adalah sebanyak RM9,805,800.32 sebelum semakan semula tarif dan sebanyak RM9,948,771.35 selepas bulan Jun 2011.

Selain daripada itu, bilangan aduan *blackout*, dengan izin, yang telah diterima sebelum dan selepas kenaikan tarif elektrik adalah sebanyak 19,119 aduan pada bulan Mei 2011 iaitu sebelum kenaikan tarif elektrik dan 17,267 aduan pada bulan Jun 2011 iaitu selepas kenaikan tarif.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai keupayaan bekalan elektrik di negeri Kelantan pada masa ini adalah mencukupi. Secara keseluruhannya kapasiti terpasang melebihi permintaan iaitu 600 *megawatt ampere* berbanding permintaan maksimum 350 *megawatt ampere*. Merujuk kepada kejadian terputus bekalan elektrik di Kelantan, sebenarnya ianya berlaku bukan disebabkan ketidakcukupan bekalan elektrik tetapi adalah disebabkan oleh pelbagai faktor lain, antaranya seperti berikut:

- (i) kegagalan sistem kabel bawah tanah yang telah lanjut usia tetapi membawa lebihan beban;

- (ii) kabel bawah tanah dirosakkan oleh kerja-kerja korek gali oleh pihak ketiga yang menjalankan kerja-kerja pembesaran jalan, pembinaan bandar baru, pemasangan utiliti dan sebagainya; dan
- (iii) gangguan kepada sistem talian atas voltan tinggi tidak bertejabat yang berpunca dari pencerobohan oleh binatang, kejadian pokok tumbang dan cuaca buruk termasuk ribut dan kilat.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, sebagai langkah untuk mengatasi gangguan bekalan elektrik di Kelantan ini, pihak TNB telah mengambil pelbagai inisiatif antaranya dengan menukar kabel bawah tanah yang telah lanjut usia dan berbeban tinggi. Kabel lama dari jenis *Paper-Insulated Lead Cable* (PILC) dengan izin, ditukar kepada kabel yang lebih berdaya harap iaitu kepada jenis *Cross-Linked Polyethylene* (XLPE) dengan izin, kabel bersaiz kecil juga ditukar kepada kabel yang lebih besar sesuai dengan permintaan beban yang ditanggung.

Bagi sistem talian atas yang tidak bertejabat, bermula tahun 2009 TNB telah memperkenalkan satu kaedah senggaraan yang berkesan iaitu kaedah *vegetation management* dengan izin, bagi mengatasi masalah gangguan pokok dan binatang kepada sistem talian atas. Selain itu sebagai permulaan kaedah ini dilaksanakan di kawasan pedalaman Gua Musang, Kuala Krai, Dabong, Jelawang dan Jeli. Hasil dari pengurusan cara ini gangguan bekalan elektrik disebabkan binatang telah dapat dikurangkan.

■1940

Sejajar dengan perkembangan pembangunan semasa di negeri Kelantan, TNB tidak ketinggalan melaksanakan projek-projek menambah keupayaan terpasang di kawasan-kawasan permintaan tinggi dan TNB telah memperuntukkan sebanyak RM110 juta bagi tahun semasa 2011 untuk projek-projek tersebut yang turut melibatkan lima Pencawang Pembahagian Utama atau PPU yang telah mula tugas dan tujuh lagi Pencawang Pembahagian Utama (PPU) yang sedang dilaksanakan seperti PPU Bandar Baru Tunjung yang kini sedang dalam pelaksanaan.

Pihak TNB juga telah meluluskan projek menaik taraf sistem talian atas 33KV sedia ada dari Pencawang Masuk Utama (PMU) Lemal, Pasir Mas ke Pencawang Pembahagian Utama (PPU) Kok Seraya, Tumpat untuk meningkatkan daya harap serta kapasiti talian.

Seterusnya untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat juga, kekurangan kapasiti penjanaan yang melampau boleh menyebabkan kejadian *blackout*, dengan izin. Para pelabur asing dan tempatan akan meninggalkan Malaysia untuk negara lain sekiranya bekalan elektrik yang berdaya harap dan stabil tidak dapat disediakan. Selain daripada itu, gangguan bekalan elektrik yang berterusan juga akan mengancam keselamatan negara.

Ahli-ahli Yang Berhormat, program skim lampu jalan individu adalah bertujuan untuk memberi kemudahan bagi individu atau kumpulan tertentu seperti kawasan perumahan untuk mendapat kemudahan pemasangan lampu jalan bagi menerangi sebahagian daripada jalan yang digunakan oleh orang awam dan dipasang di atas tiang sesalur TNB sedia ada. Biasanya masa yang diambil oleh TNB untuk menyelesaikan permohonan lampu jalan individu dan swasta memerlukan penambahan tiang ialah sebanyak 14 hari dengan syarat mematuhi peraturan-peraturan yang telah ditetapkan oleh pihak TNB. Sekian Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

Suruhanjaya Bebas Aduan dan Salahlaku Polis (IPCMC)

7.42 mlm.

Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah: Terima kasih. Sebagai sebuah agensi kerajaan terbesar yang melaksanakan penguatkuasaan undang-undang di negara ini, PDRM harus berani menerima kenyataan bahawa terlalu banyak pihak yang memerhati bidang tugas PDRM.

Untuk itu, sebarang usaha untuk menambah baik peranan PDRM termasuk usaha merangka kaedah untuk memantau peranan dan perilaku polis harus diterima dengan hati terbuka oleh semua pihak terutama oleh semua warga PDRM tanpa prejudis.

Terdapat banyak kes yang melibatkan penyalahgunaan kuasa polis semasa menjalankan tugas. Antara kes-kes yang menonjol adalah seperti kes tembak mati Amirul Rasyid dan kes kematian dalam tahanan A. Kugan. Selain itu banyak juga aduan tentang keganasan polis ketika perhimpunan awam yang diadakan secara aman. Polis seolah-olah telah menyalahgunakan kuasa dan telah membatasi etika dan peraturan dalam tugas sebagai anggota polis.

Walaupun terdapat banyak protes yang dilakukan oleh kumpulan-kumpulan hak asasi manusia dan bukti-bukti yang jelas berkenaan dengan kematian para suspek akibat ditembak polis dan kes kematian dalam tahanan, namun kejadian-kejadian ini tetap terus berlaku tanpa henti. Kes kematian sebegini tidak disiasat oleh mana-mana badan bebas bagi menentukan sama ada anggota polis yang terlibat bertindak dengan atau tanpa justifikasi di bawah undang-undang.

Kes-kes seperti ini akan dilaporkan dengan penuh tidak bertanggungjawab dan berbau fitnah di dada akhbar, radio dan televisyen utama. Situasi menjadi lebih parah apabila institusi polis yang sepatutnya tampil ke hadapan untuk menegakkan keadilan walaupun terhadap anggotanya sendiri dengan angkuhnya mempertahankan tindakan anggotanya yang dilakukan di luar nas undang-undang dan menghalang sebarang siasatan terus untuk dijalankan.

Seperkara yang harus ditimbang ialah wajarkah ini berlaku? Adakah ini telah sebenarnya menggambarkan satu fenomena umum dalam perkhidmatan PDRM? Mampukah orang kebanyakan menegur PDRM? Sedangkan sebagai rakyat, kita tidak boleh lepas dari terpaksa meminta tolong dari agensi yang diutus khas untuk membantu masyarakat ini. Saya menuntut agar pihak kerajaan melaksanakan cadangan-cadangan yang dikemukakan oleh Suruhanjaya Diraja Penambahbaikan Perjalanan dan Pengurusan Polis Diraja Malaysia terutamanya menubuhkan IPCMC secepat mungkin sekiranya kerajaan ingin merealisasikan slogan, "*Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan.*"

Dalam kes-kes seperti ini di mana lagi waris mangsa ingin membuat aduan dan laporan selain pihak polis terutama yang melibatkan salah laku anggota polis sendiri. Berikutan itu, penubuhan IPCMC sangat diharapkan supaya keadilan sebenar dapat didedahkan dan keadilan dapat ditegakkan dan juga bagi mengambil alih kepercayaan rakyat terhadap mutu perkhidmatan PDRM. Walau bagaimanapun, saya berharap IPCMC yang bakal ditubuhkan bukan sahaja menjurus kepada mencari salah laku anggota PDRM sehingga ia boleh dipandang sebagai berat sebelah dan melunturkan semangat bertugas dan moral PDRM seluruhnya. Ia juga harus menegakkan keadaan bagaimana PDRM boleh diatur agar dapat bertugas dengan lebih selesa di mana peraturan kerja dan imbuhan untuk kebaikan diri dan keluarga tidak terabai sehingga mendorong mereka mengamalkan rasuah yang tidak terkenal.

Kesimpulannya, PDRM harus memberi contoh yang baik sebagai sebuah agensi kerajaan yang menguatkuasakan undang-undang dengan mematuhi ketua kementerian nya sendiri dan Ketua Polis Negara iaitu Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri. Kepatutannya PDRM dalam mematuhi keputusan kerajaan ini akan menjadi contoh teladan kepada rakyat untuk menuntut mematuhi undang-undang. Janganlah pihak PDRM menganggap penubuhan IPCMC sebagai tanda bahawa negara dan rakyat telah hilang hormat dan kepercayaan terhadap organisasi PDRM sendiri.

Kita harus menganggap bahawa ia adalah sebagai usaha kerajaan untuk lebih meningkatkan lagi keberkesanan, kelancaran dan martabat PDRM yang membawa imej Raja dan kerajaan secara keseluruhannya. IPCMC lebih kepada mencari kaedah untuk membantu pihak PDRM mencari jalan untuk mengatasi salah laku anggota secara individu agar misi dan visi perkhidmatan PDRM dapat dicapai dengan lebih baik lagi. Pembaikan imej PDRM akan meningkatkan lagi kepercayaan dan seterusnya akan menambahkan lagi hubungan rapat PDRM dengan rakyat untuk memudahkan tugas harian anggota PDRM. Terima kasih.

7.47 mlm.**Timbalan Menteri Dalam Negeri I [Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusop]:**

Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih di atas keprihatinan Yang Berhormat Senator Dr. Ramakrishnan berkenaan cadangan perwujudan Suruhanjaya Bebas Aduan dan Salahlaku Polis atau IPCMC ini.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Senator dan juga Dewan yang mulia ini, sebagai sebuah agensi penguat kuasa undang-undang yang utama dan terulung di negara ini, Polis Diraja Malaysia atau PDRM telah diperuntukkan dengan kuasa yang sangat besar dalam fungsi dan skop tugasnya. Dalam hal ini, setiap anggota PDRM akan menjalankan kewajipan asasi mereka sebagai yang telah termaktub dalam Akta Polis 1967, seksyen 3(3) iaitu mengekalkan undang-undang dan ketenteraman, menjaga keamanan dan keselamatan Persekutuan, mencegah dan mengesan jenayah, menangkap dan mendakwa orang-orang yang melakukan kesalahan dan mengumpulkan risikan keselamatan.

Dalam memastikan setiap anggotanya mematuhi undang-undang, peraturan-peraturan dan arahan-arahan yang sedia ada, Urusetia Ketua Polis Negara Bahagian Tata tertib telah diwujudkan dan berfungsi sebagai sebuah badan bebas yang menjalankan sistem kawalan dalaman di dalam pasukan PDRM. Objektif penubuhan bahagian ini adalah bagi memastikan tahap disiplin pegawai kanan polis, pegawai rendah polis dan kakitangan awam PDRM sentiasa berada di tahap tertinggi, terkawal dan berkesan. Amalan disiplin yang tinggi akan dipatuhi oleh semua warga PDRM, konsep *zero tolerance* yang menjadi tunjang utama kepada bahagian ini adalah sangat tinggi nilainya, di mana jika ada pegawai atau anggota atau kakitangan awam PDRM melakukan apa-apa kesalahan dan pelanggaran peraturan atau arahan di dalam jabatan PDRM, maka tindakan tata tertib akan dikenakan terhadap mereka dan tiada imuniti akan diberikan kepada sesiapa pun.

■1950

Mengenai aduan rakyat terhadap perkhidmatan PDRM dalam menjalankan tugas pula, prinsip akauntabiliti, telus ataupun transparensi ketika menjalankan tugas adalah menjadi panduan sewaktu menerima aduan daripada mana-mana pihak. Ini membuktikan sikap keterbukaan dan adil PDRM dalam menangani masalah yang dihadapi oleh rakyat. Setiap aduan yang diterima akan disiasat kesahihannya dan sekiranya terbukti terdapat salah laku yang dilakukan oleh mana-mana warga PDRM, tindakan tata tertib akan dikenakan terhadap mereka yang bertanggungjawab.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Senator dan Dewan yang mulia ini, sehingga Mei 2011, seramai 34 orang pegawai kanan polis dan 248 orang pegawai rendah polis telah digantung kerja, manakala seramai 94 orang pegawai kanan polis dan 728 orang pegawai rendah polis pula masih ditahan kerja.

Ini membuktikan bahawa PDRM tidak sama sekali bertoleransi atau mahu mempertahankan mana-mana anggotanya yang melanggar undang-undang, peraturan-peraturan dan arahan-arahan yang perlu dipatuhi mereka ketika menjalankan tugas. PDRM juga menjamin bahawa sesuatu siasatan akan dijalankan secara adil dan telus kepada kedua-dua pihak iaitu rakyat dan juga PDRM, bagi memastikan tidak berlaku kesilapan yang boleh menghakis kepercayaan rakyat mahupun pegawai polis itu sendiri ke atas organisasi PDRM.

Berkenaan dengan cadangan Suruhanjaya Diraja PDRM 2004/2005 untuk menubuhkan IPCMC sebagai satu keperluan untuk meningkatkan integriti dan semangat pasukan Polis Diraja Malaysia, setelah mendapat pandangan pelbagai pihak termasuk PDRM sendiri, kerajaan telah membuat keputusan supaya menggantikan IPCMC dengan EAIC atau *Enforcement Agency and Integrity Commission* ataupun Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan.

Satu akta yang diberi nama Akta Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan (SIAP) 2009 telah pun digazetkan pada 3 September 2009 bertujuan untuk menubuhkan satu suruhanjaya dengan fungsi dan kuasa yang bermatlamat untuk meningkatkan tahap integriti, mengurangkan salah laku di kalangan pegawai penguat kuasa dan memupuk keyakinan orang ramai terhadap agensi penguat kuasa bukan sahaja terhadap PDRM tetapi juga semua agensi penguat kuasa.

SIAP juga berfungsi untuk mewujudkan mekanisme bagi tindakan pencegahan dari berlakunya salah laku oleh seseorang pegawai penguat kuasa.

Pasukan Polis Diraja Malaysia sememangnya sentiasa mempraktikkan dan memastikan prinsip keadilan dan ketelusan terjamin kepada kedua-dua pihak iaitu sama ada rakyat mahupun pegawai polis seperti mana yang telah diarahkan oleh Ketua Polis Negara supaya PDRM menjalankan tanggungjawab sebagai seorang pegawai polis dengan berpaksikan kepada bidang yang diperuntukkan undang-undang dan menentukan PDRM terus memberikan perkhidmatan terbaik bagi kesejahteraan rakyat dan negara Malaysia yang tercinta ini. Sekian, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat, Usul Penangguhan sebagaimana yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat tadi hendaklah disetujui.

[Usul dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui]

Tuan Yang di-Pertua: Seterusnya Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Dewan hari ini ditangguhkan sehingga jam 10 pagi, hari Isnin, 11 Julai 2011. Sekian, terima kasih.

Dewan ditangguhkan pada pukul 7.55 malam.